

قِبَّةُ عِلْمٍ مُشَكَّلٌ كَتَبُ اسْلَامٍ حَضَارَى

# PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM HADHARI



## Editor

**Prof. Madya Hj. Musa Ahmad**  
**Prof. Madya Azam Hamzah**  
**Dr. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad**  
**Muhamad Rahimi Osman**



قوسٌ قَمِيقِيرَنْ دَانْ كَفَهْمَنْ اسْلَامْ

**Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU)**  
**Universiti Teknologi MARA**

# **PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM HADHARI**

**Editor**

**Prof. Madya Hj. Musa Ahmad**

**Prof. Madya Azam Hamzah**

**Dr. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad**

**Muhamad Rahimi Osman**

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam  
Universiti Teknologi MARA

Cetakan Pertama 2005  
© Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Tajuk: **PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM HADHARI**

ISBN: 983-3386-00-8

**Editor**

Prof. Madya Hj. Musa Ahmad

Prof. Madya Azam Hamzah

Dr. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad

Muhamad Rahimi Osman

**Diterbit oleh**

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam

Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Tel: 03-5544 2650 / 2670 Fax: 03-5544 2668 E-mail: musaa838@salam.uitm.edu.my

<http://www.uitm.edu.my/citu/>

**Diaturhuruf oleh**

Abd Razak Othman

**Dicetak oleh**

PROSPECTA PRINTERS SDN BHD

No. 18 & 20, Jalan 34/10A,

Taman Perindustrian IKS,

68100 Bt. Caves, Selangor.

# **Kandungan**

**Secebis Bicara:**

Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA

ii

**Seimbas Kata:**

Prof. Adjung & Penasihat  
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam

iii

**Setitis Mutiara Kata:**

Pengarah  
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam

iv

**Tajuk 1:**

Islam Hadhari: Konsep dan Cabaran  
Prof Madya Dr Mujaini Tarimin & S.Salahudin Suyurno

1

**Tajuk 2:**

Islam Hadhari dan Pembangunan Islam di Malaysia  
Dato' Dr. Ismail Ibrahim

13

**Tajuk 3:**

Masyarakat Islam Hadhari Yang Seharusnya Dijelmakan  
Dr. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad

32

**Tajuk 4:**

Islam Hadhari: Pemangkin Pemerksaan Jatidiri Melayu  
Ghafarullahhuddin Din & Muhamad Rahimi Osman

81

**Tajuk 5:**

Keharmonian Agama Di Malaysia: Perspektif Islam Hadhari  
Prof Madya Hj. Azam Hamzah

102

**Tajuk 6:**

Toleransi Dalam Perspektif Islam Hadhari  
Prof. Madya Hj. Musa Ahmad

118

**Tajuk 7:**

Pelan Pembangunan Program Islam Hadhari UiTM

129

**SECEBIS BICARA  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Assalamu`alaikum warahmatu'Llahi wa barakatuh.

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadhrat Allah S.W.T. yang telah memberikan saya tawfiq dan hidayah-Nya dalam usaha membawa universiti ini ke mercu kejayaan sebagai sebuah universiti bertaraf dunia.

Pada kesempatan ini saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas daya usaha Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) menerbitkan sebuah buku yang menghuraikan tentang konsep dan penghayatan Islam Hadhari. Memang tidak dapat dinafikan bahawa, semenjak Islam Hadhari dicanangkan oleh YAB Perdana Menteri kita, ramai umat Islam di negara ini yang tertanya-tanya dan kabur dengan hasrat dan tujuan di sebalik istilah tersebut, sehingga ada yang beranggapan sebagai agama baru yang cuba diperkenalkan oleh kerajaan.

Adalah diharapkan, ketibaan buku ini di tengah-tengah masyarakat, khususnya warga kampus UiTM, sedikit sebanyak dapat menjelaskan permasalahan yang timbul dan bermain dalam kepala sebahagian masyarakat yang tidak memahaminya.

Universiti Teknologi MARA menyokong penuh usaha murni ini dan mengucapkan syabas kepada CITU, khususnya para penulis dan seluruh warga kerjanya atas kejayaan menerbitkan buku yang saya kira amat penting dan mustahak untuk dibaca dan difahami oleh seluruh umat; bukan sahaja umat Islam tetapi juga termasuk yang bukan Islam. Semoga kehadiran buku ini di tengah-tengah masyarakat, sedikit sebanyak dapat membantu usaha kerajaan memartabatkan agama, bangsa dan negara di persada antarabangsa.

Sekian, terima kasih wassalam.

DATO' SERI PROF. DR IBRAHIM ABU SHAH  
Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA.

**SEIMBAS KATA  
PROF. ADJUNG & PENASIHAT  
PUSAT PEMIKIRAN DAN KEFAHAMAN ISLAM**

Assalamu`alaikum warahmatu'Llahi wa barakatuh.

Al-hamduliLlah, segala puji-pujian saya rafakkan ke hadhrat Allah S.W.T.. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. para Sahabat, para Tabi'in dan Itba` al-Tabi'in serta semua mereka yang menjelaki sunnahnya.

Di ruangan yang terbatas ini, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada urusetia penerbitan buku ini kerana memberi peluang kepada saya untuk mencoretkan sepatah dua kata sebagai alu-aluan kepada buku ini.

Pada hemat saya penghasilan buku yang menghuraikan tentang Islam Hadhari ini, amat tepat dengan masanya, memandangkan ramai anggota masyarakat yang tidak begitu faham dengan hasrat dan cita-cita murni Perdana Menteri. Kita sedia maklum bahawa masyarakat Islam hari ini masih ketinggalan jauh kebelakang berbanding bangsa-bangsa lain di dunia ini. Sedangkan Islam adalah agama yang mengajak manusia mencari kebahagian bukan sahaja untuk kehidupan di akhirat tetapi juga di dunia ini. Kerana tanggungjawab yang diberikan oleh Allah kepada manusia di dunia ini bukan sahaja sebagai hamba kepada-Nya tetapi juga sebagai khalifah dan pengimarah bumi Allah ini. Sebab itu saya merasakan kehadiran buku ini di tengah-tengah masyarakat Islam sedikit sebanyak dapat memperjelaskan kepada masyarakat Islam tentang peranan dan tanggungjawab yang terpaksa dipikul oleh mereka sebagai pewaris muka bumi ini.

Sekian, wassalam.

DATO' DR. ISMAIL IBRAHIM  
Prof. Adjung dan Penasihat CITU

**SETITIS MUTIARA KATA  
PENGARAH  
PUSAT PEMIKIRAN DAN KEFAHAMAN ISLAM**

Assalamu`alaikum warahmatu'Llahi wa barakatuh.

Al-hamduliLlah, segala-puji-pujian saya panjatkan ke hadhrat Allah S.W.T. yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W..

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada pihak sidang pengarang yang bertungkus lumus menyiapkan buku ini sempena Minggu Pelancaran Pameran Islam Hadhari yang berlangsung pada 11 hingga 14 Januari 2005. Saya amat berbangga dengan kejayaan penghasilan buku ilmiah seperti ini, yang dirasakan amat tepat dengan masanya bagi menjelaskan kepada masyarakat tentang hasrat dan cita-cita untuk membangunkan masyarakat dan negara sebagai *baldah taiyibah wa Rabb ghafur*.

Semoga kehadiran buku ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat, khususnya warga UiTM dalam usaha menghayati Islam dalam ertikata yang sebenar sejajar dengan hasrat dan cita-cita kerajaan untuk melaksanakan Islam Hadhari di kalangan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih wassalam.

PROF. MADYA HJ. MUSA AHMAD  
Pengarah  
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam UiTM

## **Islam Hadhari: Konsep dan Cabaran**

Oleh  
Prof Madya Dr Mujaini Tarimin  
S.Salahudin Suyurno

*“Kamu adalah umat terbaik (khaira ummah) yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah”.*

*(Surah Ali Imran: 110)*

### **Pengenalan**

Ketika menjawab soalan berhubung dengan Islam Hadhari, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr Abdullah Md Zin menjawab:

*“Islam Hadhari adalah konsep Islam yang menekankan aspek pembangunan, misalnya pendidikan Islam, pengurusan pentadbiran yang baik, unsur ketamadunan yang baik, pembangunan yang baik, bukan sahaja fizikal tetapi merangkumi kerohanian, pembangunan yang berkaitan dengan agama, pendidikan dan juga ekonomi Islam”.*

Akhbar Berita Harian bertarikh 7 Mei 2004 telah menyiarakan tulisan Datuk Hj Nakhaie Ahmad dari YADIM, berjudul 'Dasar Islam Hadhari Sebagai Landasan Pembangunan Negara'. Dasar Islam Hadhari adalah usaha murni ke arah mendaulatkan Islam sebagai peradaban yang menjadi landasan pembangunan negara. Dasar ini adalah pendekatan Islam yang universal dan menampilkkan Islam sebagai rahmat kepada seluruh rakyat samada Islam atau bukan Islam. Dengan impian yang tinggi melangit, beliau menulis:

*"Dengan Islam Hadhari, negara ini akan dibangunkan menjadi negara Islam pertama yang mencapai status negara maju mengikut acuannya sendiri. Negara ini sedang memasuki fasa pembangunan yang baru. Dasar pembangunan yang menuju ke arah pembinaan tamadun Islam kontemporari".*

## Pengertian Tamadun

Ibn Khaldun menjelaskan perkataan tamadun ini dapat diertikan sebagai "Umran" bermaksud kawasan tanah dan rumah yang didiami, diduduki orang, tinggal menetap dalam keadaan subur dan makmur. Ia merangkumi makna bunyan iaitu pembinaan bangunan dan ia harus dirangkumi bersama dengan maksud hadharah.

Tamadun berasal dari perkataan arab "*madana*"- "*madinah*" bermaksud masyarakat bandar yang terbina melalui proses urbanisasi. Manakala perkataan "peradaban pula selalu dirujuk kepada adab sopan, tatasusila hidup yang baik, luhur dan penuh dengan kehalusan budi bahasa. Oleh itu boleh diertikan bahawa dua perkataan ini (tamadun dan peradaban) apabila digabungkan akan memberi makna sesebuah masyarakat yang membangun melalui proses urbanisasi dengan nilai-nilai luhur, adab-adab dan tatasusila hidup.

Malik bin Nabi pula menjelaskan bahawa *Hadharah* dari perkataan hadara bermaksud kehidupan secara menetap, tempat lahirnya perkembangan ilmu, kesenian, kesusateraan, undang-undang dan kemasyarakatan serta mencapai tahap kehidupan yang tinggi, bukan liar dan ganas.

E.B. Taylor seorang ahli antropologi menjelaskan bahawa tamadun/budaya merangkumi keseluruhan pencapaian manusia termasuk pengetahuan, kepercayaan, seni moral, undang-undang, adat dan keupayaan-keupayaan serta tabiat lain yang di dapati oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

Colingwood mendefinisikan perkataan civilization sebagai suatu proses bagi mencapai tahap kehidupan civil (sopan), membawa lahirnya ciri-ciri masyarakat bandar yang mempunyai kehalusan budi (Dr. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad, 2004).

## **Pengertian Hadhari**

Merupakan suatu aspek dalam kehidupan Islam atau penghayatan Islam yang syumul. Aspek Hadhari merupakan satu bidang yang perlu ditekankan oleh masyarakat Islam termasuklah sudut Aqidah, Ibadah Khusus, Perundangan dan lain-lain. Ia seharusnya menumpukan pembangunan masyarakat ke arah peningkatan mutu kehidupan dari sudut keilmuan, pembangunan fizikal, ekonomi dan kewangan, kesihatan dan lain-lain lagi.

Islam menekankan konsep kehidupan yang cemerlang dan bermutu, kehidupan yang seimbang, pembangunan menjurus kepada pembinaan peradaban serta memenuhi tuntutan rohani.

Ibnu Khaldun menggunakan istilah "*Umran Hadhari*", bagi menjelaskan pembinaan peradaban yang baru. Beliau telah membanding dan membezakan masyarakat nomad yang sering berpindah-randah dengan masyarakat bandar yang menetap tinggal di suatu tempat dan membina sebuah peradaban.

"*Hadhari*" diterjemahkan sebagai kemajuan peradaban. Begitu juga pemikir Aljazair iaitu Malik Bennabi yang cenderung menggunakan istilah "*hadhara*" yang dianggap hampir kepada maksud keseimbangan kemajuan antara aspek material dengan akhlak spiritual.

Justeru "*Islam Hadhari*" ditakrifkan sebagai Islam yang mempunyai sifat-sifat kemajuan peradaban; lawannya ialah "*Islam Raj'i*" iaitu Islam yang mempunyai sifat-sifat kemunduran. Dalam ertikata lain, Islam datang bersama sifat-sifatnya yang positif: Islam itu adil, Islam itu syumul, Islam itu aman, Islam itu sejahtera, Islam itu kasih sayang, Islam itu Hadhari, dan sebagainya.<sup>1</sup>

## **Islam Hadhari Membantu Bawa Kecemerlangan**

Istilah "Hadhari" sudah digunakan ilmuwan Islam Ibnu Khaldun dalam kitabnya Al Muqaddimah dan pemikir dari Algeria Malik Bennabi cenderung menggunakan istilah "hadhara" yang dianggap hampir kepada maksud keseimbangan kemajuan antara aspek material dengan akhlak dan spiritual. Ia berkait rapat dengan agama, akidah dan akhlak.

Keagungan tamadun Islam Andalus (Sepanyol) yang wujud selama 800 tahun sering dijadikan contoh penterjemahan konsep Islam Hadhari dan bagaimana Islam yang syumul itu telah membawa rahmat untuk seluruh alam.<sup>2</sup>

Franz Rosenthal, seorang sarjana Barat yang menterjemahkan buku Muqaddimah Ibnu Khaldun ke dalam Bahasa Inggeris, menulis bahawa tamadun atau peradaban Islam, yang dirujuk kepada Andalus, bukan sebuah peradaban kerana kekuatan tentera, keluasan wilayah dan penduduk yang besar; tetapi adalah kerana kekuatan ilmu atau *knowledge triumphant*.

**Islam Hadhari** adalah Islam yang berasas kepada pembangunan. Pembangunan pula berkait rapat dengan agama. Tamadun Islam adalah tamadun yang berdasarkan akidah, akhlak, dan ilmu diikuti dengan asas keadilan, semangat kejiranian, toleransi dan kebebasan beragama. Andainya salah satu dari unsur ini diabaikan, ia menunjukkan tanda keruntuhan tamadun tersebut.<sup>3</sup>

---

1. <http://www.terengganu.gov.my/admin/ihtb.htm> 6/9/04

2. Datuk Idris Jusoh di BHM

3. <http://www.geocities.com/abimwp2003/fiqhahdarahustkamilmajid.doc>

## **Prinsip asas Islam Hadhari**

### **1) Syumul dan Seimbang**

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا

Maksudnya:

"...Kami jadikan kamu (*umat Muhammad*) satu *umat pilihan lagi adil/ umat yang seimbang (ummatan wasata)*..."

(*Surah Al-Baqarah: 143*)

Keseimbangan antara dunia dan akhirat, antara ibadah khusus dan kemajuan negara seperti yang terkandung dalam seruan azan "marilah sembahyang" dan "marilah menuju kejayaan".

### **2) Cemerlang**

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أَخْرِجْتَ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَاكُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya:

"Kamu adalah *umat terbaik (khaira ummah)* yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah".

(*Surah Ali Imran: 110*)

Kecemerlangan dalam Islam terserlah ketika zaman pemerintahan di Andalus dan Baghdad. Kecemerlangan Islam Andalus merintis kepada kewujudan Renaissance di Eropah. Sarjana Islam diiktiraf dan dicontohi sehingga kini.

### 3) Global

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن ذَرَّةٍ وَأَنْشَأْنَاكُمْ شُعُوبًا وَفَرَّاقًا  
لِتَعْرَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفُسُكُمْ

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan (antara satu dengan lain). Sesungguhnya, semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang tinggi keturunan atau bangsanya...”

(Surah Al-Hujurat: 13)

Konsep ummah dalam Islam tidak pernah dihuraikan mengikut definisi perkauman. Tidak pernah melihat perbezaan warna kulit dan kaum.

### 4) Ilmu

Kita sering lupa bahwa Islam telah mempelopori gesaan menuntut ilmu. Ayat pertama yang diturunkan adalah satu arahan supaya kita membaca (iqra). Proses mencari ilmu berterusan sepanjang hayat.

### 5) Kompetitif, Inovatif dan Kreatif

Dalam peperangan di zaman Rasulullah, umat Islam menggunakan kuda dan panah. Umat Islam juga diseru belajar berenang. Di zaman ini, senjata perang yang canggih seperti jet pejuang dan peluru berpandu tidak dikuasai orang Islam. Perang zaman ini lebih kepada perang ekonomi. Dan negara yang paling berpengaruh adalah negara yang kaya dan rakyatnya berilmu.

## **6) Mesra**

Kenapa umat Islam perlu bersengketa, tuduh-menuduh, kafir-mengkafir dan mencaci maki sesama sendiri sedangkan Islam mengajar umatnya supaya berbaik-baik, hatta kepada bukan Muslim sekalipun, sehingga senyum itu pun dianggap sedekah dan memberinya mendapat pahala.

## **7) Moden dan Kontemporari**

Prinsip ini tergambar melalui keagungan tamadun Islam Andalus serta tokoh ilmuwan seperti ahli matematik ulung Al-Khawarizmi, doktor pakar diet Ibnu Sasawayh, ahli astronomi al-Farghani, ahli geometri, Tsabit bin Qurrah, doktor penemu penyakit cacar dan darah tinggi Ar-Razi dan doktor perubatan Ibnu Sina. Oleh itu, umat Islam tidak boleh ketinggalan dalam aspek teknologi pengangkutan seperti membuat pesawat, kereta atau monorel dan lain-lain lagi.

## **8) Akhlak**

*“Sebaik-baik manusia di antara kamu ialah orang yang akhlaknya baik”*  
*(Riwayat Bukhari)*

Contohnya, menjadi pemimpin, penjawat jawatan awam, peniaga, bekerja sendiri daln lain-lain lagi semestinya berakhlek yang bukan saja memikirkan soal laba dan untung tetapi mengendalikan segala urusan dengan betul dan jujur supaya rezeki yang diperoleh halal.

## **Aspek Nilai Dalam Islam Hadhari**

- i. Nilai Keimanan
- ii. Nilai Keilmuan
- iii. Nilai Kerja/ Usaha
- iv. Nilai Akhlak
- v. Nilai Kebendaan

## **Konsep Islam Hadhari**

- i. Melahirkan zaman mithali (Dato Hj Nakhaie Ahmad, 2004)
- ii. Islam as a way of life
- iii. Berada di tahap maju
- iv. Kehidupan berdasarkan perindustrian dan perniagaan
- v. Perkembangan Kehidupan yang tinggi
- vi. Kemajuan
- vii. Peradaban (Kehidupan yang beradab dan membangun) -  
(Prof Madya Ghazali Sulaiman, 2004)

Menurut Prof Madya Mohd Kamil Hj Abdul Majid, Islam Hadhari sekurang-kurang dibangunkan atas lima tonggak iaitu ilmu, pembangunan, harta, kesihatan dan menikmati perhiasan hidup.<sup>4</sup>

## **Potensi Islam Hadhari**

Malaysia sangat berpotensi untuk melaksanakan atau membentuk masyarakat yang Hadhari kerana:

- i. Islam sebagai agama rasmi negara
- ii. YDPA dan Raja merupakan Ketua Agama Islam
- iii. Melayu Muslim teras penguasa politik negara
- iv. Malaysia sebagai sebuah negara masyarakat Islam contoh.  
(Prof. Madya Ghazali Sulaiman, 2004)

## **Tokoh yang pernah menggerakkan Islam secara Hadhari:**

- i. Jamaluddin al-Afghani
- ii. Muhammad Abdurrahman
- iii. Rasyid Ridha
- iv. Hassan al-Banna
- v. Dr Yusof al-Qardawi

---

<sup>4</sup> Prof Madya Mohd Kamil Hj Abdul Majid, <http://www.geocities.com/abimwp2003/fiqhahdarahustkamilmajid.doc>

## Gagasan Pemikiran Mereka

- i. Menggerakkan umat Islam menjadi Ummatan Wasata
- ii. Gerakkan Tajdid dalam hidup mereka
- iii. Membuka umat Islam supaya berinteraksi dengan realiti secara beradab
- iv. Kesyumulan ajaran Islam

## Ciri-Ciri Masyarakat Islam Hadhari

- i. Kemajuan berdasarkan aqidah
- ii. Beramal dengan akhlak mulia
- iii. Mendaulatkan hukum syarak
- iv. Berbudaya ilmu
- v. Punyai daya reka cipta, kreativiti tinggi secara beradab

## Ciri-Ciri Harapan:

- a) *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur* - Negeri yang baik (aman dan makmur) dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun (Surah Saba': Ayat 15). Negera yang maju dalam bidang industri, yang mapan ekonominya, rendah kadar kemiskinannya, terbina usahawan tempatannya, tinggi produktivitinya.
- b) Masyarakat yang saling hormat-menghormati, bertimbang rasa, mesra dan harmonis merentasi kaum, agama dan fahaman politik yang berbeza, dan sama-sama menghayati konsep amar makruf nahi munkar. Masyarakat yang berfikir dan berilmu (*knowledge-based society par excellence*), yang berbudaya belajar seumur hidup dan pekerti yang luhur dan bersifat global. Masyarakat yang berdikari dan terhakisnya budaya meminta-minta.
- c) Keluarga yang sihat, dinamik, cergas dan mampu melahirkan insan yang bersih rohani dan jasmaninya. Keluarga yang terdidik dengan nilai-nilai agama dalam semua aspek kehidupan.

- d) Individu yang berfikiran tajam, kreatif dan menghormati pandangan orang lain (*encycopedimind*). Individu yang tidak canggung dengan ICT. Individu yang memelihara hubungannya dengan Tuhan dan memelihara hubungannya sesama manusia.<sup>5</sup>

## **Ke Arah Membina Masyarakat Islam Hadhari**

- i. Kesepaduan ilmu/Integrated Knowledge
- ii. Penguasaan ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah
- iii. Perhalusi segala permasalahan masyarakat Islam supaya sentiasa berada di atas landasan sebenar.
- iv. Keseimbangan pembangunan rohani dan jasmani
- v. Kesepaduan ekonomi dengan aqidah, syariah dan akhlak.

## **Pengisian Cara Hidup Islam**

- i. Islam dari sudut Aqidah
- ii. Islam dari sudut Ibadah
- iii. Islam dari sudut Akhlak. Akhlak terbit daripada penghayatan yang jitu seseorang terhadap ajaran kerohanian Islam. Akhlaklah sebenarnya yang memelihara manusia daripada terjebak dengan amalan hidup yang menyalahi fitrah kehidupan, bukannya undang-undang. Undang-undang berperanan sebagai pengawal. Apabila manusia sudah tidak lagi mampu mengawal akhlaknya, barulah undang-undang mengambil peranan menghukum tindakannya sebagai pengajaran kepada individu yang lain.
- iv. Islam dari sudut syariat menerusi penguatkuasaan syariah yang tegas dan telus, semua pihak akan mendapat hak dan keadilan yang sewajarnya
- v. Hidup untuk Islam. (Hj. Osman Hamzah al-Hafiz, 8/9/2004)

---

<sup>5</sup>. <http://www.terengganu.gov.my/admin/ihbt.htm> 6/9/04

## **Cabaran Melaksanakan Islam Hadhari**

- i. Islam dilihat secara terpisah dengan urusan keduniaan
- ii. Perpecahan umat Islam
- iii. Penyelewengan dalam masyarakat Islam
- iv. Islam tidak difahami secara syumul
- v. Percampuran pelbagai ideologi, kefahaman, khurafat, bid'ah dalam lain-lain lagi.

## **Penyelesaian Masalah**

- i. Kembali kepada ajaran al-Quran dan al-Hadis
- ii. Menterjemahkan Islam secara lengkap
- iii. Proses Islamisasi ilmu
- iv. Laksanakan gerakan Tajdid
- v. Gandingan mantap dan sepdu antara ulama', umara' dan cendikiawan.

## **Kesimpulan**

Melalui konsep Islam Hadhari yang menjadi dasar kerajaan Malaysia, maka diharap ia akan menjelaskan lagi konsep Islam sebagai way of life (Islam sebagai ad-din) kepada seluruh warga Malaysia yang hidup dalam kepelbagaian ras bangsa, bahasa dan agama. Konsep ini juga menekankan kepada pembangunan manusia secara sepdu.

## **Bibliografi**

1. Ghazali Sulaiman (Prof. Madya). Konsep dan Ciri-Ciri Masyarakat Hadhari. Seminar Islam Hadhari. Anjuran UiTM Dungun Terengganu.2004
2. Nakhaie Hj Ahmad. "Islam Hadhari" *Kursus Bina Negara Pensyarah UiTM 1-5 Jun 2004*. KBN Besut Terengganu.
3. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad (Dr.) *Hand Out Titas 2*, sem Jun-Okt 2004 CITU, UiTM Shah Alam.
4. Osman Hamzah al-Hafiz (Hj). "Pengisian Cara Hidup Islam" *Program Pengukuhan Akademik*. Anjuran Unit Asas CITU UiTM Shah Alam. 8/9/2004 Dewan Seri Budiman.
5. [http://www.pemudapasbbendera.org/Isu\\_Nasional/Islam\\_Hadhari\\_5/islam\\_Hadhari\\_5.html](http://www.pemudapasbbendera.org/Isu_Nasional/Islam_Hadhari_5/islam_Hadhari_5.html) 6/9/04
6. <http://www.geocities.com/abimwp2003/fiqhahdarahustkamilmajid.doc>

## **Islam Hadhari dan Pembangunan Islam Di Malaysia**

Oleh  
Dato' Dr. Ismail Ibrahim

*“(Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun.”.*

*(Surah Saba':15)*

### **Latar Belakang**

Malaya mencapai kemerdekaan daripada penjajahan Inggeris pada 31 Ogos 1957. Pada 16 September 1963 dirasmikan penubuhan Malaysia. Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri pertama negara, sebagai seorang Melayu beragama Islam, telah berjaya meyakinkan para pejuang kemerdekaan yang terdiri dari kaum Cina dan India untuk memasukkan satu peruntukan di dalam Perlembagaan tentang Islam sebagai agama persekutuan, dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni.

Pada peringkat awalnya, aktiviti keagamaan yang dijalankan di dalam negara merdeka, pada umumnya merupakan aktiviti yang lebih menekankan tentang ritual, seperti peraduan membaca al-Qur'an. Bagaimanapun aktiviti ini telah meletakkan negara kita ke peringkat dunia Islam lainnya, dengan berkembangnya peraduan tersebut ke peringkat antarabangsa.

Usaha Perdana Menteri pertama menubuhkan badan dakwah yang khusus untuk menjelaskan pengertian Islam kepada rakyat bukan Islam juga telah mencapai kejayaan yang baik, kerana usaha ini dilihat sebagai satu agenda yang baik untuk mendidik saudara Islam yang baru dalam memahami ajaran agamanya yang betul, dan hubungannya dengan orang lain, khususnya dalam negara yang berbilang kaum dan agama ini.

Usaha meningkatkan aktiviti agama telah diteruskan oleh Perdana Menteri kedua dan ketiga secara yang lebih luas, iaitu merangkumi pelajaran agama yang telah dimasukkan ke dalam arus perdana dasar pendidikan negara, penubuhan badan untuk urusan haji dan sokongan kepada badan-badan dakwah.

Dalam era pemerintahan Perdana Menteri ke empat, Tun Dr. Mahathir Mohammad, Islam benar-benar telah dibawa ke satu arah yang baru, kerana era Dr. Mahathir adalah satu era kebangkitan Islam yang mencabar, dan segala cabaran yang globalisasi dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Dr. Mahathir nampaknya dengan visi dan pandangannya yang jauh, telah berjaya membentuk satu kefahaman silam yang agak jelas di kalangan rakyat Malaysia yang berbentuk pluralistik, dan meletakkan negara sebagai negara yang mengamalkan Islam secara moderat, terbuka, toleran dan dinamik.

Kejayaan besar beliau ialah membawakan wadah Islam ke dalam semua sektor pentadbiran negara, bermula dari bidang pendidikan, pentadbiran negara, perbankan dan aktiviti kewangan, membawa kepada dasar luar negara yang konsisten terhadap negara luar dan sebagainya.

Dengan itu Islam telah mengambil tempat yang sewajarnya di dalam pemerintahan beliau, dan berjaya membuka mata seluruh dunia tentang kepimpinannya yang dinamik, termasuk kepimpinan Islam moden yang menjadi contoh kepada dunia luar, sama ada dunia Islam atau dunia bukan Islam.

Maka pada zaman peralihan kuasa dari Dr. Mahathir, kepada Perdana Menteri yang baru, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Islam telah diprojekkan dalam imej baru, iaitu sebagai Islam Hadhari, sungguh pun agenda kerja dan perlaksanaan Islam di Malaysia tentunya merupakan kesinambungan dari projek Islam yang telah dijalankan begitu banyak dan progresif seperti yang dinyatakan dengan ringkas di atas.

Oleh itu, saya tidak mempunyai banyak bahan untuk dibincangkan tentang Islam Hadhari, selain dari memberikan beberapa komen dan pandangan saya seperti berikut:

## **Agenda Kerja Islam Hadhari**

Dasar dan agenda kerja serta perlaksanaan Islam Hadhari haruslah disusun dan dijalankan dengan sebaik-baiknya supaya satu tasawwur yang tepat tentang Islam itu pada umumnya tidaklah hanya menjadi satu pengucapan yang tidak berisi, atau hanya merupakan satu simbolik dan retorika sahaja. Hal ini disebut kerana isu agama di negara kita sering di salah gunakan, itu Islam dan agenda agama seolah-olah hanyalah merupakan pengucapan dan ceramah, teori yang berjela-jela, dan kata-kata retorika yang sedap didengar, sehingga dengan itu sesiapa yang pandai berceramah atau berteori tentang agama, maka dia telah dianggap sebagai tokoh agama walaupun amalan dan pengucapannya tidak menggambarkan peribadi, ilmu dan amalan keislamannya.

Oleh itu sekiranya Islam Hadhari bermaksud Islam yang dinamik dan bertamadun, berilmu dan berdaya maju untuk menyusun kehidupan yang berbahagia di dunia dan akhirat, maka penyusunan agenda negara dalam bidang keislaman yang dinamik dan bertamadun, berilmu dan maju untuk dunia dan akhirat itu, haruslah diatur dengan sebaik-baiknya. Persoalan yang timbul di sini, ialah bagaimanakah seharusnya kita membangunkan Islam yang dinamik, terbuka, maju, berteraskan ilmu pengetahuan dunia dan akhirat dalam masyarakat kita sekarang ini agar pembangunan ini akan menjadi lebih mantap dan maju ke hadapan serta lebih bermakna lagi jika dibandingkan dengan zaman sebelum ini yang masyarakat di negara kita mungkin rata-ratanya tidak pernah mendengar istilah Islam Hadhari? Persoalan penting ini haruslah dicarikan jawapannya oleh semua kalangan dalam masyarakat, khususnya Kerajaan, dalam merangka dasar dan agenda kerjanya dalam membangunkan Islam Hadhari.

Malah sekiranya kita melihat Islam Hadhari dari dimensi yang lebih luas, iaitu berdasarkan masyarakat kita yang terdiri dari pelbagai kaum

dan agama, maka bagaimanakah seharusnya kita menyusun agenda kerja yang lebih baik dalam mewujudkan masyarakat yang bertoleransi berintegrasi dan saling memahami dan menghormati antara kaum dan agama. Bagaimanakah agaknya usaha yang seharusnya dilakukan dalam memberi kefahaman yang jelas tentang Islam sebagai agama negara agai dalam aspek ini tidak akan timbul sebarang prasangka yang negatif. Hal ini juga merupakan satu isu besar yang seharusnya diselesaikan sekarang ini, terutamanya pada masa mutakhir ini, iaitu ketika terdapat segelintir anggota masyarakat kita yang tidak mahu memahami kontrak sosial di antara pelbagai kaum ketika Islam dijadikan agama rasmi negara dalam Perlembagaan kita.

Isu yang timbul akibat dari ketidak-selarasundar undang-undang Islam tentang hak menjaga anak yang masih belum cukup umur bagi ibu bapa yang telah bercerai kerana salah seorang ibu atau bapa itu telah menganut Islam umpamanya, menjadi isu besar apabila anak atau anak-anak itu telah diislamkan oleh salah seorang ibu atau bapa yang menganut Islam maka mahkamah sivil mempunyai kuasa untuk menentukan hak penjagaan anak-anak ini. Hal ini menjadi isu kerana anak-anak tersebut telah diserahkan hak penjagaannya kepada ibu bapa yang bukan Islam, daripada keputusan ini telah menjadi perbincangan di kalangan masyarakat Islam sedangkan mahkamah Sivil sememangnya mempunyai hak untuk membuat keputusan tersebut berdasarkan undang-undang yang sedia ada

Masyarakat Islam tentulah akan bertanya apakah penyelesaian yang dapat dilakukan dalam isu ini, agar perkara ini tidak menjadi duri dalam daging bagi masyarakat Islam sendiri?

Dari satu sudut yang lain, Islam Hadhari tentulah merupakan satu sistem hidup yang bertamadun tinggi. Oleh itu bagaimanakah usaha yang seharusnya dilaksanakan dalam memberi pendidikan yang bertamadun kepada masyarakat umum, termasuk masyarakat Islam sendiri, yang mungkin selama ini tidak dapat memahami sepenuhnya sistem Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap.

Islam Hadhari juga seharusnya mampu melahirkan suatu umat yang berbudaya tinggi dan berilmu pengetahuan berasaskan nilai-nilai moral kerohanian yang mulia. Segala gejala yang merosakkan moral dan akhlak sering diperanginya. Hiburan melulu yang bermatlamatkan keseronokan nafsu tentulah tidak akan mendapat tempat dalam Islam Hadhari. Nilai dan budaya liar, sama ada yang dicipta oleh anak tempatan atau dibawa masuk dari luar, iaitu dari barat dan timur, dari Hollywood atau Bollywood, nilai-nilai negatif Barat berunsurkan kehidupan hedonisme, merupakan sesuatu yang ditolak oleh Islam Hadhari.

Maka perlaksanaan Islam Hadhari dalam keadaan ini memerlukan rancangan strategik yang bersepadan oleh semua jentera kerajaan, termasuk kementerian-kementerian yang menjadi asas pembangunan moral dan akhlak rakyat, pendidikan, penerangan dan media, kesenian, kebudayaan, belia dan lain-lain lagi yang seharusnya juga peka dan memahami konsep dan perlaksanaan Islam Hadhari yang diketengahkan itu.

Ramai pembesar negara luar, Islam dan bukan Islam, merasa kagum dengan penonjolan konsep dan perlaksanaan Islam Hadhari di negara kita, kerana mereka selama ini telah dapat menyaksikan kesungguhan kita menghayati Islam di negara dan bertamadun tanpa melupakan nilai-nilai kerohanian dan moral yang menjadi teras agama kita.

Maka contoh Islam Hadhari ini haruslah kita pertingkatkan lagi dalam menonjol Islam yang positif dalam dunia global ini. Imej kekerasan dan keganasan yang selama ini tidak dapat dihubungkan dengan umat Islam di negara kita ini seharusnya dikekalkan supaya segala keganasan dan kekerasan yang berlaku di dalam dunia ini tidak akan berlaku sama sekali di negara kita. Unsur radikalisme dan ekstremisme haruslah dihindarkan supaya hal yang menjatuhkan imej Islam itu tidak akan tumbuh di negara kita ini.

Pendeknya dalam memprojekkan Islam Hadhari kita amat memerlukan pengetahuan yang cukup mendalam untuk menterjemahkan konsep dan perlaksanaannya yang jitu dan berkesan. Amat silap sekali

sekiranya terdapat orang yang beranggapan bahawa Islam Hadhari akan tercapai matlamatnya dengan berceramah dan berkutbah, atau semata-mata dengan penganjuran satu dua forum dan perbincangan seperti forum perdana, dan sebagainya.

Peristiwa sedih yang sering berlaku di negara kita, termasuk kejadian rogol dan bunuh dalam masyarakat kita, termasuk yang melibatkan kalangan masyarakat Islam sendiri, malah kematian seorang pelajar sekolah agama di Negeri Sembilan tidak lama dulu, sebagai korban keganasan dan salah laku yang serius di kalangan rakan sekolahnya, sudah agak memadai untuk memberi pengajaran bahawa pendidikan agama bukanlah semata-mata terhad dalam pengajaran hukum-hakam dan dosa pahala yang akan diterima pada hari kiamat nanti, atau dengan menghafal beberapa Surah al-Qur'an dan al-Hadith. Tetapi pengajaran agama itu haruslah disusun sebegini rupa untuk dihayati, dicontohi dan diterjemahkan ke dalam amalan dan kehidupan moden yang serba mencabar ini, yang menyentuh bukan hanya akidah dan syariah, malahan menyentuh jiwa dan psikologi pelajar, tingkah laku dan rukun pergaulan sesama rakan dan masyarakat sekeliling.

Perkembangan yang bertentangan dengan ajaran dan nilai akhlak Islam ini juga memberi pengajaran bahawa Islam Hadhari bukanlah dengan hanya memperbanyakkan program agama di dalam TV umpamanya, ketika program lain dibiarkan bermaharajalela dengan penonjolan gejala negatif yang bertentangan dengan nilai dan budaya kita. Bukan pula hanya diisi dengan syarahan dan ceramah agama, sedangkan banyak lagi program lain yang merosakkan moral dan akhlak penonton, iaitu yang boleh diibaratkan seperti serangga dan racun yang dalam sekilip mata sahaja akan mengikis segala mutiara dan bunga-bunga yang cuba ditaburkan melalui program agama itu.

Islam Hadhari tidak hanya akan tertonjol dalam hiburan nasyid dan penampilan sopan para artis dalam bidang kesenian dan hiburan yang dikenali sebagai hiburan alternatif, sedangkan penonjolan hebat Akademi Fantasia atau Cit Cat Bersama Artis, dan sebagainya, merupakan sama

sekali nilai budaya yang baik, walaupun hanya dilihat dari sudut budaya bangsa kita yang bersopan dan berakhhlak mulia. Islam Hadhari bukanlah seharusnya hanya dihayati di JAKIM atau institusi agama yang lain, sedangkan agensi dan kementerian lain menutup mata terhadap penghayatan dan matlamat Islam Hadhari ini.

Tetapi dengan mengemukakan pandangan ini, bukanlah bererti bahawa kita akan terpaksa melangkah ke belakang dengan mengamalkan Islam yang tertutup dan sering dilabelkan sebagai amalan yang jumud. Islam Hadhari ialah Islam yang membangun dengan ilmu dan moral, yang dinamik dan maju, bertamadun dan berperadaban. Konsep ini diterima oleh semua lapisan rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Maka matlamat inilah yang seharusnya difahami oleh semua, terutamanya ketika kita sedang berusaha untuk membangunkan bangsa Malaysia yang berpegang teguh dengan nilai-nilai agama, etika dan moral yang baik. Hal ini merupakan satu cabaran yang besar dalam melahirkan bangsa Malaysia yang maju seperti yang dirangka dalam Wawasan 2020.

Seperti yang disebutkan di atas, bahawa bidang pendidikan adalah merupakan satu arena yang amat penting untuk memberi kefahaman tentang Islam Hadhari, dan memupuk serta membangun generasi kita yang lebih mantap dalam menghayati ajaran dan nilai akhlak Islam dengan sebaik-baiknya. Hal ini tentulah secara langsungnya merupakan tanggungjawab Kementerian Pendidikan, yang sekarang ini telah dipecahkan kepada dua buah kementerian, iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Saya tidak bercadang di sini untuk membicarakan tentang tugas kementerian tersebut dalam bidang pendidikan umumnya, kerana bidang pendidikan nasional amatlah luas dan kompleks untuk dibincangkan dalam kertas yang amat terhad ini. Tetapi saya amatlah berharap agar kedua-dua Kementerian tersebut akan dapat memberikan masa dan tenaga yang agak banyak untuk mengkaji perjalanan dan pembangunan pendidikan agama yang dikendalikan oleh institusi agama di seluruh negara kita pada hari ini, iaitu institusi pendidikan agama di bawah kerajaan pusat, kerajaan negeri dan swasta.

Bilangan institusi tersebut, terutamanya di peringkat kolej dan maktab, tumbuh dengan agak banyak, termasuk yang dianjurkan oleh kerajaan-kerajaan negeri di negara kita ini. Wang yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk tujuan ini telah meningkat kepada satu jumlah yang tinggi. Ibu bapa sendiri yang menyedari akan kepentingan pendidikan agama telah mengeluarkan perbelanjaan persendirian yang banyak untuk membiayai anak-anak mereka bagi melanjutkan pelajaran ke institusi dan kolej agama swasta.

Oleh itu, kementerian tersebut haruslah menjalankan kajian dan semakan semula yang serius, terutamanya untuk menilai semula falsafah ilmu dan pendidikan agama yang menjadi teras pengajuran dan penubuhan institusi yang dilabelkan sebagai kolej, maktab atau institusi pengajian tinggi agama tersebut, dan yang benar-benar menjadi harapan umat Islam untuk melahirkan generasi baru umat Islam yang lebih baik.

Falsafah dan konsep ilmu dan pendidikan Islam inilah yang sering mencorakkan kurikulum pengajaran, penyusunan buku teks, latihan tenaga pengajar, dan pembangunan pendidikan di institusi tersebut. Malah falsafah pendidikan Islam inilah juga yang menentukan objektif dan matlamat penubuhan dan pengajaran institusi itu. Maka tenaga manusia yang mendapat latihan di dalam institusi inilah yang akan lahir ke tengah-tengah masyarakat negara kita pada masa yang akan datang, sama ada akan menjadi warga negara yang sihat mental dan akal, rohani dan jasmaninya, juga warga negara yang berakhhlak dan bermoral tinggi, bertamadun dan berperadaban, atau sebaliknya.

Falsafah dan objektif pendidikan negara sememangnya telah menggariskan tentang pembangunan insan yang sepadu dan seimbang ini. Tetapi kaedah umum ini haruslah diterjemahkan dengan sebaik-baiknya di semua peringkat dan disiplin ilmu pengetahuan, termasuk dalam pendidikan agama. Kita tidak lagi seharusnya mengambil kesimpulan yang mudah bahawa pengajaran dan pendidikan agama merupakan satu saluran pendidikan yang ideal untuk melahirkan manusia yang unggul dan berguna di dunia dan akhirat. Kesimpulan yang mudah ini sebenarnya lebih banyak

mengundang masalah dalam masyarakat kita, malah dalam masyarakat Islam dan negara Islam di seluruh dunia. Kesimpulan yang demikian telah menanamkan satu pemikiran yang mudah pula tentang pendidikan Islam yang sebenarnya ke dalam pemikiran umat kita, maka dengan itu kita sering saja menganggap bahawa pendidikan Islam adalah satu sistem pendidikan yang mudah pula, dan modelnya telah tersedia sejak berpuluhan-puluhan tahun yang lalu.

Seperti telah saya sentuh di atas, kematian Mohamad Farid Ibrahim, pelajar sebuah sekolah agama di Negeri Sembilan pada 28 Mac 2004 yang lalu telah menimbulkan banyak tanda tanya di dalam pemikiran kita. Pertamanya kita harus bertanya apakah kesilapan yang telah berlaku kepada generasi muda kita pada hari ini sehingga mereka kehilangan arah dan menjelma menjadi makhluk yang tidak beperikemanusiaan?

Soalan kedua ialah di manakah pula silapnya pentadbiran sekolah kita sekarang sehingga anak didiknya telah terlepas dari pengawasan dan kawalan pihak berautoriti hingga mereka dapat melakukan kekejaman yang jelas bercanggah dengan peraturan dan disiplin sekolah?

Ketiga, di manakah hilangnya asas pendidikan anak-anak ini ketika mereka membesar di dalam asuhan keluarga mereka sendiri sebelum mereka memasuki sekolah berasrama, atau apakah anak-anak ini sebelum ini tidak pernah dididik oleh ibu bapa mereka untuk menjadi manusia yang berpekerti mulia?

Tetapi persoalan yang paling kritikal yang timbul dalam konteks kertas ini, ialah, oleh kerana tragedi ini berlaku di sekolah agama, maka kita tentulah akan bertanya kenapa pula hal ini berlaku disekolah agama, iaitu sekolah yang mengajar agama kepada para pelajarnya. Bukankah agama merupakan satu peraturan hidup jasmani dan rohani yang mengajar umatnya menjadi manusia yang baik, berkelakuan tertib, mempunyai perasaan belas kasihan sesama manusia, bersopan santun, beradab, beretika dan sebagainya. Kenapakah dalam sekolah yang sepatutnya menjadi satu tempat mala petaka, sehingga melahirkan manusia buas yang sanggup membunuh rakan sendiri?

Pihak berkuasa agama yang menubuhkan sekolah ini, dan para guru agama yang mengajar di sekolah ini juga, mungkin tidak mampu memahami krisis ini, apa lagi menyelesaikannya menurut ajaran agama. Mereka telah menyusun kurikulum, memilih buku teks, dan para guru agama pula telah mengajar mengikut kurikulum dan buku teks, dan para guru agama pula telah mengajar mengikut kurikulum dan buku teks yang telah disediakan, mengajar sembahyang dan ibadat lain, mengajar kandungan al-Qur'an dan al-Hadith, malah para pelajarnya pun mungkin telah kelihatan amat beragama, terutamanya dipandang dari segi lahiriahnya, iaitu berkupiah putih sebagai lambang agama. Jadi apa lagi yang dapat mereka lakukan lebih dari itu?

Persoalan inilah yang saya rasa amat memerlukan jawapan yang menyeluruh. Jawapan mudah dan jalan keluar yang terlalu simplistik seperti yang selalu kita berikan dalam menyelesaikan masalah kehidupan kita ini, iaitu dengan memberikan satu jawapan sahaja untuk menyelesaikan seribu satu persoalan yang kita hadapi, tidaklah seharusnya menjadi cara penyelesaian lagi dalam situasi yang amat runcing dan rumit ini. Jawapan yang mengatakan bahawa hanya dengan agama sahaja kita konteks ini mungkin amat meleset, sekiranya kita tidak berusaha memahami pendidikan agama bagaimanakah yang sebenar-benarnya akan dapat melahirkan manusia yang ideal dan berguna di dunia dan akhirat.

Jawapan secara simplistik yang kita berikan di atas dengan sendirinya dinafikan oleh kejadian terakhir di sekolah agama tersebut, walau pun sebenarnya kejadian itu adalah merupakan satu kejadian yang terpencil dan amat jarang berlaku. Bagaimanapun kejadian itu telah berlaku, dan berlaku di dalam sekolah agama sendiri. Malah lebih dari itu, kejadian pukul memukul, mencuri dan gejala samseng yang berlaku di kalangan pelajar sekolah umumnya pada masa ini, telah berlaku juga di sekolah-sekolah agama.

Ajaran agama yang diturunkan Allah S.W.T. tentulah tidak ada cacat celanya, malah agama adalah satu peraturan hidup yang lengkap dan sempurna, yang mengandungi ajaran dan nilai-nilai murni untuk

kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat, juga yang mengatur kehidupan yang harmoni antara manusia. Jadi dimanakah silapnya dasar dan sistem pendidikan agama dalam konteks yang kita bicarkan pada hari ini, malah dalam sistem pendidikan kita umumnya dalam menterjemahkan dan menghayati dasar dan ajaran agama yang amat murni itu?

Persoalan yang kita hadapi sekarang ini bukanlah satu atau dua, malah persoalannya terlalu banyak, iaitu yang berkaitan dengan masalah psikologi, kejiwaan, persekitaran, moral, adab sopan, cabaran alam global, keibuan bapaan, pendidikan sosial budaya, kerohanian dan agama itu sendiri. Oleh itu, kita perlulah memeriksa semula segala sesuatu yang berkaitan dengan sistem pendidikan agama di negara kita, bermula dari konsep dan falsafahnya, membawa kepada kurikulumnya, penyusunan buku teks, latihan guru dan pentadbirannya.

Kita mempunyai puluhan institusi pelajaran agama, termasuk maktab dan kolej agama. Bilangan institusi yang banyak ini melibatkan ramai pula pelajar dan tenaga pengajar. Malah sistem pendidikan, sukanan pelajaran, kurikulum dan pentadbirannya mempunyai pendekatan yang berbeza-beza. Objektif pengajarannya juga tidak pernah dinilai dengan baik, maka akibatnya para lepasan institusi ini tidak mempunyai satu kefahaman dan satu tasawwur atau world-view Islam. Inilah krisis pemikiran umat Islam sekarang yang membawa kepada kehancuran dan kemunduran umat dan negara Islam seluruhnya dalam dunia moden pada hari ini.

Malah dalam hal ini, kita sering juga mengambil model institusi pendidikan luar negara, terutamanya dari negara-negara Islam lain seperti Mesir dan Arab Saudi untuk kita salinkan sebagai '*carbon copy*' bagi sistem dan struktur pendidikan agama di negara kita, seperti dari Universiti Al-Azhar, Universiti Islam Madinah dan sebagainya tanpa membuat penilaian yang terkini tentang kekuatan dan kelemahan institusi agama itu. Mungkin dari segi ilmu terasnya, maka pendidikan agama itu adalah sama sahaja di mana-mana sekali pun, tetapi dari segi kurikulum dan pengisiannya, pendekatannya, perkembangan ilmunya, kaedah pengajaran

dan latihan tenaga pengajarnya, serta buku teks dan rujukannya, haruslah dinilai dengan sebaik-baiknya, supaya dengan itu kita sendiri yang sesuai dengan tuntutan agama dan tuntutan dunia semasa.

Kita tidak boleh lagi mengambil mudah tentang pengajaran agama yang selama ini dianggap sebagai satu pengajaran yang menyentuh akidah dan syariah, dengan segala hukum hakam, dosa pahalanya sahaja, kerana seperti yang kita maklum bahawa pelajaran agama adalah merupakan satu asas pendidikan yang menyeluruh untuk membina sahsiah manusia, dan pelajaran itu perlu dihubungkan dengan sejarah manusia, pertumbuhan ilmu dalam berbagai-bagai bidang yang berhubung rapat dengan alam dan manusia, dengan sains teknologi dan sebagainya supaya pelajar agama benar-benar menginsafi bahawa pelajaran agama yang dipelajarinya itu adalah satu disiplin ilmu yang relevan dengan peredaran masa, terkini, global dan menyeluruh.

Atas asas inilah agama dapat memainkan peranannya sebagai satu teras pembentukan manusia yang kuat, terutamanya dari sudut nilai dan akhlak kerohaniannya. Oleh itu kita tidak lagi dapat membuat kenyataan yang mudah bahawa dengan mengajar agama dan mendapat pendidikan agama, terutamanya di sekolah agama, maka anak-anak kita akan menjadi manusia yang baik. Pelajaran agama yang tidak diolah dengan baik tidak mampu mengubah minda dan sikap serta kerohanian para pelajar, sebaliknya pendidikan menyeluruh dan bersepadu yang dihubungkan dengan ajaran agama itulah yang akan menjadi lebih berkesan.

Maka nampaknya kita haruslah mengkaji bagaimanakah cara yang lebih berkesan untuk mengajar agama kepada anak-anak kita, supaya agama akan dapat menjadi satu mekanisme yang kuat bagi membentuk minda.

Perlaksanaan pendidikan Islam yang menyeluruh yang dapat menepati konsep Islam Hadhari yang seharusnya difahami dengan baik, terutamanya oleh pemerintah yang diberi amanah untuk menggubal dasar pendidikan negara yang global, moden dan dinamik. Islam Hadhari adalah mengenai

Islam sebagai satu tamadun, sebagai wadah ilmu pengetahuan, sebagai alat untuk mencapai kebahagian dunia dan akhirat, dan sebagai satu sistem hidup untuk umat Islam membangunkan semula satu umat yang kuat, maju dan bermaruah serta dihormati oleh dunia. Maka generasi muda yang seharusnya dididik sekarang ialah generasi yang dapat hidup dengan jayanya dalam menghadapi proses globalisasi dan arus kemodenan yang berlaku dengan amat cepat dan pesat di sekeliling kita.

## **Islam Hadhari dan Tamadun Manusia**

Dalam membangunkan tamadun berdasarkan Islam Hadhari, umat Islam seharusnya mempunyai persepsi yang jelas tentang tamadun Islam. Dalam melaksanakan mesej keagungan Islam sebagai agama yang membina peradaban dan akhlak manusia seluruhnya, maka umat Islam tidaklah seharusnya sentiasa hanya menyanyikan lagu merdu klasik mereka yang telah pun ditelan zaman. Kita tidak perlu bernostalgia mengingati kemenangan dan keagungan zaman silam semata-mata kerana ingin dibuai mimpi yang indah-indah. Sebaliknya memperingati keagungan Islam dan umatnya yang telah menonjol dan memberi sumbangan kepada dunia dalam bidang peradaban dan kesarjanaan serta tamadun manusia, haruslah merupakan satu bahan sejarah yang mestilah dipelajari dan diambil iktibar.

Kita tidak seharusnya hanya menundung jari kepada orang lain untuk menjustifikasikan kelemahan dan kemunduran kita. Kita tidak seharusnya hanya melihat keluar untuk mencari sebab kenapa kita ketinggalan di belakang, sungguhpun elemen luar ini juga sering mempengaruhi pemikiran dan tindakan bebal kita sehingga kita menjadi lemah, ganas, miskin, jahil dan sebagainya. Kita sendiri yang seharusnya mengelakkan diri kita daripada diperangkap dalam jebak penjajahan dan imperialism Barat yang sentiasa mengintai peluang untuk memporak-perandakan kita, dan menjadikan umat kita berkrisis, bertelegah sesama sendiri, seterusnya terjerumus ke dalam lembah kehinaan dan kemunduruan.

Allah S.W.T. telah memberi amaran bahawa dunia ini hanya akan

diwarisi oleh hamba-hamba-Nya yang soleh. Maka apakah umat Islam pada hari ini benar-benar menepati kehendak al-Qur'an sebagai hamba yang soleh untuk dunia dan akhirat?

Kita umat Islam, seharusnya dapat juga mempelajari bagaimana Barat membangunkan tamadun ilmu pengetahuan mereka, yang pada dasarnya telah mengambil manfaat dari pembangunan kesarjanaan Islam. Tamadun Barat dalam proses pembangunan tamadun Islam. Maka kita juga sebenarnya perlu memberikan respons yang positif kepada pembangunan tamadun Barat yang secara jelas memberikan sumbangan yang besar terhadap kemajuan dunia moden, terutamanya di dalam bidang sains dan teknologi.

Tamadun Barat telah menggunakan formula yang berkesan dari ilmu matematik, sains tabi`e dan teknologi dalam membangunkan manusia moden, yang mungkin tidak pernah berlaku dalam tamadun manusia. Penciptaan teknologi mereka telah berjaya mendekatkan destinasi yang jauh dalam dunia ini, iaitu dengan penciptaan alat pengangkutan dan perhubungan elektronik yang canggih.

Dalam era perindustrian pertama, tamadun Barat menjadikan manusia sebagai operator bagi mesin yang direka dalam berbagai-bagai bentuk. Maka manusia ketika itu telah dapat menjimatkan tenaga fizikal dan tulang empat kerat mereka untuk mendapat hasil kerja yang berlipat ganda. Tetapi di dalam era perindustrian kedua, dengan terciptanya komputer yang belum pernah lahir ciptaan secanggih itu, maka manusia diberikan peluang dengan sebaik-baiknya untuk menggunakan kapasiti akal dan intelek mereka dengan semaksimum mungkin. Inilah isyarat yang diberikan oleh al-Qur'an bahawa manusia itu diberikan tugas untuk mentadbir dunia ini dengan sebaik-baiknya.

Tamadun Barat menawarkan kebebasan berfikir dan mencipta bagi individu. Ianya menyediakan iklim dan persekitaran yang sesuai untuk meningkatkan potensi intelektual dan pemikiran para sarjananya melalui dasar pemerintahan yang berdisiplin, system pendidikan yang terbuka,

peluang menjalankan penyelidikan yang luas, dan asas perundangan yang mantap. Maka dalam situasi ini seorang itu berasa bebas dan aman untuk mencipta, berpuas hati dengan iklim dan persekitaran, dan tidak terasa merasa bimbang untuk menjadi produktif.

Hal ini perlu kita pelajari bersungguh-sungguh sekiranya kita benar-benar serius dalam usaha membawa kembali warga kita ahli-ahli profesional yang sedang berkerja di luar negara dalam kerangka ‘brain gain’ sekarang ini.

Tamadun Islam juga sebenarnya terbina atas sains dan teknologi berdasarkan kerangka moral dan kerohanian yang tinggi. Tamadun Islam terbina atas ilmu sains dan teknologi, matematik, algebra, astronomi, perubatan dan sebagainya. Tetapi tradisi ketamadunan ini tidak diteruskan oleh umat Islam terkemudian kerana beberapa sebab yang seharusnya dipelajari dari sejarah dunia umumnya, iaitu dari segi dasar penjajahan dan penindasan, membawa kepada pembentukan mentaliti umat Islam sendiri yang tehakis jati diri dan hala tujuanya.

Orang Barat mengambil asas perkembangan dan pembangunan Islam, dan seterusnya memperkembangkannya lagi, mereka cipta yang lebih tinggi atas formula asalnya, dan seterusnya memperkayakan bahan-bahan tamadun Islam itu, sehingga akhirnya mereka menjadi perintis kepada ilmu pengetahuan dan teknologi yang berasal dari Islam sendiri.

Telah kita lihat umpamanya dalam pembangunan industri, bagaimana Barat mempertingkatkan ciptaan peralatan dan mesin yang sederhana sesuai dengan zamannya, kemudian terus berkembang kepada alat ciptaan akal yang lebih canggih, iaitu seperti komputer, yang merupakan satu alat yang sesuai dengan perkembangan intelektual dan kersarjanaan manusia zaman global dan teknologi maklumat ini.

Hal inilah agaknya yang menjadi formula peningkatan intelek manusia yang amat sesuai dengan perkembangan multimedia sekarang ini, yang ditegaskan oleh Allah S.W.T. dalam al-Qur'an, bahawa manusia yang

dilahirkan dari kandungan ibunya tanpa mengetahui sesuatu, maka proses pembelajarannya berkembang secara bertahap-tahap, iaitu melalui pendengarannya, kemudian dengan penglihatannya, dan akhirnya dengan pemikirannya. Urutan ini banyak dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam al-Qur'an, iaitu bagaimana proses manusia menuntut ilmu dan memahami sesuatu yang dimulai dengan pendengaran (audio) kemudian penglihatan (visual) dan akhirnya dengan pemikirannya (analisis).

Proses penciptaan dan perkembangan teknologi maklumat dan multimedia sekarang ini pun bermula dengan audio, kemudian audio visual, setelah itu meningkat kepada bentuk analisis dan kajian. Asas yang diterangkan oleh al-Qur'an ini menjadi kenyataan dalam pembangunan dunia siber dan multimedia.

### **Pandangan Ibnu Khaldun**

Ibnu Khaldun menjelaskan dalam al-Muqaddimah, adalah menjadi fitrah manusia untuk bertanya dan mengkaji sesuatu berdasarkan rasa ingin tahu yang dijadikan Allah S.W.T. di dalam hati sanubari manusia. Sebab itulah manusia sepanjang sejarah kewujudannya sentiasa bertanya dan mencari sebab bagi segala sesuatu yang berlaku kepadanya dan yang dialaminya di dunia ini, termasuk umpamanya persoalan bilakah dunia ini akan berakhir, berapa lamakah sesebuah kerajaan akan dapat bertahan, dan seribu satu persoalan lain mengenai segala peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Dan kerana sifat ingin tahu inilah juga manusia amat cenderung mencari tukang nujum, tukang tilik dan sebagainya untuk mengetahui segala jawapan bagi persoalan yang bermain di kepalanya. Hal ini banyak diceritakan oleh al-Qur'an iaitu tentang sifat manusia yang banyak bertanya atau mencari jawapan dari sumber-sumber yang selalunya mempunyai kaitan dengan kepercayaan khurafat, sihir dan lain-lain.

Menurut Ibn Khaldun lagi, "Selepas tahun-tahun permulaan Islam, manusia mulai bergantung kepada ilmu pengetahuan dan terminologi yang berbentuk teknikal. Buku-buku yang ditulis oleh ahli falsafah Yunani telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab". (Bab Tiga Muqaddimah edisi terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka).

Penjelasan Ibn Khaldun ini memberi isyarat yang amat terang tentang perkembangan intelek manusia yang sentiasa berkembang mengikut fitrahnya, iaitu dari tahap kuno, meningkat ke tahap maju dan cemerlang, terutamanya dalam perkembangan pemikiran dan minda mereka. Perkembangan inilah yang dapat kita tafsirkan terhadap perubahan dunia dari abad klasik kepada abad baru, alaf baru, zaman global ini.

Oleh itu struktur dan kerangka pendidikan yang dilaksanakan juga, termasuk pendidikan Islam, haruslah mengikut tahap perkembangan ini ketika dunia sedang menghadapi zaman globalisasi dan teknologi maklumat yang canggih pada hari ini. Perkembangan minda dan intelek umat Islam juga seharusnya meningkat dan maju sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan moden dan perubahan yang berlaku di sekeliling umat itu sendiri.

Cara berfikir dan ijтиhad umat Islam pada hari ini mestilah mengambil kira perubahan yang berlaku asalkan tidak terkeluar dari lunas dan dasar ajaran dan nilai agama itu sendiri. Maka dalam konteks inilah, pendidikan Islam di negara kita, malah di seluruh dunia, seharusnya telah mengalami revolusi yang besar dan perubahan yang agak radikal sekarang ini.

Kita seharusnya telah mengambil iktibar dan pelajaran yang baik dari revolusi pemikiran Barat yang sering melakukan tindakan yang mendahului zamannya. Mereka mencipta sesuatu untuk masa depan, iaitu untuk abad yang akan datang, bukannya melakukan sesuatu mengikut acuan abad yang lalu yang telah ketinggal zaman.

Cuma dalam hal ini, Barat ketandusan nilai ketuhanan dan moral dalam pembangunan tamadun mereka, maka akhirnya tamadun itu telah berdiri sebagai satu tamadun permusuhan, pembunuhan, peperangan, konflik, krisis dan kekosongan jiwa dan hati nurani. Barat dengan itu tanpa disedari telah menegakkan kemajuan pengetahuan dan tamadun mereka sebagai alat untuk nafsu mereka sendiri dalam menguasai bangsa lain dan merealisasikan sifat tamak haloba kebendaan yang menjadi darah daging mereka akibat dari sifat individualistik, materialistik, pragmatik dan sekularistik mereka.

Kesan tindakan buruk dan tanpa berperadaban oleh pihak Barat inilah yang membawa hasilnya yang buruk pula, seperti Firman Allah S.W.T.:

*“Dan tanah yang baik, tanamannya tumbuh (subur dengan izin Allah, dan tanah yang tidak baik, tanamannya tidak akan tumbuh kecuali dengan keadaan bantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kekuasaan) Kami dengan berbagai cara bagi orang-orang yang bersyukur.”*

(Surah Al-A'raf: 58)

Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi merumuskan gejala negatif tamadun Barat seperti berikut:

- 1) Ketandusan nilai moral. Visinya amat samar dan kabur tentang hubungan tamadun dengan ketuhanan.
- 2) Konsep kebendaan melulu yang meletakkan "benda" sebagai asas untuk memahami alam maya ini, juga menguasai ilmu dan cara bertindak, tanpa sebarang hubungan dengan nilai kerohanian.
- 3) Dasar sekularisme yang memisahkan agama dari kehidupan social, ekonomi dan segala aspek kehidupan manusia di dunia ini.
- 4) Tamadun yang berasaskan konflik, terpisah dari keamanan dan perdamaian. Konflik juga berlaku antara manusia dengan dirinya sendiri, dengan manusia lain dan akhirnya antara manusia dengan Tuhan.
- 5) Barat merasakan dirinya lebih tinggi dari bangsa lain. Dengan itu timbulah rasa sombang dan bongkak mereka, sehingga dapat mendakwa bahawa tamadun mereka adalah sinonim dengan tamadun kemanusiaan dan mereka juga tidak mengiktiraf sebarang tamadun lain di dunia ini.

Akibat dari anutan inilah, al-Qaradawi memberikan kesimpulan bahawa tamadun Barat hanya mengakibatkan keruntuhan akhlak, kemusnahan keluarga, kegelisahan jiwa, keceluaruan akal dan berleluasalnya jenayah serta ketakutan.

Bagaimanapun, kita masih lagi menunggu bilakah lagi akan tiba masanya dunia ini akan ditadbirkan atas kemajuan teknologi dan ilmu pengetahuan berasaskan nilai kemanusiaan dan moral yang tinggi seperti yang diharap-harapkan dari umat manusia, terutamanya umat Islam yang seharusnya menjadi umat yang terbaik, yang menjadi ketua dan sentiasa menghayati nilai-nilai moral kerohanianya yang tinggi.

Inilah persoalan yang seharusnya mampu dijawab, bukan hanya oleh pembuat dasar negara, tetapi oleh semua rakyat kita dan umat kita seluruhnya di mana sahaja mereka berada, kalau kita benar-benar prihatin dengan "survival" bangsa dan umat kita.

Di atas kertas, kita mempunyai falsafah dan dasar pendidikan yang amat unggul. Gabungan ungkapan JERI (Jasmani, Rohani, Intelek) yang seharusnya seimbang dan harmoni, mestilah direalisasikan dalam terjemahan dasar kepada pemetaan di peringkat nasional iaitu mengkaji dan mempelajari dengan bersungguh-sungguh bagaimana cara kita mampu merealisasikan hasrat yang besar dan cantik itu.

## **Penutup**

Perjalanan kita yang jauh sehingga kita terpaksa mendarat di atas muka bumi pada zaman globalisasi dan teknologi maklumat pada hari ini, memerlukan daya "pendengaran", "penglihatan" dan "analisis" dalam bentuk dan pentafsiran baru yang seharusnya diterjemahkan ke dalam dasar umum dan dasar pendidikan secara khusus.

Islam Hadhari memerlukan pentafsiran dan perlaksanaan yang dinamik dan berwibawa sejarah dengan era baru dan bumi baru tempat kita berpijak sekarang ini.

## **Masyarakat Islam Hadhari Yang Seharusnya Dijelmakan**

Oleh  
Dr. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad

*“Dan sesiapa yang mencari selain Islam sebagai agama (pegangan hidup), maka tidak sekali-kali akan diterima (oleh Allah) daripadanya dan dia pada hari akhirat tergolong di kalangan orang-orang yang rugi”.*

*(Surah Ali Imran:85)*

### **Pendahuluan**

Mengimbas kembali lipatan sejarah, dalam tempoh antara abad pertama hingga abad ke empat belas hijriyah, memperlihatkan bahawa lebih tiga belas abad lamanya dunia ini berada di bawah kuasa pemerintahan khilafah Islamiyyah. Namun dalam tempoh yang begitu lama tidak pun menampakkan berlakunya kekejaman dan kemusnahan sebagaimana yang dilakukan oleh kuasa-kuasa Barat ke atas Dunia Islam dalam agenda mereka untuk menguasai Dunia Islam dan Dunia Timur. Kenyataan ini amat membuktikan apabila akhir-akhir ini, kedapatan di dada-dada akhbar dan majalah termasuk juga di kaca-kaca televisyen memaparkan berita saban hari ada sahaja manusia yang tidak berdosa terbunuhan akibat perperangan. Mereka bukan sahaja orang-orang tua tetapi juga termasuk kanak-kanak.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang sepatutnya bertindak sebagai orang tengah untuk menyelesaikan masalah, tetapi nampaknya sudah tidak berfungsi lagi sebagai sebuah badan yang boleh menentukan masa depan keamanan dunia ini. Kenyataan ini jelas terbukti apabila keputusannya mengenai serangan Amerika ke atas Iraq tidak dihiraukan oleh Amerika dan Britain. Akibat dari tindakan kejam itu, ribuan nyawa yang tidak berdosa terkorban tanpa mendapat pembelaan.

Demikian juga yang berlaku di Palestin akibat perbuatan Yahudi yang menjadi sekutu kuat Amerika. Walaupun keputusan telah dicapai dalam persidangan Majlis Keselamatan PBB bahawa Yahudi perlu merobohkan kembali tembok yang dibina sepanjang lebih 1,000 kilometer, kerana ia dibina dalam wilayah Palestin. Namun keputusan itu dianggap hambar dan langsung tidak dihiraukan. Lihat pula di bumi Afghanistan, sampai bilakah pertumpahan darah akan berakhir. Situasi begini tidak langsung memperlihatkan penyelesaian ala Amerika boleh meredakan keadaan, malah menyemarakkan lagi perasaan dendam kesumat di kedua-dua belah pihak. Senario ini menunjukkan betapa pendekatan secara kekerasan tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah malah akan bertambah parah lagi.

Demikian juga kebejatan sosial di negara-negara yang pernah dijajah oleh Barat, tidak langsung memperlihatkan kesudahannya. Malah di bumi Amerika sendiri sebagai sebuah negara yang dianggap maju sendiripun masih bergelumang dengan gejala kebejatan sosial yang sentiasa meningkat dari setahun ke setahun; pembunuhan, rompakan, rogol, ragut, dadah, dedah dan berbagai-bagai lagi. Semua ini menggambarkan betapa Tamadun Barat yang menolak agama tidak mungkin berjaya membawa masyarakat hidup secara harmoni, lebih-lebih lagi untuk meraih keampunan daripada Allah S.W.T..

Lantaran itu sudah sampai masanya dunia dikembalikan semula ke tangan umat Islam, sistem khilafah Islamiyah yang dulunya mampu membawa keamanan kepada dunia sarwa jagat ini perlu didaulatkan semula sebagai sebuah kuasa besar dunia yang tegak atas dasar ‘aqidah yang sahih.

Umat Islam tidak sepatutnya kelihatan terpinga-pinga dan lalai leka diulik oleh kesan penjajahan, sehingga masih ramai yang merasakan Barat adalah model dalam segala hal. Tidak dinafikan ilmu pengetahuan, dan teknologi merupakan hikmah yang harus diambil, bersesuaian dengan sabda Rasulu’Llah s.’a.w.:

خُذِ الْحِكْمَةَ وَلَا يُضْرِكَ مِنْ أَيِّ وَعَاءٍ خَرَجْتَ

Maksudnya:

*“Ambillah hikmah itu dan jangan kamu pedulikan dari mana sumbernya”*

Demikian juga sabdanya:

**الحكمة ضالة المؤمن فأنى وجدها فهو أحق بها**

Maksudnya:

*“Hikmah itu adalah barang hilang kepunyaan orang-orang beriman. Oleh itu di mana sahaja dia temui, dialah yang paling berhak milikinya”.*

Namun apa yang berlaku, tidak sebagaimana sepatutnya, kebanyakan yang diambil oleh umat Islam bukan ilmu dan teknologinya, tetapi budaya negatif yang memang bertentangan bukan sahaja nilai-nilai hidup masyarakat Islam, tetapi juga norma-norma hidup masyarakat Timur. Kebejatan ini boleh dilihat pada fesyen-fesyen pakaian yang akhir-akhir ini kelihatan semakin mendedahkan aurat, budaya hollywood dan Bollywood menjadi idola sebahagian besar remaja kini, fesyen rambut, cara berpakaian, cara pergaulan dengan ibu-bapa, orang tua, guru-guru, semakin terhakis dan hanya tinggal dalam kitab-kitab yang tersimpan dalam khazanah perpustakaan, mungkin esok atau lusa hancur musnah dimakan bubuk.

Kehidupan sebegini sudah tentu menambahkan kemurkaan Allah S.W.T., kerana kemajuan yang dicapai hanya dari aspek kebendaan tetapi miskin dari aspek kerohanian, kaya dengan unsur *jibayah* tetapi fakir segi untuk mendapat *hidayah* dan *tawfiq* daripada Allah S.W.T.

Di suatu sudut yang lain pula, terdapatnya segolongan umat Islam yang hanya mementingkan kehidupan sebagai ‘abid kepada Allah S.W.T., tetapi lupa tanggungjawab sebagai khalifah di bumi. Mereka asyik menumpukan perhatian dari segi hubungan dengan Allah S.W.T.; memperbaiki solatnya, puasanya, zikirnya dan selawatnya tetapi melalaikan hubungan sesama

manusia. Anak-anak dan ahli keluarganya diabaikan. Tidak difikirkan soal tanggungjawab dalam keluarga, lebih-lebih lagi yang membabitkan tanggungjawab terhadap masyarakat, negara, ummah dan agama. Menumpukan tuntutan fardhu ain tetapi melalaikan tuntutan fardhu kifayah. Akibatnya umat Islam terpaksa menghadapi kepincangan dalam banyak hal, bukan sahaja dari aspek politik tetapi juga dari segi ekonomi dan sosial, semuanya dibolot oleh bangsa-bangsa asing. Akhirnya umat Islam hidup dalam keadaan terjajah dibumi sendiri. Persoalan seperti pakaian, makanan, minuman, tempat tinggal, pendidikan, kenderaan dan lebih-lebih lagi teknologi persenjataan semuanya dikuasai dan dimiliki oleh umat bukan Islam. Apabila berlaku perang, umat Islam hanya mampu melihat senjata-senjata pembunuhan menimpa kepala mereka dan mengangkat tangan berdoa selagi hayat masih ada. Lihat sahaja apa yang berlaku di Palestin, Iraq dan Afghanistan, Kashmir, Bosnia Herzegobina, Chehnya, dan yang paling dekat di Tak Bai Thailand. Semuanya memperlihatkan betapa lemahnya umat Islam, betapa lalainya mereka dengan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah S.W.T. kepada mereka sebagai pemimpin dunia ini. Firman Allah S.W.T.:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبْيَتُ  
أَن يَحْمِلُنَّهَا وَأَشْفَقُنَّمِنَّهَا وَحْلَهَا إِلَّا نَسْنَنُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah bentangkan amanah (tanggungjawab) ini kepada langit-langit dan bumi juga gunung-ganang (tetapi mereka) enggan memikulnya dan gerun menerima amanah itu (lalu) Kami bebankan dia kepada manusia. Sesungguhnya manusia suka menganiaya diri dan jahil (tentang amanah dan tanggungjawab itu)”

(Surah Al-Ahzab: 72)

Wahai bangsaku! Bangunlah, bangkitlah, berjuanglah untuk menebus kembali marwah bangsa yang kian tercemar akibat kepalan dan kelalaian sendiri. Bangunlah untuk menggembangkan kembali tamadun Islam di zaman silam yang pernah dianugerahkan oleh Allah kepada umat

terdahulu. Bacalah dan renunglah segala rahsia yang tersirat di sebalik kejayaan umat Islam lampau itu, contohhilah dan beramallah. Berusahalah untuk mengembalikan nostalgia di zaman silam agar dapat dinikmati oleh generasi hari ini. Dalam pada itu wahai bangsaku, tidak harus dilupakan juga betapa kemerosotan dan kejatuhan sesebuah tamadun ada sebab dan puncanya bacalah dan teleklah agar ia boleh dijadikan sempadan buat generasi kita untuk dijauhi. Bangunlah sebagai seorang perwira untuk mendaulat nama bangsa, negara dan agama di tengah-tengah masyarakat di persada antara bangsa. Yakinlan bahawa masa depan dunia ini adalah buat kita. Bacalah firman Allah S.W.T.:

كَمْ مِنْ فِتْنَةٍ قَلِيلَةٌ غَلَبَتْ فِتْنَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ  
وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya:

*“Betapa banyak kumpulan yang kecil (sedikit bilangannya) dapat mengalahkan kumpulan yang besar (ramai bilangannya) dengan izin Allah. Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar (dan teguh pendiriannya)”*

*(Surah Al-Baqarah:249)*

Adalah diharapkan kehadiran buku kecil ini, sedikit sebanyak akan dapat menyedarkan golongan yang lalai dan berjaya menjadi pembuka jalan kepada mereka yang masih tercari-cari erti sebuah Masyarakat Islam Hadhari yang seharusnya dijelmakan di tengah-tengah masyarakat di persada antarabangsa.

### **Relaliti Umat Di Dunia Islam Suatu Tinjauan Umum**

Menjelang zaman moden menguasai dunia, iaitu akhir abad 13H, dan awal abad 14H./19 dan 20M.), seluruh dunia Islam, khususnya umat Arab telah dicabar oleh kebangkitan kuasa Eropah. Kalau sebelum ini umat Islam hanya menghadapi cabaran yang bersifat dalaman sahaja, tetapi abad moden menyambut mereka dengan cabaran-cabaran baru yang

bersifat luaran dan dalaman secara serentak.<sup>1</sup> Cabaran-cabaran inilah yang menggambarkan realiti sebenar senario dunia Islam menjelang zaman moden. Adakah ini yang pernah disifatkan Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

بُو شَكَ أَن تَتَدَاعَى عَلَيْكُمُ الْأَمْمُ كَمَا تَتَدَاعَى الْأَكْلَةُ  
إِلَى قَصْعَتِهَا. قَالُوا: أَمْنٌ قَلَّةٌ نَحْنُ يَوْمَئِذٍ يَا رَسُولَ  
اللهِ؟ قَالَ: بَلْ أَنْتُمْ كَثِيرٌ، وَلَكُنُمْ غُثَاءً كَغْثَاءِ السَّيْلِ  
وَلَيْنَزٌ عَنِ اللهِ مِنْ صُدُورِ عَدُوكُمُ الْمَهَابَةُ مِنْكُمْ  
وَلِيَقْذِفَنَّ اللهَ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهْنَ. قَالُوا: وَمَا الْوَهْنُ  
يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ: حُبُّ الدُّنْيَا وَكُراْهَةُ الْمَوْتِ.

Maksudnya:

*Hampir masanya di mana seluruh bangsa (kuffar) bertungkus lumus ingin menguasai kamu (umat Islam) bagaikan orang yang lapar menyantap hidangan yang sedang terhidang". Para sahabat bertanya: "Adakah kami sedikit bilangannya wahai Rasulullah?" Sabda Rasulullah s.a.w.: "Bahkan (tidak)! Kamu pada ketika itu ramai, tetapi kamu (bagaikan) buih banjir. (Waktu itu) Allah mencabut kegerungan yang terdapat dalam diri musuh-musuh kamu ketika berhadapan dengan kamu, (seterusnya) Allah mencampakkan dalam hati-hati kamu (penyakit) al-wahn". Mereka (para sahabat) bertanya: "Apakah al-wahn itu wahai Rasulullah?" Sabda (baginda s.a.w.): "Cintakan dunia dan benci mati (syahid)".<sup>2</sup>*

Demikian juga sabdanya:

إِذَا عَظَمْتَ أَمْتَيَ الدُّنْيَا نَزَعْتَ مِنْهَا هِيَةُ الْاسْلَامِ  
وَإِذَا تَرَكْتَ الْأَمْرَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَىَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
حَرَمَتْ عَلَيْهِ بُرْكَةُ الْوَحْيِ.

<sup>1</sup> Muhammad Fathi 'Ali Sha'ir, *Wasa'il al-a'lam al-matbu'ah fi da'wat al-Ikhwan al-Muslimin*, Dar al-Mujtama' li al-Nashr wa al-Tawzi', al-Qahirah, 1405H./1985, hlm. 59.

<sup>2</sup> Abu Dawud, Sunan, kitab al-malahim, bab 5; Lihat juga, Sa'id Hawa, *Pengenalan dakwah Ikhwan al-Muslimin*, trj. Pustaka Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 31.

### Maksudnya:

*Apabila umatku membesar-besarkan perkara dunia, tercabutlah daripadanya kehebatan Islam dan apabila ia meninggalkan amr ma'ruf dan nahi munkar, diharamkan baginya keberkatan wahyu.*<sup>3</sup>

Amir Shakib Arsalam dalam bukunya “*Limadha taakkhara al-Muslimun wa limadha taqaddama ghairuhum*” (Mengapa umat Islam mengalami kemunduran dan mengapa umat bukan Islam mengalami kemajuan), memberi jawapan dengan mengatakan bahawa, terdapat beberapa sebab mengapa umat Islam mengalami zaman kemunduran. Antara lain ialah: **Pertama**, wujudnya perpecahan di kalangan umat Islam kepada pelbagai negara, puak dan mazhab. Dalam pada itu timbul pula semangat ‘asabiyyah (taksub perkauaman) yang mencetuskan permusuhan sesama sendiri sehingga mudah di kuasai penjajah Barat. **Kedua**, tidak pandai menggunakan potensi yang ada untuk bangun sebagai bangsa yang maju. **Ketiga**, gagal dalam usaha mengajak masyarakat kepada Islam sehingga lahir umat Islam yang membelaikan tuntutan syari`at dan nilai-nilai murni hidup beragama.<sup>4</sup>

Memang tidak dapat dinafikan permusuhan sama sendiri di kalangan umat Islam sudah menjadi suatu fenomena biasa, seolah-olah ia memang tidak dapat dielakkan lagi. Sedangkan al-Qur'an dan al-Hadith ada di tangan mereka. Dalam sejarah dicatatkan bermula semenjak zaman pemerintahan Saydina 'Ali r.'a. ibn Abi Talib lagi, apabila munculnya fitnah selepas berlakunya pembunuhan ke atas sayidina 'Uthman ibn 'Affan r.'a. Peristiwa ini berakhir dengan permusuhan antara puak Saydina 'Ali dan Saydina Mu'awiyah di mana Sayidatina 'Aisyah r.'aha. turut terlibat. Permusuhan ini membawa kepada permusuhan berlanjutan antara Bani 'Umayyah dan 'Abbasiyyah. Kemudian diikuti pula dengan kemunculan Syi'ah dan Sunni yang berlanjutan sehingga kini. Dalam pada itu pula muncul mazhab-mazhab yang berbagai-bagai lagi, malah di kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah pula timbul empat mazhab

<sup>3</sup> Hadith dha'if, riwayat al-Hakim daripada Abu Hurayrah.

<sup>4</sup> Amir Syakib Arsalan, *Limadha taakkhara al-Muslimun wa limadha taqaddama ghairuhum*, Dar Maktabah al-Hayah, Bayrut Lubnan, t.th, hlm. 6-7.

lagi; Maliki, Syafi'i, Hanafi dan Hanbali yang kadangkala timbul juga pergeseran antara satu sama lain di kalangan pengikut-pengikut. Semua fenomena ini menampakkan betapa alasan yang menyebabkan umat Islam bermusuhan sama sendiri sentiasa ada.

Kedatangan penjajah Barat dengan ideologi yang dibawa juga telah menjadi pemangkin kepada permusuhan yang sedia ada. Apabila para ulama bangun dengan hujah-hujah mereka menudung jari kepada para penganut faham sekular yang menjadi induk kepada seluruh fahaman moden sebagai jalan singkat menuju murtad. Mereka berhujah dengan mangatakan bahawa seluruh fahaman moden adalah hasil ciptaan yahudi yang sengaja dilontar kepada masyarakat dunia sebagai alternatif kepada agama, kerana agama adalah penghalang kepada kemajuan dan ia mestilah dipisahkan daripada permasalahan negara; sama ada politik, pendidikan ekonomi, dan sebagainya. Semuanya fenomena ini adalah berupa pemangkin kepada ketegangan yang telah sedia ada dalam masyarakat dan negara Islam.

Sebagai penyelesaian, tidak ada jalan lain melainkan para ulama dan para pemimpin mesti wujudkan meja rundingan dan muzakarah secara ikhlas dan terbuka bagi mencari jalan penyelesaian dan mengembalikan semula umat Islam ke titik pertemuan yang boleh dipersetujui bersama, iaitu kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Selain daripada cintakan permusuhan, umat Islam juga tidak pandai menggunakan potensi yang ada untuk bangun sebagai sebuah negara maju dan berdaulat. Senario ini nampaknya ada kaitan yang erat dengan faktor penjajahan. Mana-mana negara yang dijajah biasanya masih dihantui oleh perasaan rasa dikongkong walaupun wilayah berkenaan telah dimerdekakan. Sebab itu tidak hairan bagaimana negara-negara yang kaya dengan minyak seperti negara-negara Arab, sepatutnya mereka mampu menyaingi kuasa-kuasa Barat, namun oleh kerana mereka tidak pandai menginpentarisir potensi yang ada untuk bangun sebagai negara maju, akhirnya mereka terpaksa bergantung dengan negara-negara barat apabila memerlukan senjata untuk pertahanan negara mereka. Padahal apa

salahnya dengan kekayaan yang diperolehi daripada hasil bumi itu mereka laburkan untuk bangunkan industri-industri, kalaupun tidak di negara sendiri, laburkan saja di negara-negara umat Islam yang sedang membangun. Apa yang terjadi, negara Barat juga yang bertambah maju sedangkan umat Islam masih terkial-kial bukan lagi miskin dengan teknologi persenjataan, tetapi miskin dengan tenaga-tenaga pakar dalam segala bidang. Apabila berlaku sesuatu bencana alam dalam negara, terpaksalah mengimpot pakar-pakar dari luar yang datang dari negara-negara seperti German, Perancis, Sepanyol, Jepun, Korea dan sebagainya. Amat sukar sekali untuk mendapat bantuan kepakaran dan jentera canggih dari negara-negara Islam.

Melihat kepada kepincangan yang berlaku, tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa negara-negara Islam selalu saja dipergunakan oleh Barat bagi memaju dan memperkasakan kekuatan mereka.

Selain itu, kecintaan kepada dunia secara berlebihan juga membawa manusia leka memikir dan menumpukan usaha mereka untuk memenuhi tuntutan nafsu yang tidak terbatas, menyebabkan mereka tidak bersedia bekal bagi perjalanan menuju akhirat. Kecintaan kepada dunia atau membesar-besarkan dunia bererti, memberikan tumpuan secara keterlaluan kepada segala unsur yang boleh melekakan; seperti bermain, melepak, berhias-hias, berebut pangkat dan kedudukan dan berlomba-lomba untuk memperbanyak harta dan anak-pinak. Inilah yang dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya:

أَعْلَمُو أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعْبٌ وَلَهُوَ زِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ يَنْكُمْ وَتَكَافِرُ  
فِي الْآمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمْثَلٌ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ بِنَاهُشُمْ يَهْبِيجُ  
فَتَرَنَهُ مُصْفَرًا ثُمَّ يَكُونُ حُطَنَمًا وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ  
مِنْ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَعٌ الْغُرُورُ

### **Maksudnya:**

*“Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan di dunia itu tidak lain melainkan (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang berlebihan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlomba-lomba membanyakkan harta benda dan anak-pinak. (Semuanya itu adalah terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburnya, kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; (dan hendaklah diketahui lagi bahawa) di akhirat ada azab yang berat (disediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan di dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar dan keredhaan dari Allah (bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya”.*

*(Surah Al-Hadid:20)*

Islam meletakkan garis panduan yang jelas kepada umatnya dalam perkara mencari rezeki yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia di dunia ini. **Pertama**, tidak sampai mengabaikan tanggungjawab yang difardhukan oleh Allah seperti solat, puasa, zakat dan menunaikan ibadah haji. **Kedua**, tidak melampaui dalam berbelanja sehingga sampai ke peringkat membazir. **Ketiga**, tidak bakhil dalam menderma dan menginfaq pada jalan Allah dan kepada yang memerlukan bantuan. **Keempat**, tidak sampai meninggalkan tanggungjawab mendidik diri, keluarga dan masyarakat kepada agama Allah. **Kelima**, melaksanakan tanggungjawab menyuruh masyarakat kepada perkara-perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kelalaian umat dalam melaksanakan tanggungjawab inilah yang mengakibatkan pelbagai kebejatan sosial berlaku.

Lihat saja kebejatan sosial yang berlaku dalam negara kita, data-data dan maklumat yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar menunjukkan kadar jenayah yang berpunca daripada pembangunan sosial yang tidak sempurna

amat mengecewakan. Gejala seperti penyalahgunaan dadah, dedah, ragut, rogol, bunuh, lumba haram dan pembuangan bayi semakin menjadi-jadi. Laporan akhbar-akhbar tempatan tentang suatu kajian yang dibuat oleh kementerian Belia dan Sukan 10 tahun yang lalu mendapati, daripada 5860 anak remaja yang dikaji, 71% menghisap rokok, 40% melihat video lucah, 28% berjudi, 25% minum arak, dan 14% terlibat dengan pengambilan dadah, manakala kes zina pula banyak melibatkan golongan remaja antara 15-18 tahun.<sup>5</sup> Berdasarkan perangkaan ini, walaupun sepuluh tahun yang lalu, menunjukkan suatu petanda bahawa kejala kebejatan sosial di Malaysia amat membimbangkan.

Di Barat gejala seperti di atas lebih hebat berlaku hingga menimbulkan kebimbangan di kalangan ahli politik dan golongan pendidik. Mereka sedar kepincangan sistem pendidikan yang memisahkan manusia daripada agama dan nilai moral. Justeru itu mereka terpaksa mengambil langkah positif bagi mengatasi masalah ini. John Mejar, semasa menjadi Perdana Menteri Britain, terpaksa mengemukakan polisi “*return to the back*” untuk mengembali semula nilai-nilai murni dalam kehidupan. Demikian juga Bill Clinton semasa menjadi Perdana Menteri Amerika Syarikat, melahirkan rasa cemasnya terhadap fenomena keganasan generasi muda di Amerika Syarikat, sehingga dirasakan Amerika bukan lagi tempat selamat untuk hidup bagi generasi muda kerana bilangan belia yang mati di negara sendiri akibat keganasan lebih ramai daripada jumlah tentera yang mati di medan perang. Begitu juga Eropah, para sarjana daripada pelbagai bidang yang menghadiri satu seminar di Eropah merumuskan bahawa sistem pendidikan kini tidak mampu lagi menanam nilai-nilai kemanusiaan dan moral dalam kehidupan manusia. Oleh itu dalam perancangan pendidikan di negara-negara Eropah masa akan datang perlu diberi penekanan kepada dua aspek ini.<sup>6</sup>

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, dapat dirasakan betapa mendesaknya masyarakat Islam hari ini dihadharikan semula dengan

<sup>5</sup> Berita Harian, 1hb. Jun 1994; New Straits Times, 25hb. Mei 1994; Berita Harian 16hb Nov. 1994; Mohd Yusuf Hj. Othman, 1995.

<sup>6</sup> Abdul Halim Muhammadi, 1994.

mengambil kira perkembangan dan tuntutan semasa agar dapat sekurang-kurangnya menyaingi perkembangan tamadun Eropah Barat. Atas alasan itu, masyarakat Islam Hadhari perlu didefinisikan semula agar dapat dimengertikan oleh seluruh umat Islam bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia Islam.

## Masyarakat Islam Hadhari: Suatu Pengenalan

“*Al-Islam*”, dilihat dari sudut **bahasa** berasal daripada katakerja “*salima*”<sup>7</sup> Perkataan *al-Islam* juga kadangkala disebut oleh Allah S.W.T. dalam al-Qur'an sebagai *al-Silm* dan *al-Salm*. Ketiga-tiga perkataan di atas adalah kelimah Arab yang membawa pengertian yang sama,<sup>8</sup> iaitu: **Pertama**, bersih dan sunyi daripada sebarang kebinasaan zahir dan batin. **Kedua**, perdamaian dan keamanan. **Ketiga**, ketaatan dan kepatuhan.<sup>9</sup>

Ditinjau dari sudut istilah syara' pula, Dr. 'Abd al-Karim Zaydan dalam bukunya *Usul al-Da'wah* telah mengemukakan beberapa definisi. Antara lain ialah:<sup>10</sup>

**Pertama:** *Al-Islam* ialah “kepatuhan, ketundukan, ketaatan dan penyerahan diri kepada Allah S.W.T. Tuhan semesta alam dengan penuh keikhlasan lahir daripada kesedaran diri dan bukan kerana terpaksa”.

**Kedua:** *Al-Islam* ialah berupa peraturan umum dan undang-undang

<sup>7</sup> Daripada perkataan *salima* (سلام) lahir beberapa perkataan lain seperti *aslama* (اسلام), *Islam* (إسلام), *Islami* (إسلامي), *Islamiyyah* (إسلامية), *Muslim* (مسلم). *Istislama* (استسلام) dan *Istislam* (استسلام). Lihat Maan Z Madina, *Arabic – English Dictionary*, New York pocket Book, 1973.

<sup>8</sup> Lihat Fairuz Abadhi al-Shirazi, *al-Qamus al-Muhit*, juz' 4, Bayrut, hlm 129.

<sup>9</sup> Lihat Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah, *Ruh al-Din al-Islami*, cet 8, Bayrut: 1389H./1969M.) hlm. 17; al-Mawdudi, *Mabadi' al-Islam*, Kuwait: 1400H./1970M., hlm. 4.Dr. Muhammad Sulaiman Yasin, Pengantar 'Aqidah, hlm. 1.

<sup>10</sup> Dr. 'Abd al-Karim Zaydan, *Usul al-Da'wah*, (Dasar-dasar ilmu dakwah 1) terj. Media Dakwah, Jakarta, 1979, hlm. 4-7.

yang bersifat sempurna dan menyeluruh, mencakupi ruang lingkup kehidupan manusia dalam mengatur perancangan dan sistem hidup mereka. Orang yang mentaatinya diberikan pahala sementara orang yang mengingkarinya dikenakan dosa”.

**Ketiga:** al-Islam ialah agama yang terkumpul dalamnya; aqidah, syari‘ah, ibadah, akhlak dan sejarah-sejarah sebagaimana yang terkandung dalam kitab Allah (al-Qur’ān) dan sunnah Rasul-Nya s.a.w. yang diperintah supaya disampaikan kepada umat manusia.

Ketundukan dan kepatuhan dalam definisi pertama, hendaklah dengan sukarela bukan terpaksa. Ketundukan secara terpaksa tidak menghasilkan sebarang kesan pahala atau seksa. Ketundukan seperti itu adalah ketundukan orang-orang kafir. Walaupun mereka mengingkari perintah, namun terpaksa juga tunduk di bawah naungan kuasa Allah S.W.T. yang Maha Perkasa. Kenyataan ini selaras dengan firman Allah S.W.T.:

أَفَغَيِّرُ دِينَ اللَّهِ يَبْغُونَ كَوَافِرَهُ وَأَسْلَمَ مَنْ فِي أَلْسُنَاتِ  
وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ

Maksudnya:

*“Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu mereka mencari lain daripada agama Allah? Padahal kepada-Nyalah tunduk taat sekelian makhluk yang ada di langit dan di bumi; sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa, dan kepada-Nyalah mereka dikembalikan”.*

*(Surah Ali ‘Imran:83)*

Seseorang yang telah menerima Islam bereti bersedia menerima perintah larang daripada Allah S.W.T. dengan erti bersedia menurut kemahuan dan kehendak yang Maha Berkuasa, kerana manusia adalah hamba-Nya, bukan kuli atau rakyat-Nya. Demikian juga larangan-larangan yang ditegah oleh Allah kepada hamba-Nya mesti dijauhi semampu mungkin tanpa rasa ragu-ragu atau berdolak-dalik. Sebagai balasan daripada ketaatan tersebut ialah keampunan dan keredhaan serta balasan

syurga dari-Nya. Sebaliknya jika mengingkari perintah dan melanggari larangan-Nya bererti kemurkaan dan nerka dengan azab siksa yang tidak terperi sakitnya.

Sebagai bukti ketakaatan dan ketundukan seseorang ialah redha menerima syari‘at Allah S.W.T. dengan penuh rasa tanggungjawab tanpa sebarang keluh-kesah, yakin dengan penuh keimanan dan kejujuran, menolak segala tuhan-tuhan selain Allah dan segala ideologi, petunjuk dan ajaran sesat selain yang datang daripada Nabi Muhammad s.a.w. kecuali dalam perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan semangat syari‘at dan perundangan yang dibawa olehnya. Firman Allah S.W.T.:

إِنَّ الَّذِينَ كَعْنَدَ اللَّهَ أُلِّا إِسْلَمُوا

Maksudnya:

‘Sesungguhnya agama (yang sebenar) di sisi Allah hanyalah al-Islam...’.

(Surah Ali ‘Imran:19)

Firman-Nya lagi:

وَمَن يَتَّبِعَ عَرَبَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يَقْبَلَ مِنْهُ  
وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya:

‘Dan sesiapa yang mencari selain Islam sebagai agama (pegangan hidup), maka tidak sekali-kali akan diterima (oleh Allah) daripadanya dan dia pada hari akhirat tergolong di kalangan orang-orang yang rugi’.

(Surah Ali ‘Imran:85)

Firman-Nya lagi:

وَمَن يُسْلِمُ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ  
بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى

## Maksudnya:

*“Dan sesiapa yang berserah bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan tali yang teguh kukuh...”.*

*(Surah Luqman: 22)*

Ketiga-tiga definisi di atas, kelihatan saling melengkapi antara satu sama lain bagi menjelaskan hakikat sebenar dari aspek kepatuhan dan ketundukan seseorang hamba kepada Penciptanya dan juga aspek *tasawwurnya* (gambarannya) tentang kandungan Islam secara global. Dilihat kepada aspek tasawwurnya, dapatlah dirumuskan bahawa Islam adalah suatu pegangan hidup yang menyeluruh melengkapi segala permasalahan hidup umat manusia; bermula dari aspek asas dan dasar dalam Islam seperti, ‘aqidah keimanan, syari‘ah, ibadah dan akhlak, sehingga perka yang membabitkan kehidupan bermuamalah dan bersosial seperti politik, ekonomi, pendidikan, kehakiman, perundangan, keselamatan, kesihatan, kesenian, kekeluargaan dan berbagai-bagai lagi. Bagi mempastikan perlaksanaan seluruh sistem hidup Islam dalam sesebuah masyarakat muslim Hadhari, Islam memfardhukan suatu lagi kewajipan ke atas penganutnya iaitu *himayat al-Islam* (mengawal dan memelihara Islam dari sebarang gangguan musuh-musuh). Dalam ertikata lain ialah, *jihad* dan *da‘wah*. Jihad dan dakwah adalah dua tanggungjawab yang sering diabaikan oleh umat Islam yang menjadi punca utama Islam menjadi mundur dan terkebelakang. Dalam pada itu pula ramai umat yang salah dalam menanggapi dan memahami dua istilah tersebut. Insya Allah akan dibicarakan dalam bab yang akan datang.

Berdasarkan kepada definisi-definisi di atas juga dapat difahami bahawa tidak seharusnya umat Islam memisahkan aktiviti-aktiviti hidup harian mereka dengan Islam atau cuba menumpukan kepada urusan ibadah khususiyah semata tanpa memberi penekanan sama kepada urusan khilafah di bumi. Dalam ertikata lain mengabaikan tanggungjawab dalam kehidupan bermasyarakat, mengambil tahu akan urusan kaum muslimin, atau sekurang-kurangnya tanggungjawab dalam rumahtangga; sama ada sebagai suami atau bapa atau kedua-duanya sekali. Demikian juga

sebaliknya di mana penumpuan kerja hanya diberikan kepada urusan duniawi dan mengabaikan tanggungjawab dalam urusan ukhrawi.

Demikian penjelasan ringkas berhubung definisi *al-Islam* agar dapat dimengertikan oleh seluruh umat Islam khususnya dan umat bukan Islam umumnya, sebelum dilanjutkan perbincangan tentang tuntutan dan perlaksanaannya dalam masyarakat Islam Hadhari. Sebelum itu, suatu perkataan lagi yang juga menjadi tanda tanya kebanyakan umat bukan sahaja muslim tetapi juga bukan muslim ialah perkataan “*Hadhari*” lebih-lebih lagi apabila dikaitkan dengan Islam.

Perkataan Hadhari berasal daripada perkataan ‘Arab “*hadara*”, “*hadarah*”. **Malik bin Nabi** mendefinisikan sebagai, kehidupan secara menetap, tempat lahirnya perkembangan ilmu, kesenian, kesusasteraan, undang-undang dan kemasyarakatan serta mencapai tahap kehidupan yang tinggi, bukan liar dan ganas. Oleh itu lawan kepada *al-hadarah* ialah *al-badawah*, yang membawa gambaran sebuah masyarakat yang hidup secara liar dan ganas.

Ibnu Khaldun seorang ahli sosiologi dan sejarawan Arab muslim ketika menjelaskan tentang permasalahan ini, telah memperkenalkan suatu istilah lain iaitu “*umran*” yang berasal daripada perkataan “*’amara*” yang membawa pengertian, kawasan tanah dan rumah yang didiami, diduduki orang, tinggal menetap dalam keadaan berkembang subur dan makmur. Ia juga merangkumi makna *bunyan* yang memberi makna wujudnya pembinaan bangunan dan ia harus dirangkumi bersama dengan maksud *al-hadarah*.

Dalam bahasa Melayu istilah hadarah tidak begitu popular berbanding istilah tamadun. Istilah ini berasal dari perkataan Arab “*madana*”, “*madinah*” yang memberi makna masyarakat bandar yang terbina melalui proses urbanisasi. Sehubungan itu Mohammad ’Abduh dan Farid Wajdi memperkenalkan istilah *al-madaniyyah* yang berasal daripada perkataan *madana*, *madani*, *madinah* membawa pengertian; kota atau tempat tinggal menetap. Kehidupan secara tinggal menetap biasanya akan membawa

kepada kehidupan yang lebih maju dan membangun sebagai sebuah bandar. Satu lagi istilah yang selalu juga disebut dalam bahasa Melayu ialah, “peradaban”. Perkataan ini juga berasal daripada perkataan Arab i.e. *al-adab*. Ia membawa maksud adab sopan dan tatasusila hidup yang baik serta keluhuran dan kehalusan budi pekerti.

Sebagai rumusannya boleh dikatakan bahawa, perbedaan antara *madaniyyah* dan *hadarah* adalah terletak kepada lapangan masing-masing. *Hadarah* menjurus pembinaan insan, sementara *madaniyyah* menjurus pembinaan material. Gabungan kedua-dua maksud di atas memperlengkapkan maksud sebenar pembangunan menurut perspektif Islam. Elemen penting yang ditekankan oleh Ibn Khaldun ketika membincangkan tajuk ini ialah, segala ciri-ciri tamadun haruslah terbina atas asas spiritual yang berpijak kepada *hidayah Ilahi* bukan *jibayah* yang hanya mementingkan material semata.

Oleh itu Masyarakat Islam Hadhari ialah, “sesebuah masyarakat yang membangun melalui proses urbanisasi dengan nilai-nilai, adab-adab dan tatasusila hidup serta berbudi luhur, dibangunkan atas asas taqwa dan keredhaan Allah S.W.T. sehingga lahir sebagai sebuah masyarakat maju, aman, harmoni dan mendapat keampunan Ilahi”. Kenyataan ini bersesuaian dengan firman Allah S.W.T. kepada penduduk Saba’:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَابِي فِي مَسْكِنِهِمْ أَيَّةً جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشَمَائِلٍ  
كُلُّوْمِنِ رِزْقٍ رَّيْكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ بَلْدَةً طَيْبَةً وَرَبُّ غَفُورٍ

Maksudnya:

“Demi sesungguhnya bagi penduduk Saba’ satu tanda (kemurahan Allah) terdapat di tempat tinggal mereka dua kebun (yg luas subur) di kiri kanan tempat tinggal mereka, (lalu dikatakan kpd mereka) makanlah rezeki Tuhanmu dan bersyukurlah kepada-Nya atas kurniaan sebuah negeri yang aman dan makmur serta mendapat keampunan Tuhan(mu)”. *(Surah Saba’:15)*

Demikian juga firman Allah S.W.T.:

أَفَمَنْ أَسَسَ بُنِيَّتَهُ عَلَى تَقْوَىٰ مِنْ كَالَّهِ وَرِضْوَانٍ خَيْرٌ أَمْ مَنْ  
أَسَسَ بُنِيَّتَهُ عَلَى شَفَاعَجُرْفٍ هَارِفٍ تَهَارَ بِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ

Maksudnya:

*Adakah mereka yang mengasaskan bangunannya atas dasar taqwa dan mardhati' Llah itu lebih baik atau mereka yang mengasaskannya di tepi jurang yang dalam lalu ia jatuh tersungkur bersama binaannya itu ke dalam neraka Jahannam (itukah yang lebih baik)? ... ”.*

*(Surah Al-Tawbah: 109)*

Berdasarkan dua ayat di atas, rasanya sudah cukup untuk dijadikan sebagai asas bagi membentuk sebuah definisi yang tepat mengenai Masyarakat Islam Hadhari.

### **Individu-individu Yang Sepatutnya Dilahirkan Dalam Masyarakat Islam Hadhari**

Imam al-Raghib al-Asfahani mengatakan bahawa, terdapat tiga tujuan utama Allah S.W.T. menciptakan manusia dan sekaligus menjadi tujuan utama *maqasid al-syari'ah* (tujuan didatangkan hukum syara') kepada orang-orang mukallaf.<sup>11</sup> **Pertama**, mengabdikan diri kepada Allah S.W.T., sebagaimana firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Maksudnya:

*“Dan tidak Aku ciptakan manusia melainkan supaya mereka (tunduk) mengabdikan (diri kepada-Ku)”*

*(Surah Al-Dhariyat: 56)*

---

<sup>11</sup> Yusuf al-Qardhawi, Islam yang kami serukan, terj. 'Abdul Karim Sidiq, Penerbitan At-Taqwa, Kota Bharu, Kelantan, 1998, hlm. 38-39.

**Kedua**, ialah sebagai khalifah dibumi. Kenyataan ini berdasarkan firman Allah S.W.T.:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَقِيْفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ  
دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُو كُمْ فِي مَا آتَنَاكُمْ

Maksudnya:

*“Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi, dan Dialah yang mengangkat sebahagian kamu daripada sebahagian yang lain beberapa derjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang Ia telah kurniakan kepada kamu ...”*

*(Surah Al-An`am: 165)*

**Ketiga**, ialah untuk membolehkan manusia mengimarahkan muka bumi Allah S.W.T., berdasarkan maksud firman-Nya:

*“... Dialah (Allah) yang telah menciptakan kamu daripada bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya...”*

Memakmurkan bumi dalam ertikata berusaha supaya ramai penduduknya, banyak hasil mahsulnya dan sejahtera hidup padanya.<sup>12</sup>

Melihat kepada ketiga-tiga tujuan Allah menciptakan manusia di bumi ini, nampaknya mereka yang paling bertanggungjawab dan paling layak menerima tanggungjawab ialah mereka yang bergelar guru dan pemimpin. Sebab orang yang paling layak memegang jawatan khalifah ialah para nabi dan para rasul. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab memegang amanah sebagai guru kepada masyarakat, tetapi juga sekaligus sebagai pemimpin. Oleh itu manusia yang sepatutnya dilahirkan seramai mungkin dalam masyarakat ialah mereka yang boleh memegang peranan sebagai guru dan pemimpin. Sebab semua manusia adalah pemimpin. Setiap pemimpin mesti bertanggungjawab kepada semua rakyat di bawah pimpinannya. Inilah yang dapat difahami daripada Sabda Rasulu’Llah s.’a.w.:

<sup>12</sup> Lihat Tafsir Pimpinan al-Rahman, nota kaki 354.

## **كلم راع وكل راع مسئول عن رعيته...**

**Maksudnya:**

*“Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin bertanggungjawab kepada rakyat di bawah pimpinannya ...”.*

*(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Tugas sebagai guru/pemimpin adalah suatu amanah yang dipertanggungjawabkan bukan sahaja oleh masyarakat dan negara tetapi lebih jauh daripada itu ialah Allah S.W.T. yang melantik mereka sebagai khalifah di bumi. Tanggungjawab mereka adalah berat, kerana mereka adalah individu yang mampu mencorakkan masa depan sesebuah generasi. Silap dalam mendidik atau mengurus bererti pincanglah masa depan negara dan agama, betul dalam mendidik bererti gemilanglah masa depan negara dan agama. Di tangan gurulah lahirnya pemimpin masa depan dan di tangan pemimpinlah lahirnya rakyat yang bersemangat patriotik dan cintakan negara. Lantaran itu seseorang guru/pemimpin tidak mungkin berkemampuan untuk menunaikan tanggungjawabnya dengan sempurna, melainkan mereka telah melengkapkan diri dengan keilmuan, kefahaman dan penghayatan yang sempurna dari segi pengurusan kendiri, pengurusan keluarga, pengurusan murid/pelajar, pengurusan kakitangan bawahannya, pengurusan masyarakat persekitaran dan kemampuan memelihara nama baik institusi yang dilibati.

### **1. Kemampuan Mengurus Kendiri**

Kemampuan mengurus kendiri adalah menjadi titik tolak kepada kejayaan seseorang. Seseorang guru/pemimpin yang berjaya dan cemerlang ialah mereka yang berjaya menjadikan dirinya sebagai model dan idola kepada pelajar dan pengikut atau kakitangan bawahannya. Rasulullah s.a.w. adalah model terbaik yang berjaya mengurus kendiri dengan sempurna dan praktikal dilahirkan oleh Allah untuk menjadi ikutan dan idola kepada seluruh manusia. Seseorang yang berjaya mengurus kendiri bererti mampu mengarahkan halatuju fikirnya, emosinya, rohaninya selari dengan kehendak fitrah murni yang telah ditetapkan oleh Allah semenjak azali. Keharmonian tiga elemen inilah akan mencernakan perlakuan seseorang

secara seimbang dan sepadu mengikut acuan Ilahi. Inilah yang ditegaskan oleh Allah dalam al-Qur'an yang bermaksud: "Maka hadapkanlah wajahmu kepada agama yang lurus, fitrah Allah yang memfitrahkan manusia ke atasnya, tidak ada tukar ganti ciptaan Allah, itulah agama yang benar, akan tetapi kebanyak manusia tidak mengetahui".<sup>13</sup>

Perlakuan makhluk jahat yang bersemadi dalam diri manusia yang dinamakan (*syaitan hawa*) adalah faktor penyebab yang utama berlakunya pemesongan tiga elemen di atas dari landasan fitrahnya. Fitrah manusia memang telah ditetapkan berada dalam keadaan selari dengan kehendak Penciptanya. Seseorang yang berjaya membentulkan kembali kedudukan yang asal atau berjaya mengelakkan keadaan sebagaimana asalnya, bererti dia adalah orang yang berjaya mengurus kendiri dengan sempurna dan dia adalah yang digelar insan sempurna (*kamil*).

Insan kamil adalah insan yang memiliki empat jenis kualiti diri, iaitu Kualiti Intelektual (*Intellectual Quality*), Kualiti Spiritual (*Spiritual Quality*), Kualiti Emosional (*Emotional Quality*) dan Kualiti Fizikal (*Physical Quality*).

Individu yang memiliki *Intellectual Quality* biasanya dapat diukur melelui kemampuannya menguasai ilmu pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang dengan ditunjangi oleh ilmu asas dan dasar dalam Islam iaitu *Usul al-'Aqa'id* (asas-asas 'aqidah), *Usul al-Syari'ah* (asas-asas syari'ah), *Usul al-'Ibadat* (asas-asas ibadah) dan *Usul al-Akhlaq* (asas-asas akhlak). Dalam pada itu pula berkemampuan mengurus cara berfikir secara kreatif dan inovatif, pantas dan tepat dalam membuat penentuan dan pemilihan.

Manakala penguasaan dari sudut Kualiti Spiritualnya (*Spiritual Quality*) pula ialah, individu yang memiliki keimanan dan ketakwaan yang mantap terhadap Pencipta. Ia dapat diukur melalui kemampuan seseorang untuk menghalang diri dari terlibat dengan gejala dosa dan maksiat,

---

<sup>13</sup> Al-Qur'an, surah al-Rum: 30.

sekaligus akan membekali diri dengan sifat wara' iaitu takut untuk melibatkan diri dengan perkara yang haram dan syubhat seperti rasuah, menggelapkan wang rakyat, mencuri, merompak, membazir, berzina, minum arak dan membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah S.W.T.. Semua gejala ini akan terhindar disebabkan oleh keyakinan dan keimanan yang sungguh-sungguh terhadap kemurkaan Allah dan azab siksa neraka-Nya.

Sementara pemilikan *Emotional Quality* pula ialah individu yang berjaya menguasai sifat-sifat mahmudah yang dimiliki oleh baginda Rasulu'Llah s.'a.w.. Antara lain ialah seperti benar dalam tutur kata dan tindakan, amanah dengan tanggungjawab yang diberikan, adil dalam setiap pengagihan dan penghakiman, ikhlas dalam tutur kata dan perbuatan hanya mengharap keredhaan Allah S.W.T., sabar ketika menghadapi ujian yang tidak diingini, redha dengan segala ketentuan dan pemberian dari Allah dan bersyukur ke hadhrat Allah atas segala nikmat yang dikurniakan.

Tidak dapat dinafikan bahawa memiliki *Physical Quality* juga adalah sebahagian daripada tuntutan kualiti diri yang menyeluruh. Ini disebabkan kesihatan fizikal amat mempengaruhi kesihatan mental, sebagaimana kualiti emosional boleh dicapai seseorang dengan mantapnya kualiti spiritual. Bagaimanapun kesihatan fizikal dan mental tidak menjamin seseorang memperolehi kualiti spiritual dan emosional. Sebagaimana juga kualiti spiritual dan emosional tidak menjamin seseorang memiliki kualiti fizikal dan mental. Ini adalah disebabkan unsur penciptaan manusia terdiri daripada dua unsur utama iaitu, unsur bumi dan unsur roh. Unsur bumi bersifat merentas yang boleh memberikan rangsangan kepada kualiti fizikal dan mental. Sementara unsur roh bersifat menegak yang boleh memberikan rangsangan kepada kualiti spiritual dan emosional.

Kejayaan seseorang memiliki keempat-empat kualiti di atas bererti memiliki anugerah Ilahi yang paling istimewa. Kerana berjaya menseimbangkan penggunaan secara sepadu; tidak keterlaluan dalam usaha mendapatkan habuan yang bersifat merentas dan tidak juga keterlaluan dalam mencari habuan yang bersifat menegak. Dalam ertikata

lain tidak terlalu membesar-besarkan perkara dunia hingga lupa akhirat dan tidak pula keterlaluan mencari kurnia Allah di akhirat sehingga melupakan tanggungjawab dan bahagian di dunia untuk merasai kesenangannya yang halal sebelum dapat menikmati kesenangan yang kekal di akhirat. Dalam hal ini Allah S.W.T. memperingatkan manusia dengan firman-Nya:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَيْكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَى  
نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ

Maksudnya:

*“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu...”*

*(Surah Al-Qasas:77)*

Dalam usaha memantapkan diri insan dengan keempat-empat kualiti ini, Islam mensyariatkan umatnya dengan pelbagai amalan fardhu dan sunat. Amalan-amalan seperti solat, puasa, zakat dan haji adalah antara amalan-amalan terpenting yang boleh memberikan tenaga dan rangsangan kepada keempat-empat kualiti diri di atas. Kejayaan menguasainya secara bersepada, sudah tentu akan melahirkan perlakuan terpuji dan tutur kata yang selamat dari menyakiti orang lain. Perlakuan yang seperti ini sudah tentu mampu menghambat jauh segala unsur yang mungkin menimbulkan suasana yang tidak harmoni ketika berlakunya interaksi antara seseorang dengan yang lain dalam masyarakat.

Sehubungan itu adalah menjadi tanggungjawab utama setiap guru dan pemimpin untuk memahami dan menghayati ilmu yang berkaitan dengan pengurusan kendiri sebelum mereka terjun ke gelanggang sebagai seorang guru atau pemimpin di sebuah institusi atau masyarakat. guru dan pemimpin yang mampu mengurus kendiri secara sempurna akan

menjadi contoh dan teladan kepada anggota keluarga, para mahasiswa, dan anggota masyarakat persekitarannya. Sekiranya keadaan ini berlaku sudah tentu masyarakat Islam Hadhari yang diimpikan oleh pucuk pimpinan negara akan dapat dicapai dengan jayanya.

## **2. Kemampuan Mengurus Rumahtangga**

Kejayaan seseorang mengurus kendiri adalah menjadi titik tolak kepada kejayaan dalam mengurus keluarga dan rumah tangga. Anggota keluarga yang terdiri daripada anak-anak biasanya akan menjadikan ibu dan bapa mereka sebagai teladan, sementara isteri pula akan mengikut suami. Oleh itu suami atau bapa adalah pemimpin dalam sebuah keluarga. Sekiranya pemimpin dalam keluarga mempunyai peribadi sempurna biasanya keluarga yang unggul dan bahagia akan dapat dilahirkan secara mudah. Kemampuan seseorang dalam menerajui rumah tangga biasanya diukur melalui kejayaannya membangunkan kualiti intelektual ahli keluarga dengan ilmu dan pengalaman yang berguna, kualiti rohani anak-anak dan isteri dengan keimanan yang kental terhadap Allah sebagai teras jatidiri melalui penghayatan ibadah khusus seperti solat<sup>14</sup> dan puasa. Selanjutnya diikuti dengan penyuburan kualiti emosi dengan sifat-sifat terpuji yang akan menghiasi moraliti mereka.<sup>15</sup> Dalam pada itu tidak dilupakan aspek kesihatan fizikal melalui penjagaan makan minum, pakaian dan tempat tinggal yang selesa.

Kejayaan dalam rumah tangga juga mempunyai pertalian erat dengan pemilihan pasangan yang baik dan mampu mengurus kendiri dengan sempurna, di samping kejayaan mencanaikan hubungan kasih sayang secara harmoni. Kegagalan dalam membuat pilihan dan tidak mampu

---

<sup>14</sup> Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Dan perintahlah ahli keluargamu mendirikan solat dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya”. Lihat al-Qur'an, surah 20:132.

<sup>15</sup> Sabda Rasulullah s.'a.w. yang bermaksud: “Orang yang paling baik di antara kamu ialah orang yang paling berlaku baik terhadap isterinya dan akulah orang yang paling berlaku baik terhadap isteri”. H.R. Ibn Majah dan al-Hakim. Sabdanya lagi: “Mukmin yang paling sempurna imannya ialah mukmin yang paling baik akhlaknya dan yang paling bersikap lembah-lembut terhadap isterinya. H.R. al-Turmudhi.

mewujudkan hubungan mesra antara satu sama lain adalah menjadi penyebab kepada berlakunya keruntuhan sesebuah rumah tangga. Pada hakikatnya hasil yang diharapkan dari terbinanya rumah tangga Islam ialah untuk mewujudkan suatu generasi yang gemilang, sebagaimana sebuah doa yang tercatat dalam al-Qur'an:

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجٍ نَاوَذْرِيَّ شَفَرَةَ آغْيُونْ وَاجْعَلْنَا<sup>ا</sup>  
لِمُتَّقِينَ كِإِمَامًا

Maksudnya:

"Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami isteri-isteri kami, dan keturunan kami sebagai penenang kepada mata-mata memandang, dan jadikanlah kami sebagai pemimpin kepada orang-orang yang bertaqwa".

(Surah Al-Furqan: 74)

### 3. Kemampuan Mengurus Murid/Pelajar

Ketenangan dan keharmonian dalam rumah tangga menjadi pemangkin kepada seseorang guru mengurus para pelajarnya dengan lebih sempurna. Kemampuan mengurus pelajar bererti mampu menjadikan diri mereka sebagai model kepada pelajar untuk dicontohi dari segi sahsiah, disiplin, pakaian dan tingkah laku serta cemerlang dalam mengurus masa, membuat penilaian terhadap pelajar dan mengurus cara berfikir. Hasil daripada keupayaan ini para siswa dan siswi akan timbul keinginan untuk menimba ilmu dengan bersungguh-sungguh, peka kepada perkembangan semasa dan gemar berkongsi ilmu, suka membaca, minat berusaha ke arah kecemerlangan, jujur dalam tindakan, berintegriti, berakauntabiliti dalam aktiviti akademik dan patuh kepada peraturan dan undang-undang.

Kejayaan para guru dalam mengurus para pelajarnya dapat diukur melalui graduan-graduan yang bakal dilahirkan oleh universiti. Sekiranya graduan yang lahir itu majoritinya adalah cemerlang dari segi mental, spiritual, emosi dan fizikalnya bererti universiti memiliki para pensyarah yang berjaya mengurus siswa-siswi mereka secara betul dan sempurna,

demikian juga sebaliknya.<sup>16</sup>

#### 4. Kemampuan Mengurus Masyarakat

Kemampuan mengurus masyarakat di sini boleh didefinisikan sebagai mampu melaksanakan hak dan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat; melibatkan diri dalam memberi sumbangan tenaga, kepakaran dan keilmuan dalam usaha memaju serta membangunkan masyarakat. Kejayaan para guru/pemimpin dalam mengurus masyarakat dapat diukur melalui kejayaan mereka membebaskan masyarakat daripada gejala kebejatan sosial, pertelingkahan sesama anggota, menyuruh dan menggalakkan masyarakat melakukan kerja-kerja kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kejayaan ini adalah selari dengan kenyataan al-Qur'an yang mensifatkan golongan berjaya sebagai *khayr ummah*: Firman Allah S.W.T.:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَوْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya:

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia; kamu menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta heriman kepada Allah ...”.

(Surah Ali `Imran: 110)

Difahamkan daripada ayat ini, kejayaan sesebuah masyarakat Islam Hadhari adalah terletak kepada sejauhmana keupayaan anggota masyarakat, khususnya yang bergelar guru dan pemimpin untuk memperuntukkan masa mereka berada di tengah-tengah masyarakat bagi tujuan menyesuaikan diri, berkenalan, bekerjasama menyelesaikan permasalahan yang timbul, membuat kerja-kerja kebaikan; sama ada dalam bentuk menyampaikan ilmu, tazkirah, ceramah, menyuruh kepada yang *maaruf* atau mencegah yang *munkar* dan sebagainya. Kegiatan

<sup>16</sup> Nilai & Etika Pensyarah, Universiti Teknologi Mara, hlm. 6.

kebijakan seperti inilah akan membawa masyarakat harmoni, aman dan mendapat keampunan Ilahi.

## 5. Kemampuan Mengurus Kakitangan Bawahan

Kemampuan mengurus merupakan suatu anugerah Allah S.W.T. kepada seseorang hamba yang dikasihi-Nya. Sebab orang yang paling layak memegang kepimpinan dalam masyarakat ialah para rasul dan para nabi. Ini disebabkan mereka adalah golongan teristimewa yang sentiasa mendapat bimbingan wahyu daripada Allah S.W.T. dan sentiasa terpelihara daripada melakukan sesuatu yang dimurkai-Nya. Sebab itu seseorang hamba yang hanya mempunyai kualiti intelektual sahaja tidak akan mampu menjadi pengurus yang baik tanpa mendapat bimbingan dan petunjuk daripada Allah S.W.T.. Lantaran itu seseorang pengurus dalam masyarakat Islam Hadhari perlu meletakkan wahyu sebagai panduan dan rujukan dalam pentadbirannya demi menjamin keberkatan dan pertolongan daripada Allah S.W.T.. Antara ciri-ciri keperibadian mulia dan pra syarat-pra syarat yang perlu bagi seseorang pemimpin dapatlah digarisukkan sebagaimana berikut:

**Pertama**, memiliki akhlak terunggul dan sekaligus menjadi model terbaik untuk dicontohi. Allah S.W.T. ketika mensifatkan keperibadian Rasulu'LLah s.'a.w. melalui firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya:

“Sesungguhnya engkau wahai Muhammad memiliki akhlak yang paling unggul”.

(Surah Al-Qalam:4)

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ  
يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ

Maksudnya:

*“Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada diri Rasulu ‘Llah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat ... ”.*

(Surah Al-Ahzab:21)

**Kedua**, memiliki sifat lemah-lembut, pemaaf dan suka bermesyuarat dalam melaksanakan segala urusan dengan kakitangan bawahan yang membabitkan soal pengurusan pentadbiran dalam organisasi. Kenyataan ini berlandaskan keperibadian yang diperlihatkan oleh Rasulu’Llah s.’a.w. semasa berlakunya Perang Uhud. Baginda tidak marah kepada pasukan pemanah yang meninggalkan bukit Uhud sebelum mendapat arahan, mengakibat sebilangan sahabat gugur syahid termasuk Saidina Hamzah r.’a. bapa saudara baginda s.’a.w.. Firman Allah S.W.T.:

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنْ  
اللَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِظًا الْقَلْبَ لَا نَفْضُوا مِنْ حَوْلِكَ  
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ  
فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya:

*“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad) engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikut-pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonlah keampunan bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (pentadbiramu) itu, maka apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu), maka bertawakkallah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya”.*

(Surah Ali ‘Imran:159)

**Ketiga**, menerima pandangan yang baik, walaupun datang dari kalangan rakyat bawahan. Asalkan pandangan itu boleh membawa kebaikan kepada organisasi. Teladan seperti ini telahpun ditunjukkan oleh Rasulu'Llah s.'a.w. apabila baginda menerima pandangan Salman al-Farisi supaya menggali parit di sekeliling kota Madinah bagi menghadapi tentera musuh dalam perang Ahzab atau Khandaq.

**Keempat**, mengambil kira maslahah dan kepentingan rakyat atau kakinan bawahan ketika membuat sesuatu keputusan dan tindakan. Tindakan berhemat seperti ini, diharapkan agar seseorang pemimpin dapat mengelak diri daripada melakukan penganiayaan sebahagian besar anggota masyarakat bawahan disebabkan menjaga kepentingan kelompok yang kecil. Sejarah kejatuhan Tamadun Greek boleh dijadikan contoh, apabila berlakunya diskriminasi antara golongan kaya seperti Solon dengan golongan miskin seperti Socrates yang dikenali sebagai salah seorang ahli filasuf Greek yang terkenal dan banyak pangruh. Akibat daripada peristiwa itu menyebabkan masyarakat bawahan Romawi bangkit memberontak. Dalam hal ini Islam telah menetapkan suatu kaedah yang sangat jelas iaitu: (Sesuatu tindakan yang hendak dibuat oleh seseorang pemimpin mestilah mengambil kira kemaslahatan rakyat).

**Kelima**, adil dalam segala bentuk pengagihankekayaan dan pengadilan mahkamah kepada anggota masyarakat. Dalam ertikata lain, kekayaan tidak berlegar di kalangan sekelompok kecil anggota masyarakat sahaja dengan mengenepikan hak golongan miskin. Demikian juga dari segi pengadilah hukum hanya terkena kepada golongan yang lemah dan miskin sahaja, sedangkan sikaya dan berkedudukan sentiasa terlepas dari hukuman. Rasulu'Llah s.'a.w. pernah bersabda:

**لوكانت فاطمة بنت محمد سرقـت لقطـعت يـدها**

Maksudnya:

“Jika sekiranya anakku Fatimah binti Muhammad mencuri nescaya aku akan potong tangannya”.

(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

Demikian juga suatu teladan yang jelas, apabila Saidina ‘Ali sewaktu menjadi khalifah, membawa kes ke mahkamah kerana baju besi kepunyaannya telah dicuri oleh Yahudi. Namun disebabkan baginda tidak dapat mengemukakan bukti yang diminta oleh Syurayh al-Qadi, terpaksalah kes itu dibubarkan. Akibat daripada tindakan adil itu, Yahudi akhirnya mengaku dan memulangkan semula baju besi tersebut serta mengucap syahadah menganut Islam.

## **6. Kemampuan Memelihara dan Mengharumkan Nama Institusi Yang Dilibati**

Kemampuan seseorang guru/pemimpin memelihara dan mengharumkan nama institusi yang dilibati dapat diukur melalui kejayaan menghayati serta mengamalkan Falsafah, Misi, Visi dan Matlamat Pendidikan institusi berkenaan. Dalam pada itu juga berkemauan untuk menghormati dan mematuhi secara sukarela segala dasar dan peraturan yang ditetapkan untuknya, mengutamakan tugas hakiki yang diamanahkan, berusaha menyumbang ilmu dan kepakaran secara produktif dan efektif bagi mempromosi nama baik institusi. Kejayaan ini dapat dibuktikan melalui peningkatan mutu kerja, penyelidikan, pengajaran dan pembangunan sahsiah graduan yang bakal dilahirkan.

Berdasarkan huraiān di atas dapatlah disimpulkan bahawa, kejayaan seseorang guru/pemimpin bergantung penuh kepada sejauhmana kemampuan mereka untuk mengurus kendiri supaya selari dengan kehendak dan tuntutan kualiti intelektual, kualiti spiritual, kualiti emosi dan kualiti fizikal yang menjadi titik tolak kepada kejayaan seseorang mengurus anggota keluarga, kakitangan bawahan, para pelajar dan masyarakat persekitarannya, di samping kejayaan mengharumkan nama baik institusi yang dilibati.

## **Beberapa Kelayakan Yang Perlu Untuk Seseorang Muslim Hadhari**

### **i. Ilmu Sebagai Bekalan Mental**

Kelayakan peribadi yang pertama ialah penguasaan ilmu dan kefahaman Islam yang sebenar sebagai bekalan kepada mental. Sesiapa pun yang meletakkan diri mereka sebagai petugas untuk menegakkan peraturan dalam masyarakat Islam Hadhari, patutlah mengetahui peraturan itu sendiri secara menyeluruh, sekurang-kurangnya membolehkan mereka membezakan antara ‘aqidah Islamiyah dan ciri-ciri jahiliyah, antara cara hidup Islam dan cara hidup jahiliyah. Dengan memiliki kefahaman demikian barulah seseorang berupaya untuk mengetahui bagaimana Islam mampu membuat perubahan dalam masyarakat secara global. Bagaimanapun tenaga penggerak yang memiliki kualiti intelektual yang tinggi perlulah dilengkapi dengan ilmu yang lebih mendalam lagi; bukan sahaja ilmu-ilmu yang berkaitan dengan diniah tetapi juga ilmu-ilmu alat yang boleh memajukan masyarakat dalam bidang yang diceburi. Tenaga penggerak begini perlu berkeupayaan memberi hujah-hujah yang jelas kepada masyarakat yang kebanyakannya masih kabur dengan cara hidup muslim sebenar. Mereka juga mestilah mempu menyesuai dan mengintegrasikan segala ilmu-ilmu yang bersifat duniawi dengan ukhrawi agar selari dengan kehendak Islam. Mereka juga sepatutnya berkemampuan untuk menapis dan menyaring secara kritikal terhadap keburukan yang tersembunyi di sebalik pemikiran dan amalan masyarakat, di samping berkeupayaan mengekal dan mempertahankan segala nilai-nilai murni yang sepatutnya dihayati oleh masyarakat.

### **ii. Iman Yang Teguh Terhadap Islam Sebagai Bekalan Spiritual**

Selain memiliki ilmu dan kefahaman, tenaga penggerak juga mestilah mempunyai keimanan yang teguh terhadap ‘aqidah yang menjadi asas segala kegiatan mereka. Seseorang yang masih ragu-ragu dengan apa yang hendak diperjuangkan sudah tentu tidak akan dapat bertindak dengan sempurna. Sebab tugas besar ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dalam keadaan hati berbelah bagi dan fikiran yang tidak tenang dan mudah

tertarik dengan pelbagai aliran pemikiran. Tidak ada jalan lain untuk mengelak daripada gejala ini melainkan dengan iman yang teguh terhadap Allah S.W.T. yang Maha berkuasa atas segala makhluk-Nya, Yakin dengan al-Qur'an sebagai kitab hidayah, yakin dengan petunjuk Rasulu'Llah s.'a.w. boleh menuju jalan selamat, yakin dengan adanya hari perhitungan amal manusia di *Yawm al-Hisab* dan yakin juga dengan ketentuan buruk dan baik daripada Allah S.W.T.. Keyakinan kepada semua inilah yang boleh menjamin seseorang hilang kekusutan fikiran dan ragu-ragu dalam perjuangan untuk menegak peraturan dalam masyarakat Islam Hadhari ini.

### iii. Memiliki Gambaran Peribadi Salih Sebagai Bekalan Moral

Antara kelayakan yang tidak kurang penting ialah memiliki gambaran peribadi salih sebagai bekalan kepada moraliti seseorang pekerja Islam. Dengan bekalan ilmu dan iman, seseorang akan mudah untuk mendapat kelayakian ketiga ini. Gambaran peribadi salih akan dapat dicernakan dalam bentuk penghayatan tutur kata dan amal, apabila wujud sifat-sifat mahmudah yang memantapkan hubungannya dengan Allah S.W.T.; seperti ikhlas, sabar, syukur, ridha, tawakkal, zuhud dan wara'. Demikian juga yang menghubungkan seseorang dengan sesama manusia; seperti adil, amanah, benar dan bertanggungjawab. Gambaran peribadi mulia bukan sahaja diperlukan untuk meyakinkan masyarakat kepada seruan dakwahnya, tetapi juga diperlukan untuk menangkis serangan budaya tidak salih yang berlaku dalam masyarakat.

Dalam hal ini al-Qur'an ketika menggariskan langkah-langkah yang perlu dilalui oleh seseorang hamba untuk meningkatkan diri sebagai seorang yang benar-benar beriman menyebut, sebagaimana firman Allah S.W.T.:

الْتَّائِبُونَ الْمُعْتَدِلُونَ الْمُسْتَيْحُونَ  
الرَّكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْأَمْرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَالنَّاهِرُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَالْمُنْهَظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ

**Maksudnya:**

*Al-Ta'ibun (Menyedari kesalahan dan bertaubat), Al-'Abidun (Mempersembahkan diri kepada Allah secara total), Al-Hamidun (Memuji dan bersyukur dengan nikmat yang diberikan Allah), Al-Sa'iħun (Melancang dalam rangka beribadah kepada Allah), Al-Raki'un, al-Sajidun (ruku' dan sujud), Al-Amirun bi al-Ma'ruf (Menyuruh yg makruf), Al-Nahun 'an al-munkar (mencegah mungkar), Al-Hafizun li hududi'Llah (memelihara batas larangan Allah).*

*(Surah Al-Tawbah: 112)*

#### **iv. Menjadikan Islam Sebagai Tujuan Dan Matlamat hidup**

Kelayakan keempat ini diperlukan juga pada sesiapa saja yang terlibat dalam pembaharuan ini. Iaitu mereka hendaklah meletakkan perjuangan menegakkan masyarakat Islam Hadhari sebagai matlamat dan tujuan hidup mereka dan bukannya sebagai satu cita-cita saja. Terdapat sebahagian umat yang memiliki ilmu dan pengalaman yang luas, tetapi digunakan untuk meraih kepentingan dunia yang bersifat peribadi. Walaupun peribadi begini tidak mendatangkan sebarang halangan kepada perjuangan, namun untuk dipilih sebagai pekerja dan penegak risalah mereka tidak akan mampu menghadapi dugaan dan tribulasi yang terdapat di perjalanan dakwah ini. Para penegak risalah ini juga mesti sentiasa bersedia mempergunakan seluruh kemampuan akal fikiran dan tenaga untuk mencapai matlamat.

Perlu juga disebutkan di sini bahawa, bekerja untuk membentuk sebuah masyarakat Islam Hadhari tidak boleh dilakukan dengan cara berseorangan ia mesti bergerak dalam bentuk kolektif. Bergerak secara berseorangan biasanya akan ter dorong kepada kesilapan dan niat yang tidak wara<sup>4</sup>. Lantaran itu tidak akan mampu bertahan lama, lambat laun akan terpelanting menjadi pengganggu di perjalanan dakwah. Kalau boleh diibaratkan adalah seperti beberapa batang lidi yang berada dalam keadaan berasingan, biasanya tidak akan mampu menggerakkan sampah, malah ia boleh dianggap sebagai sampah kiranya berada di tengah sampah sarap. Tetapi kiranya lidi-lidi tadi dikutip dan digabungkan menjadi seberkas lidi, sudah tentu akan bertukar menjadi penyatu dan boleh menggerakkan

segala sampah. Begitu juga ketika menghadapi rintangan dan mihnah perjuangan biasanya sebatang lidi mudah untuk dipatah-patahkan tetapi apabila kumpulan lidi bergabung ia tidak mungkin dipatahkan dengan mudah. Demikianlah halnya dengan para penegak pembaharuan untuk melahirkan sebuah masyarakat Islam Hadhari bukanlah kerja mudah, ia perlu disatukan segala tenaga dan kepakaran dalam pelbagai bidang dan masing-masing mempunyai kesatuan matlamat dan cita-cita, kesatuan cara berfikir dan kesatuan dalam bertindak.

## **Beberapa Kelayakan Yang Perlu Ada Pada Masyarakat Islam Hadhari**

### **i. Ikatan Ukhuwah Islamiyah Dan Sifat Kasih Sayang**

Dalam usaha membentuk sesebuah Masyarakat, Islam meletakkan garis panduan yang sangat jelas, agar masyarakat yang bakal dilahirkan adalah cemerlang dan sempurna. Rasulu' Llah s.'a.w. pernah bersabda:

مُثُلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحِمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ  
كَمُثُلُ الْجَسْدِ الْوَاحِدِ إِذَا أَشْتَكَى مِنْهُ عَضْوٌ تَدَاعَى  
لِهِ سَائِرُ الْجَسْدِ بِالسَّهْرِ وَالْحَمْيِ

Maksudnya:

*"Perumpamaan orang-orang yang beriman dari segi kasih-sayang dan hubungan kemesraan antara mereka, sepertilah satu jasad apabila salah satu anggota mengadu sakit, nescaya saling bersimpatilah antara mereka untuk berjaga malam dan demam".*

*(Hadith Riwayat Muslim)*

Perumpamaan di atas, adalah sebagai suatu motivasi kepada umat Islam agar menjalankan hubungan kasih-sayang antara mereka; saling bersimpati sekiranya ada yang terlibat dengan kemalangan dan penderitaan, saling membantu dan berkerjasama dalam menanggung kesusahan dan kepayahan. Sekiranya terdapat perselisihan antara mereka, diwajibkan supaya ada yang menjadi orang tengah menyelesaikan

perelisihan tersebut secara harmoni. Inilah yang ditegaskan oleh Allah dalam al-Qur'an:

وَإِنْ طَآءِفَتَانِ  
مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَفْتَلُوا فَاصْلِحُوهَا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَعْدَ إِحْدَانَهُمَا  
عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّىٰ تَفِئَ إِلَىٰ أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ  
فَاصْلِحُوهَا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ

Maksudnya:

"Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh, maka damaikanlah antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah).....".

(Surah Al-Hujurat:9)

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوٌ فَاصْلِحُوهُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara. Maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah); dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".

(Surah Al-Hujurat:10)

Umat Islam akan menjadi bangsa yang kukuh apabila wujud pertautan hati di kalangan mereka. Elemen yang memainkan peranan utama mempertautkan hati antara anggota ialah sifat kasih sayang dan rasa simpati yang suci murni, sifat baik sangka dan juga semangat ingin berkorban sesama mereka. Hati-hati yang dipenuhi perasaan benci tidak mungkin akan bersatu. Persatuan atau pertubuhan yang dipenuhi kepura-puraan tidak akan mampu menghasilkan perpaduan yang hakiki. Persahabatan yang berasaskan sifat tamak akan mencetuskan pertelingkahan. Sekiranya umat Islam saling memelihara hubungan

dengan ikhlas dan mengawasi segala unsur negatif yang membawa permusuhan sudah tentu hasrat murni yang diimpikan akan dapat dicapai.

## **ii. Hubungan Baik Dengan Anggota Masyarakat Bukan Islam**

Dalam sebuah negara yang masyarakatnya terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya dan agama seperti Malaysia, perlu sangat dipelihara hubungan dan jalinan mesra antara satu sama lain. Pertelingkahan di kalangan anggota masyarakat yang sebangsa tidak sama dengan berlainan bangsa. Biasanya permusuhan di kalangan bangsa yang berlainan akan membawa padah yang lebih berat dan berlanjutan. Dalam hal ini Rasulu'Llah s.'a.w. pernah bersabda: "Sesiapa yang menyakiti dhimmiku bererti dia menyakitiku dan sesiapa yang mencerobohi hak kepunyaan dhimmi, aku isytiharkan perang terhadapnya". Demikian sifat keperihatinan baginda s.'a.w. kepada golongan dhimmi yang mendiami dalam negara Islam. Sebab itu umat Islam diminta bermuamalah dengan cara harmoni, seperti jual beli, bergotong royong dalam kerja-kerja kebajikan, memberi ketaatan dalam perkara-perkara yang tidak bercanggah semangat perundangan Islam sekiranya menjadi pekerja di bawah mereka.

## **iii. Bermesyuarat Dalam Mengatur Kerja Dan Tindakan**

Bermesyuarat dalam mengatur kerja dan tindakan adalah suatu rukun yang penting dalam usaha melahirkan masyarakat yang maju dan harmoni. Hanya melalui mesyuarat kata sepakat akan dapat dicapai. Dari sinilah akan wujud kesatuan dalam berfikir dan bertindak. Sesebuah organisasi yang terdiri daripada orang-orang degil dan keras kepala, bertindak mengikut pendapat sendiri masing-masing, tidak dinamakan organisasi. Ia tidak lebih sebagai kumpulan gotong royong yang tidak menghasilkan kerja yang benar-benar berkesan. Sebab itu Saidina 'Umar pernah mengugut untuk memotong kepala mereka yang enggan mematuhi keputusan mesyuarat dalam *Ahl al-Hall wa al-'Aqd* (Majlis Syura Tertinggi Negara). Sebab itu anggota majlis mesyuarat dikehendaki menjauhi sifat memaksa orang lain menerima pendapatnya, merasakan

pandangannya terbaik. Sebaliknya dikehendaki supaya bersyukur apabila pendapat kita tidak dipersetujui kerana kemungkinan di sebalik cadangan diberikan terdapat keburukan dan apabila cadangan kita diterima dikehendaki membanyakkan istighfar kerana mungkin cadangan kita boleh membawa keburukan kepada organisasi.

#### **iv. Disiplin Dalam Melaksanakan Kerja**

Semangat kerjasama dan bertindak secara kolektif belum tentu kejayaan dapat dicapai sekiranya tidak mempunyai disiplin yang baik. Tekun dan disiplin dalam tindakan bererti seluruh jentera pertubuhan bertindak menurut peraturan yang telah ditetapkan oleh pertubuhan itu sendiri. Individu yang diberikan amanah hendaklah menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam ruang lingkup kuasa yang diberi dan menurut peraturan yang telah ditetapkan. Setiap ahli sepatutnya menyedari tanggungjawab masing-masing dan berusaha semampu mungkin bagi menyempurnakan amanah itu tanpa lengah. Setiap tenaga penggerak mestilah bekerjasama erat antara satu sama lain dalam melaksanakan kerja. Sementara organisasi pertubuhan haruslah disusun dan diatur dengan sempurna, kerana kebenaran yang tidak berorganisasi akan dapat dikalahkan oleh kebatilan yang berorganisasi. Kenyataan ini selaras dengan sabda Rasulu'Llah s.'a.w.: "Sesungguhnya Allah sangat suka kepada mereka yang tekun dalam bekerja". Sabdanya lagi: "Allah sangat suka kepada amalan yang dilakukan seseorang secara berkekalan walaupun sedikit".

#### **v. Teguran Dan Nasihat Yang Berguna**

Kelayakan yang terakhir untuk mewujudkan masyarakat Islam Hadhari ialah, wujudnya suasana pertubuhan yang mengizinkan untuk bersedia menegur dan ditegur. Ini bermakna sesuatu pertubuhan yang hanya dilingungi golongan yang dikenali sebagai ‘pak turut’ tidak berani untuk menegur disebabkan pemimpin yang tidak suka ditegur, menyebabkan organisasi terdedah kepada banyak membuat kesilapan walaupun mereka sedang menjalani jalan yang benar. Dalam hal ini Rasulu'Llah s.'a.w.

menegaskan:

الدين النصيحة. قالوا من يا رسول الله؟ قال الله  
ولرسوله ولامة المسلمين وعامتهم.

Maksudnya:

*“Sesungguhnya agama itu adalah nasihat. Para sahabat bertanya: “Untuk siapakah wahai Rasulu’Llah nasihat itu”? Baginda s.’a.w. bersabda: “Nasihat itu adalah untuk Allah, Rasul-Nya, kepimpinan umat Islam dan masyarakat umum di kalangan mereka”.*<sup>17</sup>

Nasihat untuk Allah dan rasul-Nya membawa maksud nasihat kepada diri sendiri agar menerima nasihat daripada Allah dan Rasul-Nya. Dalam erti kata lain sentiasa bersedia menjadikan al-Qur'an dan sunnah Rasulu’Llah s.’a.w. sebagai panduan dan pegangan dalam kehidupan. Manakala nasihat kepada pemimpin adalah berusaha menasihati agar mereka sentiasa berada atas landasan yang benar berpandukan wahu. Teguran membina adalah alat terpenting untuk megesan segala kesilapan dengan cepat. Dengan demikian usaha mengatasinya pun dapat dilakukan dengan cepat. Bagaimanapun harus diingat bahawa teguran yang dilakukan hendaklah dengan ikhlas dan bertujuan membina dan membawa perubahan baik kepada organisasi. Selain itu juga disyaratkan orang yang ingin menegur mestilah sedar akan adab-adab yang sewajarnya ketika menyampaikan sesuatu teguran, bukan dengan nada yang bertujuan jahat atau sengaja ingin membongkar kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh organisasi.

### **Pendidikan Islam Pra-Syarat Untuk Memenuhi Tuntutan Kelayakan Di Atas**

Pendidikan adalah elemen terpenting kepada pembentukan sesebuah masyarakat cemerlang. Hanya anggota masyarakat yang terdidik dan terasuh jiwanya mampu menjadi penyumbang kepada pembangunan negara. Lantaran itu pembangunan negara tidak mungkin dapat

---

<sup>17</sup> Hadith riwayat Muslim. Lihat al-Imam al-Nawawi, Matan al-Arba'in al-Nawawiyah, hadith ke 7.

direalisasikan sekiranya proses pendidikan tidak diberikan perhatian sebaik mungkin. Pendidikan bukanlah hanya proses meningkatkan kemahiran hidup atau meningkatkan kualiti intelektual semata-mata, malah lebih jauh dari itu bertujuan menghasilkan insan yang sempurna dan seimbang dari segi kualiti fizikal, spiritual, intelek dan emosi, yang nantinya akan berfungsi sebagai suatu tenaga yang mampu membangunkan diri, keluarga, masyarakat, negara dan agama.

### Definisi Pendidikan Islam

Pendidikan Islam, adalah suatu proses untuk melahirkan insan beradab dan berakhhlak mulia. Adab yang ditakrifkan sebagai perlakuan yang betul manusia sesama manusia dan manusia dengan Alam akan menjamin kelangsungan keadilan dalam sesebuah negara. Manakala ahklak mulia adalah proses pemupukan dan peresapan sistem nilai murni yang berasaskan tanggungjawab kepada Allah, sesama insan dan dengan alam sejagat. Islam dan fungsi pendidikan bukanlah sesuatu yang baru.<sup>18</sup> Dalam konteks Malaysia, pendidikan Islam cuba dilaksanakan sebaik mungkin, dan cuba diterapkan dalam sistem pendidikan yang disajikan kepada pelajar dengan terancang agar manusia yang dihasilkan nanti mempunyai kekuatan dan wibawa diri yang tinggi.<sup>19</sup>

Resolusi Seminar Pendidikan Tinggi Sains: Ke Arah Reformasi Pendidikan telah membuat pernyataan tentang Falsafah Pendidikan Tinggi Sains seperti berikut:<sup>20</sup>

*“Pendidikan sains adalah usaha untuk melahirkan siswazah sains yang berilmu, berketrampilan dan mempunyai sahsiah yang sempurna membolehkan ia mencari dan menegakkan kebenaran dan mendekati diri kepada Tuhan melalui ciptaan-Nya serta menyempurnakan amanah sebagai hamba dan khalifah Allah supaya ilmu dan ketrampilan yang diperoleh dapat digunakan sebaik-baiknya ke arah membina satu tamadun bangsa yang berdaya saintifik dengan cara seimbang dan harmonis dengan alam persekitaran”.*

---

<sup>18</sup> Hasan Langgulung, 1979.

<sup>19</sup> Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin, 1993.

<sup>20</sup> Mohd. Yusuf Hj. Othman dan Khalijah Mohd. Salleh, ed., 1992.

Melihat kepada falsafah ini, pendidikan sains juga kelihatan berusaha untuk menghasilkan insan seimbang yang selari dengan ajaran wahyu.

### **Matlamat Pendidikan Islam (Pendidikan Sepadu)**

Menurut Mohd Kamal Hassan (1988), matlamat pendidikan Islam adalah tidak terkeluar daripada tujuan asal manusia dijadikan di muka bumi ini iaitu sebagai khalifah yang bermatlamat untuk melakukan *hasanah fi al-dunya* dan *hasanah fi al-akhirah*. Ini memberi makna usaha mendidik insan adalah suatu usaha yang bermatlamat murni bagi mencapai erti kejayaan dalam semua lapangan hidup iaitu bahagia di dunia dan bahagia di akhirat. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988) pula menambah: “Unsur-unsur asas dalam sistem pendidikan Islam didasarkan kepada kosep agama (*al-Din*), konsep manusia (*al-insan*), konsep ilmu (*ilm wa al-ma`rifah*), konsep kebijaksanaan (*al-hikmah*), konsep keadilan (*al-`adl*), konsep amal (*amal* sebagai adab) dan konsep universiti (*kulliyah jami`ah*). Jelas sekali bahawa dengan memahami tuntutan agama dan amanah serta tanggungjawab seseorang manusia berdasarkan kepada konsep keilmuan dan kebijaksanaan akan membawakan natijah insan dan masyarakat yang adil.

### **Kepentingan Pendidikan Islam Di Malaysia**

Melihat kepada senario di atas, amat memberi makna bahawa, pendidikan seimbang antara jasmani, rohani, emosi dan intelek yang memang seajar dengan kehendak Falsafah Pendidikan Islam dan juga Falsafah Pendidikan Negara, perlu disegerakan. Penekanan pendidikan seimbang dan sepdu seperti ini bukan sahaja diperlukan di peringkat sekolah rendah dan menengah, tetapi juga perlu dilanjutkan hingga ke peringkat pendidikan tinggi. Falsafah Pendidikan Negara mencatatkan:

*“Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, bertanggungjawab dan*

*berkeupayaan mencari kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.*

Minat masyarakat Islam untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat pendidikan yang berorientasikan pendidikan Islam secara sepadu antara keempat-empat elemen di atas, menunjukkan bahawa mereka begitu yakin bahawa, pendidikan Islam lebih menjamin masa depan anak-anak dari aspek pembentukan sahsiah jatidiri sebagai seorang muslim, terutama dalam menghadapi arus pembangunan negara.

### **Realiti Masyarakat Islam di Malaysia dan Harapan Masa Depan**

Terdapat dua perkara penting dalam pendidikan Islam di Malaysia yang perlu diberikan perhatian. Dari satu sudut pembangunan Islam sama ada melalui sistem ekonomi, pendidikan, kaedah pentadbiran dan pengurusan; samaada di sektor awam atau swasta, menampakkan kesedaran dan peningkatan yang positif, tetapi di sudut lain, seperti keruntuhan moral dan akhlak, data dan maklumat yang dipaparkan oleh media massa amat membimbangkan. Namun demikian tidak dinafikan wujudnya sebilangan pelajar yang mendapat kelulusan baik dalam bidang agama tetapi tidak dilaksanakan dalam bentuk penghayatan. Bagaimanapun peratusannya masih kecil berbanding dengan mereka yang tidak terdidik dengan nilai-nilai keagamaan.

Walaupun semua yang berhubung dengan fardhu ain amat penting seperti solat, puasa, zakat, haji dan perkara yang berkaitan dengan persoalan aqidah, tetapi sekiranya insan yang dididik dengan pendidikan Islam tidak mempunyai kemampuan dan keterampilan untuk menyelesaikan isu-isu masyarakat seperti, kemiskinan, penyelewengan, dadah masalah sosial seperti penderaan anak-anak, perceraian, juga yang berhubung dengan perniagaan, politik dan sebagainya, selagi itu juga umat Islam tidak mampu menampilkkan diri di tengah-tengah masyarakat, sedangkan mereka tidak dilahirkan untuk memisahkan diri dengan realiti kehidupan dan hal-hal yang berhubung dengan dunia ini. Sebab itu Allah S.W.T. memberikan penegasan yang yang jelas melalui firman-Nya:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَيْتَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ  
نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ  
وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Maksudnya:

*“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu...”*

*(Surah Al-Qasas: 77)*

Ayat ini menunjukkan dengan jelas betapa tugas manusia di bumi ini selain beribadah kepada Allah, mereka juga dikehendaki memegang tugas sebagai khalifah di bumi dan memakmurkannya. Lantaran itu Islam turut menganjurkan umatnya agar turut melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti kehidupan bermuamalah dan bersosial; seperti melibatkan diri dalam bidang politik, ekonomi dan segala aktiviti sosial yang mendatangkan kebaikan kepada manusia sejagat di dunia dan di akhirat.

Sebagai bukti jelas ialah, baginda Rasul’Llah s.a.w. sendiri bukan setakat memgang tugas sebagai guru dalam menyampaikan ajaran agama, tetapi juga turut terlibat dalam bidang politik di mana baginda dilantik sebagai salah seorang anggota Half al-Fudhul (Majlis Mesyuarat Tertinggi Masyarakat Mekah di zaman jahiliyah) dan baginda juga dilantik sebagai ketua negara Islam di Madinah selepas berlaku peristiwa Hijrah. Baginda juga adalah hakim di mahkamah dan panglima tentera semasa di Medan Perang. Sementara dalam bidang ekonomi pula, baginda pernah terlibat sebagai pedagang semasa baginda remaja dan sebelum kahwin dengan saiyidatina Khadijah bt Khuwaylid. Selain itu beliau juga turut melibatkan diri dalam sektor penternakan kambing kepunyaan penduduk Mekah.

Sebagai memberi galakan kepada umatnya agar terlibat dalam bidang perniagaan, baginda s.a.w. pernah bersabda:

تَسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي التِّجَارَةِ

Maksudnya:

*“Sembilan persepuhl daripada sumber rezeki adalah datang dari bidang perniagaan”.*<sup>21</sup>

Sabdanya lagi:

التجار الأمين الصدق مع النبيين والصديقين  
والشهداء.

Maksudnya:

*“Peniaga yang amanah, benar serta jujur dalam perniagaannya akan dibangkitkan oleh Allah S.W.T. bersama nabi-nabi, al-Siddiqin dan al-Syuhada”*.<sup>22</sup>

Menyentuh tentang sektor pertanian pula, Rasulu’Llah s.a.w. bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرِعُ زَرْعًا فِي أَكْلِ  
مِنْهُ طَيْرًا أَوْ انسانًا أَوْ بَهِيمَةً إِلَّا كَانَ بِهِ صَدَقَةٌ.

Maksudnya:

*“Mana-mana muslim yang menabur bijian atau menanam tanaman, hasilnya dimakan oleh burung atau manusia atau binatang (semuanya itu) akan menjadi pahala sedekah”*.<sup>23</sup>

Demikian juga dalam bidang ternakan, baginda menyatakan:

مَا بَعَثَ اللَّهُ نَبِيًّا إِلَّا رَعَى الْغَنَمَ قَالُوا: وَكَيْفَ أَنْتَ  
يَارَسُولُ اللَّهِ؟ قَالَ: وَأَنَا أَيْضًا أَرْعِي الْغَنَمَ لِأَهْلِ  
مَكَّةَ بِالْقِرَابَطِ.

<sup>21</sup> Lihat al-Ghazali, Ihya’ ‘Ulum al-Din.

<sup>22</sup> Hadith.Riwayat. al-Turmudhi dlm. *al-Targhib; Kitab al-Buyu‘*.

<sup>23</sup> Hadith riwayat Bukhari dan Muslim.

**Maksudnya:**

*“Allah tidak mengutus seorang nabipun melainkan ia pernah mengembala kambing” Para sahabat bertanya: “Bagimana dengan tuan wahai Rasulu’Llah”? Baginda s. ‘a.w. bersabda: “Ya! Saya juga pernah mengembala kambing kepunyaan penduduk Mekah dengan upah beberapa qirat”.*<sup>24</sup>

Penglibatan Rasulu’Llah s. ‘a.w. dalam beberapa sektor seperti politik dan perekonomian di atas dan gesaan baginda kepada umatnya agar turut terlibat, membuktikan bahawa Islam tidak sama dengan mana-mana agama lain di dunia ini. Islam adalah agama yang lengkap merangkumi seluruh aktiviti kehidupan manusia; ‘aqidah dan syari’at, agama dan negara. Justeru itu setiap individu perlu bersedia untuk membetulkan ‘aqidah dan ibadahnya serta lain-lain perkara agar selari dengan tuntutan dan ajaran al-Qur’an dan al-Sunnah.

### **Rumusan dan Kesimpulan**

Berdasarkan kepada huraian di atas, dapatlah dirumuskan bahawa, penekanan kepada pendidikan Islam yang seimbang dan bersepada perlu diambil perhatian. Ketahanan sesuatu ummah dan penerusan sesebuah tamadun tidak cukup dengan kemajuan kebendaan semata-mata. Justeru itu dalam menghadapi dekad-dekad yang mendatang, perlu dipertingkatkan ketahanan kerohanian dan kejiwaan, di samping mempertingkatkan keupayaan sains dan teknologi. Perancangan yang imiginatif dan tindakan segera amat diperlukan bagi mengekalkan sistem pendidikan yang bermakna. Sistem pendidikan masa depan haruslah dibentuk secara sedar dan sistematik supaya ia sesuai dengan perubahan semasa. Jika tidak ia akan menjadi mangsa kepada perubahan masa.

Dalam pada itu juga umat Islam mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk menampilkan diri mereka berada di tengah-tengah masyarakat sebagai bangsa yang kuat dan maju dalam segala bidang bukan lagi berada di bawah, lebih-lebih lagi menadah tangan memohon bantuan dari bangsa-bangsa lain untuk menagih simpati menyelesaikan masalah yang berlaku

<sup>24</sup> Hadith Riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Muzara ‘ah.*

dalam masyarakat. Umat Islam perlu berubah. Mereka tidak boleh berpeluk tubuh dan hanya mengangkat tangan berdoa memohon pertolongan daripada Allah, sedangkan mereka tidak mahu bangun berusaha untuk lari daripada kemiskinan yang sentiasa menjerut leher mereka sendiri. Sesungguhnya Allah S.W.T. tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka sendiri berusaha mengubah nasib mereka sendiri.

Untuk bangun sebagai bangsa yang maju dan berada di atas, umat Islam perlu menyedari segala sebab-sebab yang membawa mereka menjadi mundur. Kenalpasti segala langkah-langkah yang harus diikuti untuk bangun sebagai bangsa yang berjaya dan berdaulat. Sedari kesalahan dan bertaubat kerana itu adalah tabiat orang-orang yang cerdik. Allah S.W.T. ketika menggariskan ciri-ciri orang yang cerdik.

Bertindaklah mengikut langkah-langkah yang telah digariskan, tambahilah dengan ciri-ciri keperibadian seperti mengambil berat kepentingan akhirat, memiliki peribadi yang teguh dan mulia, ketahanan diri, sabar, tegas, bijaksana dan benar dalam segala tutur kata serta tindakan. Dalam pada itu juga perlu dihindari beberapa kesilapan yang membawa permusuhan di kalangan sesama sendiri. Antara lain seperti, sompong, riya', niat yang tidak wara', pentingkan diri sendiri, perangai yang tidak seimbang, berfikiran sempit, keazaman yang lemah, 'ujub (kegirangan diri) kecenderungan berwajah jahat, merasakan diri bebas dari kesalahan, cemburu dan dengki, buruk sangka, mengumpat, berbisik-bisik menyebut-nyebut kelemahan dan kesilapan orang lain bukan ingin menegurnya dengan cara sopan, pandangan berat sebelah dan tindakan melampau, ganas merosakkan serta kolektif.

Sebagai peringatan kita bersama, renunglah kepada kata-kata nasihat daripada al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna: "Bersegeralah menuaikan solat apabila seruan azan dilaungkan. Bacalah al-Qur'an, buatlah kajian, dengarlah ilmu, berzikirlah dan janganlah anda membiarkan waktu berlalu tanpa diisi dengan perkara berfaedah. Berusahalah untuk bercakap bahasa Arab Fasahah kerana ia sebahagian

daripada syiar Islam. Jangan anda banyak bertengkar dalam melaksanakan apa sahaja urusan, kerana ia tidak mendatangkan banyak kebaikan. Jangan banyak ketawa, kerana hati yang banyak berhubung dengan Allah sentiasa tenang tenteram. Jangan banyak bergurau, sesungguhnya umat yang sedang berjihad, tidak kenal melainkan bersungguh-sungguh. Jauhi mengumpat dan mengkeji seseorang dan mencaci pertubuhan lain dan jangan berkata sesuatu melainkan kebaikan. Berkenalanlah dengan sesiapa sahaja yang anda temui di kalangan rakan-rakan anda, sekalipun dia tidak menuntut anda berbuat demikian, kerana asas dakwah kita adalah berkasih sayang dan tolong menolong. Kewajipan anda lebih banyak daripada masa yang ada. Oleh itu tolonglah orang lain supaya mereka memanfaat masanya. Kalau anda berurusan, singkatkanlah masa menuaiannya”.

## **RUJUKAN**

Al-Qur'an

Abdul Halim El-Muhammadi (Prof. Madya Dr.), *Pendidikan Islam: Peranannya dalam pembangunan ummah*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, Bangi, 1994.

Amir Syakib Arsalan, *Limadha taakhara al-Muslimun wa limadha taqaddama ghairuhum*, Dar Maktabah al-Hayah, Bayrut Lubnan, t.th. Berita Harian, 1 Jun 1994; 16 Nov. 1994; 15 Feb. 1995.

Hasan Langgulung, *Pendidikan Islam: Suatu analisa sosio-psikologikal*, Pustaka Antara: Kuala Lumpur 1979.

Muhammad Fathi `Ali Sha`ir, *Wasa'il al-a`lam al-matbu `ah fi da`wat al-Ikhwan al-muslimun*, Dar al-Mujtama`li al-Nashr wa al-Tawzī', al-Qahirah, 1405H./1985.

Mohd Yusuh Hj. Othman, *Pendidikan Islam: Antara Realiti dan harapan*, Kertas Kerja Seminar Pendidikan Tamadun Islam, UKM., Bangi, 15 April 1995.

*Dr. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad*

Mohd Kamal Hasan (Prof. Dr.), *Pendidikan dan pembangunan: Satu perspektif bersepadu*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1988.

al-Nawawi, *Matan al-Arba 'in al-Nawawiyah*.

*Nilai & Etika Pensyarah.(t.th)*. Universiti Teknologi Mara.

Shaykh Abdullah bin Muhammad Basmeih, *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*, Bahagian Hal Ehwal Islam Jab. Perdana Menteri, cet. 11, 1994.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Konsep pendidikan dalam Islam*, cet. 3, Penerbit Mizan, Bandong, Indonesia, 1988.

Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, *Wawasan pendidikan- agenda pengisian*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1993.

## **Islam Hadhari: Pemangkin Pemerkasaan Jatidiri Melayu**

Oleh  
Ghafarullahhuddin Din, Ph.D  
Muhamad Rahimi Osman

*"Janganlah kamu bersikap lemah dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamu lah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya), jika kamu orang-orang yang beriman".*

*(Surah Ali 'Imran: 139)*

*"sa-suatu ajaran atau anjoran - terutama ajaran bagi membaiki sifat2 perangai dan tingkah laku kehidupan - jika di-kehendakkan masok berakar ka-dalam hati orang Melayu 'umum, mestilah di-bawakan kapada mereka dari jalan pintu ugama...".*

*(Z.a. 'b.a, Asohan Budi-Menerusi Islam, 1958:ix-x)*

### **Muqaddimah**

Segala puji hanya bagi Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā, Rabb semesta alam. Salawat dan salam semoga dilimpahkan-Nya kepada junjungan kita, Nabi Muḥammad ṣallallāhu 'alaihi wa sallam, pendiri Tamadun paling mulia yang dikenal sejarah, juga kepada keluarga dan para sahabatnya yang ikut membangun istana peradaban yang tinggi lagi murni dengan penuh iltizam hingga mewarnai dunia dengan suluhan kerohanian sehingga manusia selepas mereka dapat mengecapi nikmat kecemerlangan ketamadunan.

Dalam konteks negara kita, dengan menjadikan Islām Ḥadārī sebagai tonggak dan matlamat dimensi kehidupan Muslim, 'Insyā' Allāh, akan menghasilkan kemajuan yang baik dalam penghayatan agama di kalangan orang Melayu khususnya dan umat Islam umumnya. Malah, penghayatan Islām Ḥadārī secara tepat oleh Muslim Melayu akan turut melahirkan mereka yang komit dengan semangat patriotik yang tinggi kepada negara serta

setia mendukung serta menjawai falsafah Rukun Negara. Penghayatan yang kental terhadap misi dan visi Islām Ḥad̄ārī akan melahirkan individu-individu yang berupa aset bernilai Negara di kala mereka berikrar....

### **MAKA KAMI**

Rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh  
Tenaga dan usaha kami untuk  
Mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas  
Prinsip-prinsip yang berikut:

Kepercayaan kepada Tuhan  
Kesetiaan kepada Raja dan negara  
Keluhuran Perlumbagaan  
Kedaulatan Undang-Undang  
Kesetiaan dan Kesusahaana

### **Pengenalan Kepada Konsep Islām Ḥad̄ārī**

Secara amnya, Islām Ḥad̄ārī ialah satu sistem, kaedah dan cara hidup yang progresif, maju dan dinamik serta bertamadun tinggi bagi melahirkan umat yang berilmu dan berbudaya tinggi berasaskan nilai-nilai akhlāq yang mulia serta dapat menangani cabaran semasa. Konsep ini mempunyai visi yang jelas untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Islām Contoh.

Konsep Islām Ḥad̄ārī mempunyai misi melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah berlandaskan ajaran Islām yang progresif, bertamadun, bertoleransi, dan berimbang serta mendapat keredhaan Allāh Subhānahu wa Ta'ālā, melalui pembangunan ilmu dan perancangan yang realistik.

Islām Ḥad̄ārī dirangka untuk mencapai beberapa matlamat berikut;

- i) untuk memantapkan ajaran Islām dalam bidang 'aqīdah, syarī'ah dan akhlāq supaya dapat diamalkan masyarakat
- ii) untuk merealisasikan ajaran Islām yang memfokuskan kepada peningkatan mutu kehidupan dan membawa manusia dari hidup secara

- jumud, tidak bertamadun, tidak produktif, mundur dan ketinggalan kepada satu bangsa yang berperadaban, maju dan progresif
- iii) supaya manusia tidak menjauhkan diri daripada kehidupan di dunia, di mana Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā menghendaki manusia sebagai khalifah yang berfungsi memakmurkan dunia ini.

### Pencapaian Malaysia Boleh!

Matlamat murni di atas menuntut komitmen utuh umat untuk bersama merealisasikan harapan indah ini. Komitmen ini patut menjadi agenda bergerak slogan dan laungan:

M-A-L-A-Y-S-I-A      B-O-L-E-H

Berdasarkan iltizam padu;

**M-A-L-A-Y-S-I-A**  
[MUSLIM AKAN LAKSANAKAN  
APA YANG SYARI'ATIC INSYĀ' ALLĀH]

Dan inilah kekuatan sebenar untuk:

M-A-L-A-Y-S-I-A  
  
[MUSLIM/MELAYU/MALAYSIAN AKAN LAKUKAN  
APA YANG SUKAR INSYĀ' ALLĀH]

Serta menarik perhatian dunia:

B-O-L-E-H  
[BARU ORANG LIHAT ENGKAU HEBAT]

Perkara yang lebih penting adalah pegangan Muslim terhadap apa yang merupakan tuntutan *Syahādatic* dan *Syari'atic* merupakan mekanisme utama untuk meletakkan Muslim di mercu ketinggian di sisi Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā. Kedudukan ini dijelaskan oleh al-Qur'ān:

وَلَا تَهْنُوا وَلَا تَخْرُنُوا وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

Maksudnya:

"Janganlah kamu bersikap lemah dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamu lah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya), jika kamu orang-orang yang beriman".

(Surah Ali 'Imran: 139)

Dalam sūrah al-Munāfiqūn [63] ayat 8, dinyatakan;

وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya:

"...bagi Allah jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi Rasul-Nya serta bagi orang-orang yang beriman...".

Gagasan Islām Hadārī yang diidamkan ini, Insyā' Allāh akan tercapai dengan kita kembalikan semua asas keyakinan dan perlakuan kepada suluhan ajaran *TAWHĪDIC*, *QUR'ĀNIC* dan *MUHAMMADIC* yang pendeknya, berupa TQM induk dalam kehidupan Muslim. Proses penghayatan yang sempurna terhadap konsep ini amat berkaitan pula dengan institusi pendidikan yang meliputi elemen *Tarbiyyah*, *Tazkirah* dan *Tazkiyyah*. Penekanan yang sepatutnya dalam aspek Tarbiyyah serta motivasi berterusan melalui pelbagai program *Tazkirah* yang bermetodologi suntikkan galakkan (*Targhib*) dan celaan (*Tarhib*) akan membawa kepada pencetusan aspek *Tazkiyyah* yang memberi gambaran positif kepada manifestasi keadaan *zero defects* dalam kerja-kerja keduniaan dan zero dosa dalam hal-hal yang bersangkutan dengan keakhiran.

## Melayu dan Islam

Pemikir ulung umat Melayu yakni Pendita Z.a.'b.a. (1958:ix-x) sejak tahun-tahun 50an lagi telah menyebut dalam karyanya Asohan Budi - Menerusi Islām, "sa-suatu ajaran atau anjoran - terutama ajaran bagi membaiki sifat2 perangai dan tingkah laku kehidupan - jika di-kehendakkan masok berakar ka-dalam hati orang Melayu 'umum, mesti-lah di-bawakan kapada mereka dari jalan pintu ugama...".

Pendita Z.a.'b.a (1958:x) turut menekankan:

"Tentang mesti di-bawakan dari jalan ugama itu kerana orang Melayu walau pun pada 'umum-nya tidak kuat mengerjakan atau menyempurnakan suroh larangan ugama, tetapi pada pehak iman dan rasa kepercayaan, mereka sentiasa tegoh apabila ajaran-nya telah masok meresap jadi keyakinan dalam hati mereka. Oleh itu jika ajaran2 membaiki sifat2 perangai dan tingkah laku kehidupan - yang sebaik-nya dan yang jahat-nya - di-bawakan kepada mereka menerusi jalan ugama dengan menitek-beratkan tentang perentah Tuhan padanya dan balasan dunia-nya dan akhirat-nya, pahala-nya, dan seksanya dan sabagai-nya, neschaya boleh di-harap mereka akan menerima dan berusaha mengubah diri mereka menjadi baik. Tetapi jika perkara itu di-bawakan kapada mereka tidak dari jalan ugama, dan tidak di-nyatakan untong rugi-nya dunia dan akhirat, maka tidak-lah berat pada hati mereka, kerana tiada penarek dan pemberat yang berwujud di atas kehendak ugama dan kehormatan-nya".

Pemerhatian Z.a.'b.a di atas, yang khusus melihat pembangunan akhlak bangsa Melayu dalam pelbagai dimensi, menghubung kemurniannya dengan asas agama. Di awal tahun 70an, buku Revolusi Mental (1971:427-428) yang diterbitkan atas dayausaha Pergerakan pemuda UMNO Malaysia dengan manifesto yang berchogarkan "BERFIKIR dan BERTINDAK-LAH SA-CHARA PROGRESIF DAN DINAMIS", meskipun dalam beberapa saranan untuk merevolusikan mental masyarakat Melayu terpengaruh dengan nilai-nilai kapitalisme Barat, turut mencatat dalam salah satu rencananya;

"Keperchayaan ia-lah bapa tindakan. Oleh itu yang menggerakkan anggota masharakat ia-lah sistem keperchayaan. Apa-kah yang akan menggerakkan anggota2 masharakat Melayu-Islam?. Jawab-nya: ia-lah ajaran Islam yang sa-imbang yang memang sesuai dengan dunia moden..."

Siddiq Fadzil (1998) dalam kumpulan artikel-artikelnya yang diterbitkan dengan judul Minda Melayu Baru menyebut dengan jelas di bahagian pendahuluan buku berkenaan:

"...di sepanjang sejarah perjuangan Melayu, Islām sentiasa menjadi sumber dinamika dan daya juangnya. Sesungguhnya Islām telah begitu menyatu dalam sejarah, budaya dan watak Melayu. Malah sebenarnya Islāmlah yang menerasi keperibadian Melayu. Hakikat ini menyerlah jelas dalam takrif Melayu menurut perlembagaan negara itu seseorang yang beragama Islām, berbahasa Melayu dan mengamalkan adat-resam Melayu. Menyedari bahawa bahasa Melayu adalah bahasa Islām (dibina dan diperkaya dengan perbendaharaan kata Islām, lalu menjadi bahasa yang mengekspresikan world-view Islām), sementara adat Melayu pula pada asasnya telah juga mengalami transformasi keislaman, nyatalah bahawa tanpa Islām, Melayu kehilangan segala-gala termasuk keperibadiannya".

Dalam hubungan dengan perbahasan mengenai Melayu Baru, Siddiq Fadzil (1998:vii) menegaskan;

"Melayu Baru...bukanlah Melayu yang menanggalkan keislamannya. Menanggalkan Islām bererti menghilangkan Melayu itu sendiri. Melayu Baru ialah Melayu yang mengalami tajdid, pembaharuan komitmen, kefahaman dan penghayatannya terhadap Islām. Nilai-nilai Islām yang mendasari pembinaan budaya dan watak Melayu Baru itu akan menjadikan mereka umat yang benar-benar competent dalam menghadapi cabaran abad 21".

Di tempat yang lain dalam bukunya, Siddiq Fadzil (1998: 4-5) menulis; "...Melayu Baru seharusnya diertikan sebagai Melayu yang dikembalikan kepada akar budaya tradisinya. Dengan ungkapan lain, Melayu Baru ialah Melayu yang dibaharui komitmen keislamannya. Sesungguhnya Melayu Baru telah muncul buat kali pertama dalam sejarah setelah umat ini menjalani proses pengislaman (yang memesat di rantau ini pada abad-abad 13-16M), suatu proses transformasi manusia yang memberikan jiwa dan citra baru kepada umat Melayu, suatu revolusi budaya yang memberikan mereka seperangkat nilai-nilai dinamik yang terpancar dari ajaran Syari'ah Islāmiyyah dan sebuah revolusi intelektual yang mengakhiri zaman budaya tahuyl dan memulakan tamadun ilmu di rantau ini. Melayu Baru yang dijelmakan

menerusi Islamisasi itu adalah Melayu berjiwa merdeka yang sujud, ruku' dan setia mutlaknya hanya kepada Allāh, Melayu yang telah mendapatkan semula kemuliaan status dan martabat keinsanannya, Melayu yang bangga menjadi Khayra Ummah (umat terbaik), kerana imannya, Melayu yang tahu erti hidup dan mati sebagai persaingan prestasi amal cemerlang (*ayyukum ahsanu 'amala*). Melayu pejuang yang dengan semangat jihādnya sanggup menghadapi segala cabaran dan dengan semangat mujahadahnya pula ia memperoleh kekuatan rohaniah untuk menghayati kemakrufan dan menghindari kemungkarann..."

Demikianlah watak dinamik Melayu Baru yang telah menjalani transformasi keislaman itu. Namun. Keutuhan watak Melayu-Muslim tersebut seringkali terdedah kepada hakisan pelbagai pengaruh budaya dan perkembangan sejarah. Oleh itu dari waktu ke waktu harus ada usaha menggilap semula ciri-ciri keperibadian yang mulai luntur itu. Dalam sejarah umat Islam memang senantiasa berlaku gerakan-gerakan pembaharuan (*tajdīd*) dari abad ke abad...

...Gerakan membina umat Melayu Baru seharusnya disemangati oleh nilai-nilai dan idealisme *al-Tajdīd al-Islāmiy*; dan sehubungan dengan itu gerakan-gerakan Islām tanahair yang rata-rata mendakwa bercirikan *tajdīd* itu seharusnya dapat menyumbang ke arah pembaharuan umat dan budaya Melayu dalam erti pengembaliannya kepada dinamika nilai-nilai Islām yang murni dan asli".

Pemerhati kemudian seperti Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000:45) dalam karya mereka Takkan Melayu Hilang di Dunia turut menekankan perkara yang sama dengan memperuntukkan tajuk kecil 'Agama (*al-Din*)Sebagai Teras KeMelayuan Kita'. Demikianlah uniknya hubungan Melayu dan Islām. Hubungan Melayu dengan Islām telah lama sebatи hingga Islāmlah yang mendasari serta menerasi keperibadian Melayu dalam segala hal yang berkaitan dengan dirinya. Pemerhatian yang sama juga telah dinyatakan oleh Dato Seri Dr Mahathir Mohamad (2001:61) dalam buku ucapan terpilihnya *Islam & The Muslim Ummah* di mana beliau jelas menyebut;

"...Malays are constitutionally only Malays if they are Muslims. The progress of the Malays after conversion and presently owes much to Islām as a way of life. There had been lapses of course but by and large Malay civilisation and its progress in arts and the sciences, in the systems of government, the concept of justice and the rule of law, have been the result of attempts to adhere to the teachings of Islām".

Perlu ditegaskan bahawa tanpa Islām bukan sahaja orang Melayu tidak maju malah orang Arab sekalipun, menurut Maryam Jameelah (1983:7), akan ketinggalan sepertimana masyarakat Eskimo di Kutub Utara dan masyarakat Zulu di benua Afrika hari ini.

### **Anjakan Paradigma Ke Arah Pencetusan Total Quality Melayu**

Z.a.'b.a (1984) dalam tulisannya Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri telah memperuntukkan satu bab yang berjudul 'Kejatuhan Umat Islām dan jalan Kepulihannya'. Judul bab ini sekaligus menggambarkan kesebatian fikir penulisnya yang amat memberi perhatian kepada pembangunan Ummah. Judul dan perbahasan seumpama ini turut mendapat perhatian sarjana-sarjana lain seperti Amir Syakib Arsalan dalam (*Limādha Ta'akhkhar al-Muslimūna, wa limādhā Taqaddama Ghairuhum - Mengapa kaum Muslimin mundur, dan mengapa kaum selain mereka maju?*), Mawlānā Muḥammad İḥtishām al-Hasan al-Kāndahlawī dalam (*Musalmanon ki Mawjūdah ka Wāhid 'Ilāj - Penderitaan Umat dan Jalan Penyelesaiannya*), Mawlānā Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawī dalam (*Asbāb al-Sa'ādah al-Muslimin wa Syiqā'ihim fī Daw'i al-Kitāb wa al-Sunnah - Sebab-Sebab Jatuh Bangunnya Umat Islām*), Mawlānā Abū al-Hasan 'Alī al-Nadwī dalam (*Mādhā Khasira al-'Ālam bi Inhiṭāti al-Muslimīna - Apa Kerugian Dunia kerana Kemunduran Umat Islām*), Mufti Ahmād Bemat dalam (*The Causes of Calamities & Their Cures*) dan lain-lain.

Z.a.'b.a. (1982:91) membuka tirai bab tersebut dengan rintihan berikut;

"Umat Islām pada zaman dahulu kala maju, besar, berkuasa, mulia dan terpandang tinggi di serata alam yang diketahui orang masa itu. Kemudian mereka telah jatuh. Apakah sebabnya mereka telah

menjadi maju, besar, berkuasa, mulia dan terpandang tinggi itu?. Dan apa pula sebabnya mereka telah jatuh? Sepatutnya sampai bila-lipun mereka itu maju, besar, berkuasa, mulia dan memegang kedudukan di atas; kerana firman Tuhan;

**وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ**

Maksudnya:

*"... bagi Allāh jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi Rasul-Nya serta bagi orang-orang yang beriman ...".*

*(Sūrah Al-Munāfiqūn:8)*

Dan dalam al-Qur'ān (sūrah Ālī 'Imrān [3] ayat 139), turut dinyatakan;

**وَلَا تَهْنُوا وَلَا تَخْرُنُوا وَأَنْتُمُ أَلَّا عَلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ**

Maksudnya:

*"Janganlah kamu bersikap lemah dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamu salah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya), jika kamu orang-orang yang beriman".*

"Orang-orang Islām sekarang pun "beriman" juga, kata Z.a.'b.a (1982:91), "tidak kurang daripada nenek moyang mereka zaman dahulu kala itu. Akan tetapi di manakah *'izzah*, kebesaran, kekuatan dan kemuliaan yang dikatakan itu pada mereka? Di manakah dia ketinggian dan kemenangan dan "keatasan" yang diikrarkan oleh Tuhan itu? . Pada zaman dahulu sebenarlah ada "*'izzah*", kebesaran, kekuatan, kemuliaan, ketinggian dan kedudukan di atas bagi orang-orang Islām dalam dunia ini. Tetapi sekarang - dan sudah beberapa ratus tahun lamanya semenjak mereka jatuh - di manakah sifat-sifat itu didapati pada mereka?. Di manakah tercicirnya dan apa sebab tercicir?.

Adakah Allāh Ta'ālā itu dusta atau tidak menepati perkataan-perkataanNya?. Atau adakah orang Islam sendiri yang salah, tidak menyempurnakan syaratnya, iaitu "beriman" yang disertakan dengan beramal, berusaha, berjihad dan berjuang?. Ya, berjuang membela akhlak

diri, berjuang membaiki sifat-sifat perangai, berjuang mengusahakan segala yang kekurangan, pendeknya berjuang mengusahakan segala yang kebaikan dan menjauhi segala yang kejahatan, serta berjihad dan berijtihad memadankan diri dengan perubahan-perubahan hal yang diedarkan oleh zaman!.

Lagi sekali ditanya, adakah Tuhan yang salah atau kita orang Islām yang salah?...

Rintihan seperti di atas juga tergambar dalam karya pujangga terkenal Muhammd Iqbal, Syikwah dan Jawab-i-Syikwah. Dalam Syikwah yang cukup kontroversi itu, Iqbal antara lain telah merintih...mengeluh kepada Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā terhadap pelbagai musibah yang menghujani ummah, tidak kurang pula mainan perasaan scolah-olah umat ini diumattirikan, yang beberapa rangkap daripada Syikwah itu adalah seperti berikut;

"There are people of other faiths, some of the transgressors,  
Some are humble; drunk with the spirit of arrogance are others,  
Some are indolent, some ignorant, some endowed with brain,  
Hundreds of others there are who even despair of Your Name,  
Your blessings are showered on homes of unbelievers, strangers all,  
Only on the poor Muslim, Your Wrath like lightning falls".

"Our complaint is not that they are rich,  
That their coffers overflow;  
They who have no manners and of polite speech nothing know,  
What injustice!  
Here and now are houris and palaces to infidels given;  
While the poor Muslim is promised houris  
Only after he goes to heaven,  
Neither favour nor kindness is shown towards us anymore;  
Where is the affection You showed us in the days of yore?"

Why amongst Muslims is worldly wealth rarely found?  
Great is Your power beyond measure, without bound,  
If it were Your will.,

Water would bubble forth from the bosom of Arid land,  
And the traveller lashed by waves of mirages in the sand,  
Our lot is strangers' taunts, ill-repute and penury;  
Must disgrace be our lot who gave their lives for You?

Sya'ir Syikwah (The Complain) di atas dibaca oleh Iqbal pada tahun 1909 di perhimpunan Anjuman-i-Himayat-i-Islam, Lahore dan sekaligus terabadi sebagai salah satu himpunan karyanya yang kontroversi. Empat tahun kemudian, rintihannya itu dijawabnya sendiri dalam Jawab-i-Syikwa (The Answer to the Plaintiff) yang dibaca di Mochi Gate, Lahore, yang antara lainnya seolah-olah Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā sedang menjawab Syikwahnya. Di sini dibawa beberapa petikan rangkap sya'ir Jawab-i-Syikwah;

"There were days when this very Allāh you regarded as sublime;  
The tulip of Islām was the pride of the desert in blossom time,  
There were days when every Muslim loved the only Allāh he knew;  
Once upon a time He was your Beloved;  
The same Beloved you now call untrue,  
Now go and pledge your faith to serve some local deity  
And confine Muḥammad's following to some one locality"

"Who blotted out the smear of falsehood from the pages of history?  
Who freed mankind from the chains of slavery?  
The floors of my Ka'bah with whose foreheads swept?  
Who were they who clasped my Qur'ān to their breasts?  
Your forefathers indeed they were: tell Us who are you, we pray?  
With idle hands you sit awaiting the dawn of a better day".

"You are one people, you share in common your weal and woe.  
You have one faith, one creed and to one Prophet allegiance owe.  
You have one sacred Ka'bah, one God and one Holy Book, the Qur'ān.  
Was it so difficult to unite  
In one community every single Mussalman?  
It is factions at one place; divisions into castes at another.  
In these times are these the ways to progress and to prosper?"  
"There is loud talk that Muslims have

Disappeared from the earth's face.  
We ask you; did true Muslims exist anywhere in any place?  
Your style of living is Christian, your culture that of the Hindu;  
A Jew would be shamed if he saw Muslims such as you.  
You are Saiyyads as well as Mirzas, and you are Afghans-  
You are all these, but tell us are you also Mussalmans?"

Dalam al-Qur'an, Allāh Subhanahu wa Ta'ālā telah berfirman;

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksudnya:

"...Sesungguhnya Allāh tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri..."

(Surah Al-Ra'd:11)

Berdasarkan maksud ayat al-Qur'an di atas, Z.a.'b.a (1982:92) menulis;

"...nyatalah dengan terangnya bahawa kita yang salah. Kita yang telah memulakan dengan mengubah sifat-sifat "beriman" dan "baik" dan "betul" yang ada pada diri umat kita masa dahulu itu, kita tukarkan dia jadi sifat-sifat "beriman" yang dicacatkan oleh salah pemahaman dan pembawaan. Bersama-sama itu kita tidak pula tahu memadankan diri kita dan amalan kita dengan betulnya kepada kehendak-kehendak masa yang diedarkan oleh Tuhan".

Mengenai kedudukan ini, 'Abd al-Razzaq Nawfal (1983:2) dalam tulisannya Muslimun Bilā Masyākil turut mengatakan;

"Andainya dunia kita kini telah berubah dari keadaannya yang dahulu, dan andainya hal keadaan kita kini pun telah berubah dari hal keadaan yang pernah dinikmati kaum Muslimin pada masa silam, walaupun segala perubahan ini amat mendukacitakan, namun bukanlah datangnya dari Islām tetapi dari diri kita sendiri, dan puncanya pun bukan terdapat pada Islām, tetapi pada diri kita juga,

yang mana memerlukan kita memperbetul dan mengubah arah perjalanan kita"

Ayat 11 dalam sūrah al-Rā'd, turut menegaskan;

وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرْدَلَهُ وَمَا الْهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٰيٰ

Maksudnya:

"...Dan apabila Allāh menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tidak ada pelindung bagi mereka selain Dia".

Z.a.'b.a. (1982:93) turut menegaskan;

"Demikianlah dengan tidak kita perasan ditukarkan Allāh keadaan kita perlahan-lahan daripada ketinggian kepada kejatuhan, daripada kekuatan kepada kelemahan, daripada ketuanan kepada kehambaan, daripada mempunyai 'izzah kepada kehilangan 'izzah sama sekali, di dalam dunia kemajuan sekarang ini. Di akhirat belum tahu lagi, entah hilang pula kesemuanya kalau hal keadaan pada diri kita ini tidak diubah kembali".

Mawlānā Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawī (1994a:31) menulis;

"Barangsiapa yang ingin terhindar dari akibat-akibat yang buruk, maka hendaklah ia menjauhi amal dan akhlāq-akhlāq yang tercela. Samalah seperti halnya orang yang ingin tidak terbakar, maka sedapat mungkin, dia harus menjauhi api".

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa segala kesusahan dan penderitaan yang dihadapi oleh umat ini adalah lantaran amalan dan hasil tindakan mereka sendiri yang seolah-olahnya, mereka sendirilah yang terjun ke dalam api kemudian meraung dan menjerit: "aku terbakar!", ini adalah suatu yang tidak ada gunanya.

Pemerhatian sarjana-sarjana Islām perihal keutuhan Ummah jelas menarik kesimpulan bahawa kita telah mengubah hal keadaan kita yang baik dan betul pada zaman dahulu kepada keadaan yang tiada baik dan sebab itulah kita telah jatuh. Maka jika hendak bangkit dan naik semula hendaklah diubah kembali hal dan kelakuan kita dan cara-cara kita "beramat" dan "berjuang" sekarang kepada keadaan yang baik dan betul semula, serta hendaklah pandai pula memadankan sekaliannya itu baik-baik - di mana-mana tentang yang patut dan mustahak - dengan kehendak-kehendak zaman, iaitu dengan menimbangkan perubahan-perubahan hal-ehwal dalam kehidupan manusia. (Z.a'.b.a., 1984:97).

### MELAYU ...JANGAN LUPA DAN LEKA LAGI...

Dr. Mahatir Muhammad pada akhir ucapan penggulungan Perhimpunan Agung UMNO tahun 2001 telah mendeklamasi puisi Melayu Mudah Lupa; yang perlu diteliti, tidak sekadar sebagai persembahan hasil seni kesusasteraan semata tetapi dianalisis dengan kacamata permasalahan ummah dan *muḥāsabah* ingin berubah.

Melayu mudah lupa  
Melayu mudah lupa  
Melayu mudah lupa  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya dipijak  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya retak  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya teriak  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya haprak  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya kelas dua  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya hina  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya sengketa  
Melayu mudah lupa

Dulu bangsanya derita  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya kerdil  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya terpencil  
Melayu mudah lupa  
Tiada daulat tiada maruah tiada bebas  
Melayu mudah lupa  
Melayu mudah lupa  
Melayu mudah lupa  
Melayu mudah lupa  
Sejarah bangsanya yang lena  
Tanah lahirnya yang merekah berdarah  
Ingatlah ingatlah wahai bangsaku  
Jangan mudah lupa lagi  
Kerana perjuanganmu belum selesai.

Peringatan secara puitis itu ternyata meninggal kesan bilamana ia mendapat jawaban balas yang amat bersemangat dengan Puteri Tidak Lupa ketika dideklamasikan sebagai jawapan kepada Melayu Mudah Lupa semasa pelancaran Puteri Umno pada 3 Ogos 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur:

Tuhanku  
Bangkitkan kami yang terlena ini  
Sedarkanlah kami yang terleka ini;  
Kami tidak mahu lupa  
Kami tidak sudi  
Menjadi yang mudah lupa  
Kerana kami tahu  
Dulu bangsa kami dijajah  
Puteri datang untuk menginjak  
Kami tahu dulu kami retak  
Puteri hadir untuk bertindak  
Dulu bangsa kami kuat berteriak  
Tapi Puteri berdiam bijak  
Dulu bangsa kami dihina

Kini Puteri bersama memuliakannya  
Demi agama  
Demi bangsa  
Demi negara  
Restui lah perjuangan kami ini  
Untuk mereka  
Kerana daulat dan maruah bangsa  
Masih ada  
Dan akan ada sampai bila-bila  
Akan sedar sampai bila-bila  
Akan bangkit semarak sampai bila-bila  
Kerana kami tidak pernah lupa  
Bumi ini hak orang Melayu  
Tak kan Melayu hilang di dunia.  
Puteri tidak akan lupa  
Puteri tidak akan lupa  
Puteri tidak akan lupa

Puisi Puteri Tidak Lupa ternyata bertitiktolak dari keinsafan terhadap kekerdilan insan dengan kembali kepada Qudrat Ilāhi yang berupa Raja segala raja terhadap semua bolakbalik hati manusia. Alhamdulillāh, Puteri Tidak Lupa. Namun, bagaimana pula dengan 'Putera'? Malah, mungkin juga menjadi tanda tanya, setakat mana pula yang Puteri ingat?. Puteri hanya tahu bangsanya pernah dijajah, bangsanya dulu retak, kuat berteriak dan dihina, selain itu apa?. Pemikir bangsa ternyata menyebut dengan terang bahawa "Jangan lupa Melayu...kamu Melayu....lantaran Islām-mu":

TEGAKLAH TUNTUTAN...SYAHADAH SELURUHNYA  
BARULAH BERMAKNA...MUSLIM DI DUNIA  
ASALKAN ISLĀM...PAKSI DIRINYA  
TAKKAN HILANG...MELAYU DI DUNIA

Ya, asalkan Islām...aksi dirinya, takkan hilang...Melayu di dunia.

## Penutup

Gagasan Islām Ḥadāri yang berobjektif murni untuk memantapkan 'aqīdah, syarī'ah dan akhlāq masyarakat serta penghayatan Islām sebagai pemangkin kepada pembangunan negara dalam pelbagai bidang di samping menjadikan ajaran Islām sebagai rangsangan dalam melaksanakan pembangunan ummah dan negara, pastinya mempunyai pelbagai agenda dan program untuk memartabatkan penghayatan agama dalam kehidupan ummah. Dengan meletakkan diri di atas landasan yang betul serta menghayati ajaran Islām dengan bersungguh-sungguh dan iltizam yang padu dalam setiap aspek kehidupan, insan Muslim [Melayu] akan pasti mensyiar kan panji:

### UPHOLDERS of ISLAMIC TEACHING MAN [U.I.T.M.]

Syi'ar U.I.T.M. ini akan terhasil melalui komitmen yang serius semua pihak terhadap tuntutan dan tuntutan agama Islām dalam semua perkara yang berkaitan dengan diri dan medan masing-masing. Islām Ḥadāri adalah pemangkin dalam merealisasikan cita-cita murni ini....

[U.I.T.M.]

Ugama Islām...Teras Melayu  
Unggulkan Islām...Tujuan Membara  
Utuhkan Islām...Tiang Majumu  
Umat Islām...Teruslah MARA

## Bahan Bacaan Terpilih

Abdul Halim Hj. Mat Diah (2004). “*Peranan Intelektual Islam Dalam Penerapan Islam Hadhari*” kertas kerja dibentang dalam *Seminar Antarabangsa Islam Hadhari* anjuran Akademi Pengajian Islām, Universiti Malaya pada 24-25 Nov. 2004.

Abu Bakar Muhammad (1994). *Pembinaan Manusia dalam Islam*. Surabaya: al-Ikhlas.

Ahmad, Ziauddin (2001). *Influence of Islam on World Civilization*. Delhi: Adam Publishers & Distributors, 300 hlm.

Arsalan (m. 1366 H/1938 M), Amir Syakib (1967). *Limāzā Ta'akhkhar al-Muslimūn, wa Limāzā Taqaddama Ghairuhum* (edisi terjemahan oleh Moenawar Chalil dengan judul *Mengapa Kaum Muslimin Mundur dan Mengapa Kaum Selain Mereka Maju?*). Jakarta: Bulan Bintang, 192 hlm.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), xii + 209 hlm.

Baloch, N.A. (1997). *Great Books of Islamic Civilization*. New Delhi: Kitab Bhavan, vi + 221 hlm.

Faisal Ismail (2004). “Islam Hadhari dalam Pembinaan Tamadun Masa Kini” kertas kerja dibentang dalam *Seminar Antarabangsa Islam Hadhari* anjuran Akademi Pengajian Islām, Universiti Malaya pada 24-25 Nov. 2004.

Al-Ghazālī (1335 H/1917 M - 1416 H/1996 M), Muhammad (1986). *Al-Islām wa al-Tāqāt al-Mu'talah* (edisi terjemahan oleh Ismail Mohd. Hassan dengan judul *Islam dan Tenaga-Tenaga yang Terbiar*). Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu, xii +228 hlm.

----- (1999). *Jaddid Hayatak* (edisi terjemahan oleh Megat Ahmad Supian dengan judul *Berubah Kepada Kehidupan Baru*). Kuala Lumpur: Penerbitan Darul Iman, viii + 323 hlm.

Hamka (1908 - 1981 M), 'Abd al-Malik 'Abd al-Karim Amrullah (1982). *Studi Islam* (suntingan Rusydi Hamka). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 278 hlm. Lihat bab 'Doktrin Islam yang Menimbulkan Kemerdekaan dan Keberanian', hlm. 254 - 276.

Hassan, Hassan Muhammad (2002). *Cara Menentang Serangan Pemikiran Terhadap Dunia Islam* (edisi terjemahan oleh Osman Khalid). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Hayes, John R. (1983). *The Genius of Arab Civilization - Source of Renaissance*. London: Eurabia (Publishing) Ltd., x + 260 hlm.

Ibrahim Abu Shah ed. (2004). Islam, Democracy and Good Governance - The Malaysian Experience. UiTM, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), viii + 154 hlm.

INTAN (1994). *Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

---

----- (2003). *Tonggak Dua Belas - Penerapan Nilai, Norma dan Etika Perkhidmatan*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Islahi, Sadruddin (1997). *Ma'rakah Islam-o-Jahiliyyat* (edisi terjemahan Inggeris oleh Israr Ahmad Khan dengan judul *Islamic Civilization: Real Perspective*). Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd, vi + 145 hlm.

Ismail Ibrahim (2004). *Isu Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

----- (2004a). "Islam Hadhari dan Pembangunan Islam di Malaysia" kertas kerja dibentang dalam Seminar Antarabangsa Islam Hadhari anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 24-25 Nov. 2004.

Ismaillutfi Japakiya (2004). "Peranan Spiritual dalam Pembangunan Islam Hadhari" kertas kerja dibentang dalam Seminar Antarabangsa Islam Hadhari anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 24-25 Nov. 2004.

Jameelah, Maryam (1979). *Western Civilization Condemned by Itself* Vol. I - II. Lahore: Mohammad Yusuf Khan & Sons.

Mahamad Kamil Hj. Ab. Majid (2004). “*Islam Hadhari dari Perspektif Pemikiran Islam*” kertas kerja dibentang dalam Seminar Antarabangsa *Islam Hadhari* anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 24-25 Nov. 2004.

Mahathir Mohamad (2000). *Islam and the Muslim Ummah*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 277 hlm.

Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2004). “*Memahami Islam Hadhari*” kertas kerja dibentang dalam Seminar Antarabangsa *Islam Hadhari* anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 24-25 Nov. 2004.

Mawdūdī (1321 H/1903 M - 1399 H/1979 M), Abū al-A'lā (1978). *Insān kā Ma'āshī Mas'alah awr us kā Islāmī Hall* (edisi terjemahan dengan judul *The Economic Problem of Man and Its Islamic Solution - Being an Address delivered in the Muslim University, Aligarh, on 20th October, 1941*). Lahore: Islamic Publications Ltd, 40 hlm.

----- (1984). *Wāqi' al-Muslimīn Sabil Nuhūq Bihim* (edisi terjemahan oleh Afif Mohammad dengan judul *Kemerosotan Ummat Islam dan Upaya Pembangkitannya*). Bandung: Penerbit Pustaka, v + 82 hlm.

Mohamad bin Abu Bakar (2004). “*Islam Sebagai Budaya dan Islam Sebagai Peradaban: Di Mana dan Ke Mana Kita*” kertas kerja dibentang dalam Seminar Antarabangsa *Islam Hadhari* anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 24-25 Nov. 2004.

Mohd. Nakhaie Ahmad (2004). *Masyarakat Islam Hadari*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 122 hlm.

----- (2004a). *Islam Hadhari - Sebagai Teras Pemacu Kemajuan Negeri Maju*. Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND).

Mohd Shauki Abd Majid (2004). *Memahami Hadhari dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.

al-Nadwī (1333 H/1914 M - 1420 H/1999M), Abū al-Ḥasan 'Alī al-Hasanī (1971-93). *Rijālu al-Fikri wa al-Da'wati fī al-Islām* (edisi terjemahan oleh Mohiuddin Ahmad dengan judul *Saviours of Islamic Spirit* Jil. I [1971], Jil. II [1974], Jil. III [1983] dan Jil IV [1993]). Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications.

\_\_\_\_\_. (1979). *Al-Sīrā' Baina al-Fikrati al-Islāmiyyah wa al-Fikrati al-Gharbiyyah* (edisi terjemahan oleh Mohammad Asif Kidwai dengan judul *Western Civilization, Islam and Muslims*). Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications, 222 hlm.

----- (1980). *Mazhab-o-Tammadun* (edisi terjemahan oleh Mohiuddin Ahmad dengan judul *Religion and Civilization*). Lucknow: Academy of Islamic Research & Publications, 118 hlm.

----- (1984). *Māzā Khasira al-'Ālam bi Inhiqāṭi al-Muslimīnā* (edisi terjemahan oleh Bey Arifin dan Yunus Ali al-Muhdar dengan judul *Kerugian Dunia Karena kemunduran Umat Islam*). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., 376 hlm.

----- (1986). *Al-Islām wa Atharuhu fī al-Hadārah* (edisi terjemahan oleh Mohiuddin Ahmad dengan judul *Islam and Civilization*). Lucknow: Academy of Islamic Research & Publications, 94 hlm.

Nawfal. 'Abd al-Razzaq (1983). *Muslimūn Bila Masyākil* (edisi terjemahan oleh Muhammad Labib Ahmad dengan judul *Kaum Muslimin Tidak Punya Masalah*). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 147 hlm.

Pickthall (1875 - 1936 M), Muhammad Marmaduke (1990). *Cultural Side of Islam*. New Delhi: Kitab Bhavan. Pertama kali diterbitkan di India, 1927, 193 hlm. Lihat bab/kuliah II - Causes of Rise and Decline, hlm. 23 - 47.

al-Qaradāwī, Yūsuf (1997). *Al-Marja'iyyah al-'Ulyā fī al-Islām li al-Qur'ān*

*wa al-Sunnah: Dawābiṭ wa Maḥādhir fī al-Fahmi wa al-Tafsīr* (edisi terjemahan oleh Bahrudin Fannani dengan judul Al-Qur'ān dan al-Sunnah - *Referensi Tertinggi Ummat Islam, Beberapa Kaidah dan Rambu dalam Memahami dan Menafsirkan*). Jakarta: Robbani Press, xvii + 389 hlm.

----- (1998). *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fī al-Iqtisād al-Islāmi* (edisi terjemahan oleh Mufti Labib dan Arsil Ibrahim dengan judul Peranan Nilai dan Akhlak dalam Ekonomi Islam). Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, xl + 634 hlm.

----- (2000) *al-Madkhāl li Ma'rifah al-Islām* (terjemahan oleh Mohammad Zaini Yahya dengan judul *Pengantar Pengetahuan Islam*). Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.

Saiful Hadi (t.th). 125 *Ilmuwan Muslim Pengukir Sejarah*. Jakarta Timur: Insan Cemerlang dan PT. Intimedia Ciptanusantara.

Shihab, M. Quraish (1997). *Membumikan al-Qur'ān - Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Bandung: Penerbit Mizan, cetakan 15, 421 hlm.

----- (1997a). *Wawasan al-Qur'ān - Tafsir Maudhu'i atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Penerbit Mizan, cetakan keenam, xix + 578 hlm.

al-Sibā'i, Muṣṭafa Ḥusnī (1996). *Min Rawai'i Hadaratina* (edisi terjemahan oleh R.B. Irawan dan Fauzi Rahman dengan judul *Peradaban Islam - Dulu, Kini dan Esok*). Kuala Lumpur: DarulFikir, 208 hlm.

Şiddiq Fādil (1998). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), vii + 190 hlm.

'Ulwan, 'Abd Nāsiḥ (2001). *Muḥādarah fī al-Syāri'ah al-Islāmiyyah* (terjemahan oleh Abdul Karim Ali dan Samsudin Selamat dengan judul *Syari'ah Islam - Ciri-Ciri dan Keunggulan*). Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

----- (2003). *Al-Syabāb al-Muslim fī Muwājahah al-Tahādiyāt* (terjemahan oleh Hasnan Kassan dengan judul *Generasi Muda Islam dan Cabaran Globalisasi*). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Umar Hasyim (1981). *Negeri Indah Adil Makmur di bawah Ampunan Al-lah*. Surabaya: Pt Bina Ilmu, xii + 220 hlm.

al-'Umari, Akram Diya' (1991). *Al-Mujtama' al-Madani fī 'And al-Nubūwah* (edisi terjemahan oleh Huda Khaṭṭab dengan judul *Madinan Society at the Time of the Prophet Vol I - II*). Virginia: The International Institute of Islamic Thought.

Watt, W. Montgomery (1972). *The Influence of Islam on Medieval Europe*. Edinburgh: University Press, viii + 125 hlm.

Z.a'.b.a. (1895 - 1973 M), Zainal Abidin Ahmad (1984). *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. [lihat bab Kejatuhan Umat Islam dan Jalan Kepulihannya, lihat juga artikelnya yang berjudul Jalan Keselamatan Bagi Orang-Orang Melayu dalam Abdullah Hussain dan Khalid M. Hussain (2000), *Pendeta Za'ba dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka].

al-Zuhailī, Wahbah (1996). *Al-Qur'ān al-Karīm; Bunyatuhu al-Tasyri'iyyat wa Khaṣā'iṣuhu al-Haḍariyat* (edisi terjemahan oleh Mohammad Luqman Hakiem dan Mohammad Fuad Hariri dengan judul *Al-Qur'an - Paradigma Hukum dan Peradaban*). Surabaya: Risalah Gusti, xii +218 hlm.

## Keharmonian Agama di Malaysia: Perspektif Islam Hadhari

Oleh  
Prof. Madya Hj Azam Hamzah

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami(Allah) telah menciptakan kamu terdiri daripada lelaki dan perempuan dan Kami menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu saling kenal mengenali. Sesungguhnya semuanya-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu.”*

(Surah Al-Hujurat, 49; 13)

### Pendahuluan

Malaysia yang terdiri daripada negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu (Semenanjung), Sabah serta Sarawak ditubuhkan pada 16 September 1963. Penduduk Malaysia boleh dikategorikan kepada dua kumpulan utama, iaitu penduduk peribumi dan bukan peribumi. Penduduk peribumi sebahagian besarnya terdiri daripada orang Melayu. Selain orang Melayu, terdapat juga pelbagai kumpulan etnik pribumi lain seperti Orang Asli di Semenanjung, dan pelbagai etnik pribumi di Sabah dan Sarawak. Penduduk bukan peribumi terdiri daripada orang Cina dan India serta sebilangan kecil etnik-etnik lain.

### Jaminan Kebebasan Beragama Untuk Semua Rakyat

Penduduk Malaysia bukan sahaja terdiri daripada pelbagai kaum, malah mereka berasal daripada pelbagai latar belakang budaya dan agama. Secara umumnya orang Melayu adalah penganut Islam, orang Cina pengikut Buddha, orang India pengikut Hindu, sementara pelbagai etnik peribumi lain menganut berbagai kepercayaan warisan dan animisme.

Kepelbagaian ini membawa maksud bahawa seluruh rakyat Malay-

sia perlu bertoleransi dalam menjalani kehidupan sehari-hari serta pengamalan adat kepercayaan masing-masing, demi menjaga keharmonian. Justru itu Perlembagaan Malaysia telah menggariskan sejak dari awal lagi perkara-perkara dasar seperti hak istimewa kaum bumiputra, Islam sebagai agama Persekutuan dan lain-lain, demi menjamin keharmonian tersebut. Sebagai contoh, Perlembagaan Malaysia (Bahagian 1, Perkara 3 (1) telah memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan. Walau bagaimanapun Perlembagaan (Artikel 11) juga turut menyatakan bahawa penganut-penganut agama lain boleh mengamalkan kepercayaan mereka dengan aman dan harmoni di mana-mana bahagian Persekutuan. Peruntukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara (Perkara 152) juga ada kelonggarannya apabila bahasa-bahasa lain juga boleh digunakan. Dalam soal hak keistimewaan Orang Melayu, DYMM Yang Di-Pertuan Agong tidak sahaja berperanan menjaga kepentingan orang Melayu, tetapi kaum bukan Melayu juga mendapat perlindungan yang sewajarnya. Tujuan peruntukan ini ialah untuk mewujudkan pemerintahan yang adil dan saksama kepada semua kaum.

Perlembagaan Persekutuan yang dibentuk sejak daripada tarikh kemerdekaan hingga sekarang masih mengekalkan peruntukan-peruntukan penting. Ini kerana Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi Negara yang perlu dihormati oleh seluruh rakyat. Ia berperanan sebagai panduan dalam pembentukan undang-undang dan bermatlamat untuk memberikan jaminan dan perlindungan kepada rakyat ke arah merealisasikan cita-cita mewujudkan sebuah negara yang demokratik dan adil untuk semua rakyat. Perlembagaan Persekutuan mengandungi 131 Perkara yang menyentuh pelbagai aspek pemerintahan, merangkumi kebebasan asasi, Yang Dipertuan Agong, keistimewaan raja-raja Melayu dan hak orang Melayu, bahasa Melayu, agama, kehakiman, kewarganegaraan, kehakiman dan sebagainya.

## ***Islam Sebagai Agama Persekutuan***

Sebagaimana yang telah dijelaskan terdahulu, Perlembagaan (Perkara 3 (1) memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan. Raja/Sultan

sia perlu bertoleransi dalam menjalani kehidupan sehari-hari serta pengamalan adat kepercayaan masing-masing, demi menjaga keharmonian. Justru itu Perlembagaan Malaysia telah menggariskan sejak dari awal lagi perkara-perkara dasar seperti hak istimewa kaum bumiputra, Islam sebagai agama Persekutuan dan lain-lain, demi menjamin keharmonian tersebut. Sebagai contoh, Perlembagaan Malaysia (Bahagian 1, Perkara 3 (1) telah memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan. Walau bagaimanapun Perlembagaan (Artikel 11) juga turut menyatakan bahawa penganut-penganut agama lain boleh mengamalkan kepercayaan mereka dengan aman dan harmoni di mana-mana bahagian Persekutuan. Peruntukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara (Perkara 152) juga ada kelonggarannya apabila bahasa-bahasa lain juga boleh digunakan. Dalam soal hak keistimewaan Orang Melayu, DYMM Yang Di-Pertuan Agong tidak sahaja berperanan menjaga kepentingan orang Melayu, tetapi kaum bukan Melayu juga mendapat perlindungan yang sewajarnya. Tujuan peruntukan ini ialah untuk mewujudkan pemerintahan yang adil dan saksama kepada semua kaum.

Perlembagaan Persekutuan yang dibentuk sejak daripada tarikh kemerdekaan hingga sekarang masih mengekalkan peruntukan-peruntukan penting. Ini kerana Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi Negara yang perlu dihormati oleh seluruh rakyat. Ia berperanan sebagai panduan dalam pembentukan undang-undang dan bermatlamat untuk memberikan jaminan dan perlindungan kepada rakyat ke arah merealisasikan cita-cita mewujudkan sebuah negara yang demokratik dan adil untuk semua rakyat. Perlembagaan Persekutuan mengandungi 131 Perkara yang menyentuh pelbagai aspek pemerintahan, merangkumi kebebesan asasi, Yang Dipertuan Agong, keistimewaan raja-raja Melayu dan hak orang Melayu, bahasa Melayu, agama, kehakiman, kewarganegaraan, kehakiman dan sebagainya.

### **Islam Sebagai Agama Persekutuan**

Sebagaimana yang telah dijelaskan terdahulu, Perlembagaan (Perkara 3 (1) memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan. Raja/Sultan

bertindak sebagai ketua agama Islam di negerinya. Bagi negeri-negeri yang tiada Raja/Sultan, seperti Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan, ketua agamanya ialah DYMM Yang Di-Pertuan Agong.

Walaupun Islam telah dinobatkan sebagai agama negara, ini tidaklah bermakna hak-hak penganut agama lain dinafikan atau dikesampingkan. Perlembagaan telah memperuntukkan hak mereka untuk mengamalkan kepercayaan mereka dengan aman dan bebas daripada sebarang gangguan selagi mereka sendiri tidak melanggar peruntukan Perlembagaan tersebut. Sebagai sebuah negara berbilang kaum dan keturunan yang mengamalkan pelbagai budaya serta kepercayaan, rakyat Malaysia perlu mempunyai semangat tolerasi yang tinggi demi mewujudkan keharmonian hidup bernegara. Ini bermakna, setiap rakyat Malaysia perlu bertimbangrasa dan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dalam mengamal serta melaksanakan kepercayaan dan tuntutan agama masing-masing.

Islam sendiri adalah agama yang menekankan prinsip kesederhanaan, adil, bertoleransi dan berhikmah dalam menangani setiap permasalahan. Islam menekankan semangat bermusyawarah dalam menyelesaikan persoalan berbangkit antara sesama sendiri serta menyeru manusia ke jalan Tuhan secara penuh kebijaksanaan dan tunjukajar yang baik. Malah, dalam soal-soal yang melibatkan kepercayaan dan keimanan, Islam sama sekali tidak membenarkan pemaksaan dilakukan ke atas penganut agama lain. Penerimaan Islam mestilah dilakukan di atas dasar kefahaman, kecintaan dan keikhlasan sejati. Pemaksanaan dan kepura-puraan adalah satu sifat yang ditolak oleh Islam.

## **Konsep Kesederhanaan Menurut Islam**

Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan untuk membawa rahmat kepada seluruh alam. Ini bermakna, Islam adalah agama rahmat untuk seluruh makhluk dan seluruh alam. Islam adalah agama yang praktikal yang sesuai dilaksana atau diamalkan di mana juga di muka bumi ini. Ajarannya bersesuaian pada setiap masa, tempat dan keadaan. Islam bukan diturunkan

khusus untuk bangsa atau negara tertentu, tetapi untuk seluruh bangsa manusia, malah jin juga.

Islam bukanlah satu bentuk ajaran yang jumud, malah ajarannya adalah berbentuk fleksibel, khususnya dalam hal-hal bukan prinsip. Islam membenarkan malah menggalakkan umatnya mempergunakan kemampuan akalnya untuk menyelesaikan berbagai persoalan hidup. Malah Rasulullah mengiktiraf bahawa umatnya lebih mengetahui tentang urusan keduniaan mereka. Ini memberi isyarat bahawa persoalan yang bukan dasar, terutamanya dalam mencari penyelesaian sesuatu isu atau cabaran yang belum pernah wujud di zaman terdahulu, umat Islam diberi ruang mempergunakan kebijaksaananya selagi ia berada di dalam batasan syariat.

Kita umat Islam tidak seharusnya tersilap tanggap tentang makna sebenar sederhana. Sederhana bukannya bermakna uamat yang tidak komited dengan ajaran Islam atau melaksanakan hanya sebahagian sahaja ajaran Islam di dalam kehidupan., atau bebas melakukan apa sahaja di luar batasan syariat. Muslim yang sederhana menurut Islam ialah mereka yang memelihara akhlaknya dengan sebaik mungkin. Akhlaknya menjadi pendorong untuk melakukan tindakan positif untuk menyelesaikan sebarang permasalahan yang dihadapi.

Muslim yang sederhana mestilah mempunyai pandangan yang luas tentang Islam. Justru itu dia mestilah mempunyai ilmu yang mantap bukan sahaja tentang Islam, tetapi juga tentang persoalan semasa yang dengan itu dia mampu mengadaptasi keadaan bersesuaian dengan prinsip akhlaknya. Dengan kata lain, Muslim yang sederhana ialah mereka yang mempunyai persepsi yang menyeluruh tentang kehidupan, bertindak di atas keyakinan ilmu dan kebijaksanaan dan bukannya berasaskan emosi serta kejahilan. Umat Islam yang sederhana ialah mereka yang berusaha memahami keadaan semasa berdasarkan ilmu dan akal sebelum mengambil sesuatu tindakan. Tanpa nilai kesederhanaan ini, umat Islam akan menjurus untuk bertindak secara emosi yang hanya akan mencemarkan imej Islam.

Kesederhanaan juga menuntut kita memahami secara bijaksana realiti semasa, justru suasana pada setiap zaman dan tempat adalah berubah-ubah. Cabaran paling besar bagi kita umat Islam ialah bagaimana untuk kita sama-sama berada dan berperanan dalam arus perdana masyarakat dunia tanpa meleburkan jatidiri serta prinsip-prinsip fundamental keimanan kita. Cabaran ini sudah tentulah menuntut kita bersikap progresif serta mampu menghadapi tekanan kehidupan moden. Bersikap progresif bermakna kita mesti bersedia untuk memahami orang lain serta belajar daripada tamadun mereka.

Kejayaan umat Islam masa silam adalah kerana mereka bersikap terbuka serta bersedia belajar daripada tamadun orang lain. Mereka mempelajari unsur-unsur yang baik daripada tamadun Yunani, Parsi, Byzantin, India dan China. Pada hari ini kita ketinggalan kerana kerana mengamalkan sikap tertutup yang mengambil sikap berkonfratasi dengan tamadun lain.

Perkembangan pesat tamadun Islam pada zaman awal adalah kerana sifat keterbukaan dan keadilan Rasulullah s.a.w. dalam memimpin negara Islam Madinah. Sifat keterbukaan Rasulullah s.a.w. tergambar dalam segenap tindakan baginda seperti dalam hal menggalakkan umat Islam menceduk ilmu pengetahuan daripada tamadun lain. Rasulullah s.a.w. menyifatkan hikmah atau kebijaksanaan seperti barang hilang para Mukmin. Justru itu menjadi kewajipan setiap Mukmin untuk mengutip semula hikmah tersebut walau di mana saja ditemui.

Sifat keadilan Rasulullah s.a.w. pula tergambar dalam tindakan dan layanan baginda terhadap orang-orang bukan Islam yang menjadi warga negara Islam. Baginda melarang orang-orang Islam menyakiti orang-orang bukan Islam (*zimmi*). Malah, dalam Perlembagaan Madinah yang merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia dan menjadi asas negara Islam pertama jelas dicatatkan hak samarata antara warga Muslim dan bukan Muslim. Dalam Fasal 25 Perlembagaan Madinah di sebutkan bahawa “Orang-orang Yahudi Banu Auf adalah satu umat dengan orang-orang Mukmin. Orang-orang Yahudi hendaklah berpegang kepada agama mereka ...”

Dalam Fasal 37 (a) pula disebutkan bahawa “Orang-orang Yahudi berkewajipan menanggung nafkah mereka sendiri dan kaum Muslimin pula berkewajipan menanggung nafkah mereka sendiri. Di antara mereka harus tololong-menolong dalam menghadapi mereka yang menentang Piagam Madinah. Demikian juga di antara mereka perlu saling nsihat menasihati dalam membuat kebaikan serta menjauhi segala perbuatan dosa.” Dalam Fasal 37 (b) pula disebutkan bahawa “Seseorang tidak dibenarkan melakukan perbuatan salah terhadap sekutunya dan bahawa yanag harus ditolong ialah yang teraniaya.”

Dalam Fasal 40 disebutkan bahawa “Jiran tetangga itu seperti diri sendiri tidak boleh diganggu dan tidak boleh dilakukan dengan perbuatan jahat.” Dalam fasal 46 pula ditegaskan “Orang-orang Yahudi Banu Aus, sama ada pengikut-pengikut mereka atau diri mereka sendiri mempunyai kewajipan sepenuhnya seperti yang mereka sudah persetujui naskah perjanjian ini. Bahawa kebaikan itu bukanlah kejahatan, dan bagi orang yang melakukannya hanya akan memikul sendiri akibatnya dan bahawa Allah bersama di pihak yang benar dan patuh menjalani isi perjanjian ini.”

Hasil daripada termenterainya kontrak social tersebut, Madinah menjadi aman dan dengan itu Rasulullah berupaya menumpukan usahanya ke arah pembangunan negara yang harmoni dan makmur. Kewujudan Piagam Madinah tersebut memperlihatkan kebijaksanaan dan ketinggian peribadi seorang pemimpin yang menjadi uswah atau tauladan kepada seluruh umat manusia.

## **Pengajaran Dari Sejarah**

Piagam Madinah adalah contoh terbaik sebuah kontrak social di sebuah negara yang dihuni oleh pelbagai bangsa dan anutan kepercayaan. Asas paling utama dalam pembentukan sesuah negara ialah pembentukan ummah atau rupabangsa. Dengan ertikata lain, untuk melahirkan sebuah negara yang aman dan makmur, seluruh warga sesebuah negara itu mestilah menerima konsep ummah tersebut. Seluruh warganegara

(walaupun berlainan budaya dan agama) perlulah menuju ke satu arah yang sama seperti mana yang telah dipersetujui bersama di dalam perjanjian (Perlembagaan). Pihak pemerintah pula perlulah mempastikan hak-hak yang tercatat di dalam Perlembagaan terlaksana.

Pembentukan satu rupabangsa (yang berlainan aqidah kepercayaan, tetapi) berkongsi hidup dalam sebuah negara yang mampu hidup secara aman dan saling bantu-membantu di antara satu sama lain bukanlah satu yang mustahil kerana hal ini telah dilaksanakan oleh Rasullah s.a.w. sejak daripada zaman permulaan Islam lagi. Rasulullah telah membentuk satu ummah yang terdiri daripada orang-orang Islam (Muhajirin dan Ansar) yang berlatarbelakangkan berbagai puak dan bangsa. Di samping orang-orang Islam, konsep ummah yang digagaskan Rasulullah s.a.w. ini juga turut memasukkan orang-orang Yahudi yang menjadi warga negara Islam Madinah. Piagam Madinah memberikan hak sama rata kepada seluruh penduduk tanpa sebarang diskriminasi.

Konsep satu ummah ini adalah amat penting dan praktikal dalam sebuah negara yang dihuni oleh pelbagai kumpulan etnik dan bangsa seperti Malaysia. Dengan terbentuknya “*ummah*” tersebut maka akan terhindarlah sebarang prasangka dan persengketaan antara sesama warganegara.

Tamadun tidak mungkin boleh berkembang di dalam sesebuah negara yang sentiasa huru-hara disebabkan oleh ketegangan kaum dan politik. Tamadun hanya boleh berkembang subur di sesebuah negara yang aman damai justru rakyatnya bersatupadu dan saling menghormati di antara satu sama lain. Negara yang huru-hara terpaksa menghabiskan masa dan tenaga untuk menghadapi kekacauan yang berlaku sedangkan masa dan tenaga tersebut sepatutnya boleh ditumpukan ke arah pembinaan tamadun dan memperkasakan bangsa serta negara.

Tamadun umat Islam mencapai kemuncaknya apabila terbentuknya sebuah kerajaan yang kuat, aman dan makmur serta diperintah secara adil. Suasana aman dan tenteram tersebut memungkinkan berbagai

kegiatan keilmuan berlaku. Demikianlah sepetimana yang terjadi di Baghdad pada zaman keagungan di sekitar abad ke-9 hingga k3-11M. Tamadun keilmuan yang berhasil di Baghdad bukan sahaja disumbangkan oleh sarjana-sarjana Islam, malah tidak kurang pentingnya peranan yang dimainkan oleh sarjana-sarjana Yahudi dan Kristian, seperti Jabir bin Bakhtisuy' serta Hunayn bin Musawayh. Mereka yang banyak berperanan memindahkan khazanah ilmu pengetahuan Yunani dalam pelbagai bidang ke bahasa Suryani yang kemudiannya diterjemahkan pula ke bahasa Arab. Inilah yang menjadi titik permulaan untuk sarjana-sarjan Islam seperti Ibn Sina dan lain-lain menghasilkan karya-karya asli mereka pada abad-abad berikutnya.

Hal yang serupa berlaku hampir di mana-mana juga di seluruh dunia Islam pada waktu itu. Di Andalus, kegiatan intelektual tidak begitu berkembang pada peringkat awal (satu setengah abad permulaan penguasaan Islam) kerana peperangan saudara yang sering berlaku serta berbagai kekaucauan lain. Cordova mula muncul sebagai sebuah pusat intelektual dan tamadun terunggul di Eropah apabila pemerintah Banu Umayyah mula berkuasa dan mewujudkan keamanan politik di Andalus. Penyumbang kepada perkembangan tamadun di Andalus tidak terhad kepada orang-orang Islam, malah juga orang-orang Kristian dan Yahudi. Khalifah bukan sahaja menggalakkan anak-anak tempatan untuk menghasilkan karya dengan memberi insentif yang lumayan, malah menggalakkan sarjana-sarjana luar yang berkelibar untuk berhijrah ke Andalus serta diberi perlindungan dalam berkarya walaupun kadangkala kurang disenangi golongan tertentu di dalam negara berkenaan.

Dalam dunia moden yang kini hidup hari ini juga keadaan yang hampir serupa terjadi. Hanya negara yang mengamalkan dasar terbuka serta rakyatnya hidup dalam keadaan berkasih sayang, bertoleransi serta bantu membantu di antara sama lain barulah tamadun boleh berkembang. Lihatlah dan ambillah pengiktibaran apa yang berlaku di Eropah dan Amerika. Negara mereka maju pada hari ini kerana mereka mengamalkan dasar keterbukaan dan keadilan seperti yang disarankan Islam kepada rakyat mereka sehingga ramai bijakpandai luar tertarik untuk berhijrah

ke sana. Saya berani mengatakan bahawa peratusan yang besar perkembangan tamadun di Amerika, disumbangkan oleh kaum pendatang yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan latar belakang budaya. Inilah sebenarnya yang berlaku dalam sejarah Islam pada zaman Baghdad dan Andalus.

Banyak lagi kisah sejarah masa lalu dan masa kini yang boleh mengambil pengikhtaran daripadanya. Persengketaan, khususnya antara sesama warga senegara akan hanya merugikan kedua pihak dan memberi peluang kepada pihak luar untuk campurtangan dan menghancurkan negara berkenaan. Persengketaan Sunni-Syah pada zaman Abbasiyah telah membuka ruang kepada orang-orang Monggol untuk menghancur dan menjajah Baghdad. Hal yang hampir serupa berlaku di Baghdad dan Afghanistan pada hari ini yang telah memberi ruang kepada Amerika Syarikat untuk menjajah Iraq dan membonekakan Afghanistan.

## **Pengamalan Islam di Malaysia**

Ajaran Islam telah tersebar ke Alam Melayu sejak daripada zaman awal Islam. Usaha penyebaran Islam ini telah dilakukan secara aman dan penuh toleransi oleh orang-orang Arab dan India yang datang berdagang di Alam Melayu. Atas kebijaksanaan pendakwah-pendakwah tersebut, agama Islam telah diterima oleh segenap lapisan masyarakat Melayu. Semenjak itu ajaran Islam terus tersebar luas di seluruh Alam Melayu dan menjelang beberapa abad kemudiannya munculnya kerajaan-kerajaan Islam di segenap pelosok Alam Melayu seperti Kerajaan Pasai, Kerajaan Melayu Melaka, Kerajaan Acheh di utara Sumatera, Kerajaan Melayu Pattani di utara Semenanjung, Kerajaan Melayu Berunei di Pulau Borneo, Kerajaan Islam Demak di Pulau Jawa dan banyak lagi. Sejak itu Islam telah menjadi sebatи dengan jiwa Melayu, malah istilah Melayu seakan menjadi sinonim dengan Islam. Walaupun gelombang penyebaran dan kesedaran Islam di kalangan masyarakat Alam Melayu kadangkala diganggu dengan beberapa siri pencerobohan dan penjajahan kuasa-kuasa Barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris di Melaka, Belanda dan Perancis di Indonesia serta Sepanyol dan Amerika Syarikat di Filipina, namun, nilai-nilai Islam terus terpahat kukuh di hati sanubari dan jiwa masyarakat Melayu.

Nilai-nilai Islam yang toleran dan sederhana telah mewarnai hampir keseluruhan jiwa raga Melayu. Membentuk hati budi orang Melayu. Menjadi kekuatan yang membentuk tamadun Melayu. Menjadi pengikat yang menyatukan seluruh rumpun etnik Melayu. Dan Islam terus dipertahan serta dimartabatkan orang Melayu. Bagaikan irama dan lagu, Islam dan Melayu menjadi satu entiti yang telah sebatи dan tidak boleh dipisahkan seperminta yang tergambar dalam takrifan Melayu dalam Perlembagaan negara kita.

### **Kesejagatan Konsep Melayu**

Satu hal yang seharusnya disedari dan diakuri oleh seluruh masyarakat Malaysia ialah konsep Melayu yang universal atau sejagat. Pada umumnya istilah Melayu yang diterima pakai di negara kita tidak hanya merujuk kepada kumpulan etnik atau rumpun bangsa tertentu, tetapi lebih kepada kesamaan atau kesepakatan sistem nilai dan budaya yang diterima bersama. Dengan perkataan lain, istilah Melayu tidak hanya dieksklusifkan kepada etnik asal Alam Melayu, tetapi etniki-etnik pendatang seperti Cina, India, Arab dan lain-lain juga diterima orang Melayu sebagai “sebangsa” dengan mereka apabila masyarakat tersebut bersedia menerima system nilai dan budaya Melayu sebagai pegangan hidup mereka. Kekosmopolitan bangsa Melayu masih boleh kita perhatikan hingga kini dari segi rupa fisikal yang pelbagai.

Oleh kerana bangsa Melayu bersifat kosmopolitan, maka mereka tidak pernah memandang rendah atau hina kepada mana-mana bangsa lain. Budaya Melayu tidak menilai manusia berdasarkan warna kulit atau bentuk fisikal, tetapi budaya Melayu mengajar kita menilai manusia berdasarkan hati budinya. Budaya Melayu amat menjunjung tinggi budi seseorang seperminta tergambar dalam pantun Melayu; Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti, hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa ke mati.

Interaksi antara orang Melayu, Cina dan India serta berbagai etnik lain yang tidak seagama dengan orang Melayu telah berlaku sejak dari zaman sebelum kedatangan penjajah Barat lagi. Miskipun mereka

mempunyai nilai budaya yang berbeza, namun hubungan sentiasa berlaku di dalam keadaan harmonis, bukan sahaja di antara rakyat dengan rakyat, malah di antara kerajaan dengan kerajaan, seperti antara kerajaan Melayu Melaka dengan kerajaan China. Pergeseran kaum tidak pernah berlaku berpunca daripada perbezaan pegangan agama kerana mereka saling hormat menghormati antara satu sama lain.

## **Kedudukan Orang Bukan Islam di Malaysia**

Sepertimana yang telah dibincangkan terdahulu, kedudukan serta hak-hak bukan penganut Islam dijamin oleh Perlembagaan. Mereka bebas mengamalkan agama anutan mereka dalam lingkungan kebebasan yang diberikan Perlembagaan.

Perkara yang sering menjadi kebimbangan kepada masyarakat bukan Islam di seluruh dunia terhadap umat Islam ialah kaedah digunakan umat Islam dalam mencapai aspirasi politiknya. Seringkali kaedah itu dikaitkan dengan kekerasan atau keganasan. Kita di Malaysia berasas baik kerana seluruh masyarakat kita sepakat untuk memilih jalan aman dalam mencapai cita-cita politik. Cara terbaik mengajak orang lain mengikuti aspirasi politik kita ialah dengan jalan dakwah. Cara inilah yang dilakukan Rasullah sehingga berjaya membentuk negara Islam Madinah. Kuasa politik Islam tertegak di Madinah melalui jalan damai; melalui perkongsian mengenai Islam dan memenangi keyakinan umum Muslim dan bukan Muslim, tanpa sebarang pertumpahan darah. Pertempuran hanya berlaku demi menjaga hak penduduk Madinah bagi menentukan nasib mereka sendiri bebas daripada pengaruh Makkah. Walau bagaimanapun apabila peluang untuk berdamai muncul melalui perjanjian Hudaybiyah, ia terus disambut oleh Rasulullah.

Umat Islam di Malaysia mengutamakan keamanan dan keharmonian kaum. Justru itu penduduk bukan Islam tidak perlu merasa bimbang tentang keselamatan dan kebebasan mereka selagi mereka menghormati prinsip-prinsip yang dipersetujui bersama. Masyarakat bukan Islam seharusnya tidak merasa bimbang untuk berinteraksi dengan persekitaran

social orang Islam dan untuk berintegrasi dengan mereka bagi menjamin kestabilan, keharmonian masyarakat, kemajuan dan kemakmuran.

Seluruh masyarakat Malaysia hendaklah terus mengamalkan toleransi, sifat terbuka dalam hubungan social, bersama menggalakkan kesatuan, integrasi masyarakat, meluaskan ruang bersama, saling memahami, saling menghormati, saling mempercayai, saling meyakini antara satu sama lain dan menghalang agama daripada menjadi punca perbalahan. Dengan kata lain, demi menjaga keharmonian beragama di Malaysia, seluruh warga Malaysia mestilah mengamalkan sifat sederhana dengan menjauhi pelampauan, khususnya yang berkaitan hubungan social. Sifat melampau ada kaitan dengan radikalisme dan radikalisme mempunyai kaitan rapat dengan kepengganasan yang akan merosakkan nama baik Islam sebagai agama yang menekankan keamanan dan kesejahteraan sepetimana yang terkandung di dalam makna Islam itu sendiri. Seluruh warga Malaysia mestilah menjadi pendokong nilai-nilai kebaikan sejagat seperti cintakan keamanan, kedamaian, kemerdekaan dan keadilan sejagat.

### **Ke Arah Membentuk Masyarakat Hadhari**

Hari ini kita hidup dalam sebuah dunia yang global. Global dalam erti kata pemampatan ruang dan masa, hasil daripada penciptaan teknologi maklumat dan komunikasi baru. Dunia kini seakan menjadi semakin sempit dan tanpa batasan sempadan. Seolah-olah kita hidup dalam sebuah desa sejagat. Apa yang berlaku beribu-ribu kilometer daripada negara kita kini kita rasakan bagaikan berlaku di sebelah rumah kita. Bukan setakat itu sahaja, malah bahang dan tempiasnya turut kita rasai. Dengan kata lain, globalisasi merupakan satu fenomena yang telah membentuk wajah baru dunia. Negara-negara membangun seperti Malaysia perlu menangani cabaran globalisasi dalam pelbagai dimensi hidup dengan penuh hati-hati dan bijaksana. Untuk terus mampu bersaing dengan negara-negara lain yang membangun, Malaysia seharusnya memantapkan kestabilan ekonomi dan politik, mengukuhkan ketahanan budaya dan ikatan social di kalangan rakyat dan komuniti agar arus globalisasi tidak akan memincangkan penerusan agenda pembangunan social negara. Ini adalah

satu cabaran besar yang perlu ditangani secara penuh bijaksana oleh pemimpin negara.

Sebagai masyarakat beragama, kita tidak seharusnya hanya menumpukan kepada usaha memperkasa ekonomi semata-mata, tetapi kita juga perlu bergerak untuk membina keutuhan moral atau akhlak bangsa. Kita perlu maju dan berjaya dalam acuan kita sendiri. Apa gunanya kita maju dari segi ekonomi sekiranya masyarakat ini runtuh dari segi moralnya. Gabungan moral yang tinggi serta ekonomi yang mantap merupakan tunjang kepada pembinaan masyarakat Hadhari. Inilah yang sedang disasarkan oleh negara kita sekarang.

Matlamat utama pembentukan masyarakat Hadhari ialah untuk membangunkan warga Malaysia menurut acuan kita sendiri, yang berasaskan masyarakat cemerlang, gemilang dan terbilang melalui Sepuluh Prinsip Utama yang telah digarsikan Perdana Menteri, iaitu;

- i. Keimanan dan ketaqwaan kepada Ilahi
- ii. Kerajaan yang adil dan beramanah
- iii. Rakyat yang berjiwa merdeka
- iv. Penguasaan ilmu pengetahuan
- v. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
- vi. Kehidupan berkualiti
- vii. Pembelaan hak kumpulan minority dan wanita
- viii. Keutuhan budaya dan moral
- ix. Pemeliharaan alam semulajadi
- x. Kekuatan pertahanan.

Kesepuluh prinsip yang digariskan tersebut jelas menggambarkan bentuk masyarakat dan negara yang ingin diwujudkan. Sebuah masyarakat yang progresif, aman dan makmur dengan keadilan yang merata. Ia merupakan satu usaha yang amat murni yang wajar didokong oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira apa fahaman politik mereka.

Dalam usaha mencapai cita-cita murni tersebut, banyak perkara yang

perlu kita lakukan dan kadangkala terpaksa kita korbankan. Dalam usaha melahirkan rakyat yang berjiwa merdeka umpamanya, menuntut kita berfikiran terbuka. Terbuka dalam ertikata bersedia menerima pandangan orang lain, berbagai pandangan politik dan sikap social yang berbeza. Ini bermakna, setiap anggota masyarakat seharusnya saling berlapang dada dalam menerima pandangan yang berbeza-beza, tanpa ada pemaksaan untuk orang lain untuk menerima pandangan kita.

### **Cabaran dan Saranan Dalam Mengekalkan Keharmonian**

Salah satu nikmat besar yang Allah kurniakan kepada manusia tetapi jarang manusia menyedarinya ialah berada di dalam sebuah negara yang aman tenteram. Kebanyakan orang hanya menyedari sesuatu nikmat yang diperolehnya setelah nikmat itu tiada lagi. Sebagai individu yang berkesedaran, kita seharusnya menyedarkan masyarakat betapa bertuahnya kita berada dan menjadi warganegara kepada sebuah negara yang aman makmur. Walaupun negara kita mempunyai penghuni yang berbagai bangsa, berbagai latar belakang budaya dan agama, namun kita mampu hidup dalam keadaan harmonis, berkasih sayang dan bersatupadu sebagai warga sebuah negara. Nikmat ini seharusnya disyukuri, dipelihara dengan sebaik mungkin dan diperbaiki agar ianya tidak berlalu daripada kita.

Bukanlah suatu yang mudah untuk memuaskan hati semua orang atau semua kumpulan. Dalam sebuah masyarakat yang pelbagai, kita tidak mungkin mendapat semua yang kita impikan. Apa yang penting ialah semangat saling bertoleransi supaya tidak ada orang yang akan menang semua atau kalah semua. Kerana yang menang tidak akan menang selama-lamanya dan begitu yang kalah tidak akan kalah selama-lamanya. Demikianlah lumrah dan resam dunia yang sejarah mengajarkan kita. Sejarah umat manusia berlaku secara silih-berganti. Sesuatu bangsa yang dulunya cukup perkasa, kini tinggal hanya nama atau ditakluki oleh bangsa yang dulunya mereka takluki.

Justru itu, sebelum kita menjadi sejarah yang akan diadili generasi akan datang, marilah kita belajar dan mengambil pengiktibaran daripada

sejarah. Janganlah sampai kita dibinasa kerana tangan-tangan kita sendiri. Marilah kita menjadi satu bangsa Malaysia yang bersederhana, bersatupadu dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Kita memperkasakan masyarakat kita dengan nilai-nilai kebaikan sejagat, bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan masing-masing, tetapi pada waktu yang sama turut mempertahankan kita semua sebagai sebuah bangsa Malaysia yang bersatupadu dan berdaulat.

Untuk itu, nilai-nilai berikut perlulah ada di dalam diri setiap rakyat Malaysia:

1. Setia kepada negara
2. Bertoleransi
3. Terbuka
4. Menolak ekstremisme
5. Cintakan keamanan
6. Cintakan kebebasan
7. Menerima kemodenan
8. Iktiraf kepentingan keharmonian beragama
9. Bersama dalam nilai-nilai sejagat
10. Tumpu kepada aspek kebajikan social
11. Terlibat dalam pembangunan negara
12. Menggalak kesatuan dan integrasi nasional
13. Membina hubungan erat antara seluruh masyarakat beragama
14. Saling menghormati
15. Mengutamakan kepentingan negara
16. Bangga sebagai rakyat Malaysia.

## Penutup

Sebagai warga Malaysia, kita semua berharap akan menjadi sebahagian masyarakat negara maju menjelang tahun 2020. Maju dari segi pencapaian material dan sains teknologi, serta mantap dari segi kerohanian dan perpaduan nasional. Maju mengikut piawaian global tetapi dalam acuan kita sendiri. Malaysia ingin menjadi sebuah negara yang kekal berdaulat, aman makmur dan bersatupadu dengan setiap rakyatnya menjunjung tinggi nilai-nilai moral dan etika, bersifat demokratik, bertolak-ansur, penyayang, adil dan mampu menjadi tauladan kepada orang lain. Marilah sama-sama kita merealisasikan cita-cita murni ini sehingga Malaysia lahir sebagai model negara terbaik yang akan disegani dan dicontohi masyarakat lain.

## RUJUKAN:

1. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Cetakan Ke-16, Kuala Lumpur: Dal-Fikr, 2000.
2. Persatuan Ulama dan Guru agama Islam Singapura (PERGAS). *Kesederhanaan Dalam Islam*, Singapura: PERGAS, 2004.
3. Pusat Pendidikan Islam ITM. *Jurnal Pendidikan Islam* (Bil (1), Jilid1, 1986).
4. Mardiana dan Hasnah, Pengajian Malaysia. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. 2000.
5. K.H. Zainal Arifin Abbas. *Perkembangan Pikiran Terhadap Agama* Jilid 1&2, Jakarta: Pustaka al-Husna, 1984.
6. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam UKM. *Sekitar Sejarah dan Tamadun Islam*. Bangi: JPATI, 1981.
7. Abdul S. Hassam. *Early Muslim Scientists: Their Contributions to Natural Science*. New York: Vantage Press, 1978.
8. Mohd. Nakhaie Ahmad. *Islam Hadhari Sebagai Teras Pemacu Kemajuan Negeri Maju*. Petaling Jaya: Institut Pelekemabangan Minda (INMIND), 2004.

## **Toleransi Dalam Perspektif Islam Hadhari**

Oleh  
**Prof. Madya Hj Musa Ahmad**

*“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil terhadap golongan yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak menghalau kamu dari rumah-rumah kamu, sesungguhnya Allah suka kepada golongan yang berlaku adil. Allah hanya melarang kamu dari menjadikan golongan yang memerangi kamu kerana agama dan menghalau kamu dari rumah-rumah kamu sebagai sekutu kamu. Barang siapa yang menjadikan mereka sebagai sekutu, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”.*

*(Surah Al-Mumtahanah: 8-9)*

### **Muqaddimah**

Sejarah peradaban manusia kini berhadapan dengan satu situasi yang amat genting iaitu pertembungan antara tamadun Barat dan Timur. Kita kini berada dalam sebuah dunia global yang dicorak oleh tamadun Barat. Penentuan baik atau buruk, betul atau salah seakan hanya boleh ditentukan oleh negara-negara kuasa besar Barat, terutamanya Amerika Syarikat. Perjuangan umat Islam untuk mendapatkan keadilan seperti mana yang berlaku di Palestin, dipandang sambil lewa oleh Amerika Syarikat dan sekutunya. Dalam waktu yang sama rejim USA menjaga Israel bagaikan menatang minyak yang penuh dan melindungi setiap kekejaman kuasa zionis itu daripada kecaman masyarakat dunia. Fenomena uni-polar dan sikap “double standard” Amerika ini meletakkan masyarakat di negara-negara kecil, khususnya negara-negara Islam berada di dalam keadaan resah, kecewa dan kadangkala marah yang mendorong mereka untuk bertindakbalas.

“Ledakan emosi spontan” segelintir umat Islam terhadap keangkuhan kuasa Barat itu telah pula dieksplorasi media cetak dan elektronik Barat

untuk menggambarkan umat Islam dan malah Islam itu sendiri dengan wajah maha jelik iaitu sebagai “terrorist” yang menolak sebarang elemen ketamadunan. Alasan itulah yang digunakan Amerika dan sekutunya untuk menghalalkan tindakan mereka memusnahkan Afghanistan dan Iraq. Mesej tegas yang disampaikan George Bush Presiden USA bahawa mereka yang tidak bersama Amerika bererti menentang Amerika telah menambah lagi kekusutan hubungan Timur-Barat. Senario yang ada seolah-olah meletakkan kita bukan sahaja berada malah terperangkap di dua persimpangan, sama ada bersama Barat atau menentang Barat.

Persoalan yang seharusnya kita amati bersama ialah apakah “suasana yang dicetuskan Barat ini” adalah satu realiti yang tidak mungkin lagi dielak mahupun ditolak sebagaimana digambarkan Huntington di dalam teori pertembungan tamadunnya?. Apakah memang benar sudah tidak ada jalan lagi untuk mengelakkan pertembungan tamadun? Apakah benar umat Islam atau lebih tegas lagi ajaran Islam bersikap keras sehingga tidak boleh duduk semeja dengan penganut agama lain? Persoalan-persoalan inilah yang seharusnya diamati, difahami dan ditangani bersama oleh setiap masyarakat dunia agar dunia ini menjadi tempat yang lebih aman dan makmur untuk dihuni bersama.

### ***Islam Adalah Agama Keamanan***

Islam adalah agama yang menganjurkan keamanan. Ajaran Islam mengutamakan keamanan dan kesejahteraan, bukan sahaja untuk penganutnya, malah untuk semua makhluk yang berada di bumi ini. Kata dasar perkataan Islam itu sendiri iaitu SALIMA adalah bermaksud keamanan, keselamatan, kesejahteraan, kepatuhan, ketundukan dan penyerahan diri.

Ajaran Islam diturunkan untuk memberi rahmat kepada seluru makhluk alam. Islam menyeru seluruh manusia untuk hidup di dalam keadaan aman harmoni serta saling berkasih sayang dan hormat menghormati di antara satu sama lain. Pengutrusan rasulullah s.a.w. adalah untuk seluruh umat manusia dan bukannya untuk bangsa atau kelompok

tertentu. Firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

“Dan tidak Aku utuskan engkau (wahai Muhammad) kecuali untuk membawa rahmat kepada seluruh alam”.

(Surah Al-Anbiya: 107).

Allah menciptakan makhluk manusia terdiri daripada berbagai puak dan bangsa. Matlamat manusia diciptakan terdiri daripada berbagai puak dan bangsa tersebut ialah supaya mereka saling kenal-mengenal dan saling bekerjasama ke arah kebaikan dan ketaqwaan. Firman Allah:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَقُكُمْ

Maksudnya:

“Wahai manusia! Sesungguhnya Aku ciptakan kamu terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan serta Aku jadikan kamu terpecah kepada berbagai bangsa dan kabilah supaya kamu saling kenal mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah di antara kamu ialah mereka yang paling tinggi nilai ketaqwaannya.”

(Surah Al-Hujurat: 13)

Penilaian Allah terhadap manusia dan seluruh hamba-Nya yang berakal bukan berdasarkan puak atau bangsa tertentu, tetapi berdasarkan hati budi (taqwa) dan kepatuhan mereka terhadap perintah serta ajaran yang telah Allah turunkan melalui Rasul-rasul pilihan-Nya. Firman Allah:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَقُكُمْ

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah daripada kalangan kamu semua ialah orang yang paling tinggi sifat taqwanya.”

(Surah Al-Hujurat: 13)

## Islam Mengiktiraf Kebebasan Memilih

Islam adalah agama yang realistic yang menghormati kebebasan manusia memilih cara hidup mereka sendiri. Justru itu Islam menolak konsep paksaan dalam beragama. Sebaliknya menekankan konsep kerelaan dalam penerimaan serta keikhlasan dalam setiap amalan dan perbuatan. Firman Allah:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

Maksudnya:

“Tidak ada paksaan dalam beragama”.

(Surah Al-Baqarah: 256)

Ajaran Islam bukan sahaja memberi kebebasan kepada setiap manusia yang mukallaf untuk memilih aqidah keyakinan mereka, malah Islam serta Negara Islam juga mengiktiraf hak penganut agama lain untuk mempraktikkan aqidah kepercayaan mereka serta melarang umat Islam daripada menghina ‘tuhan’ sembahannya penganut agama lain. Firman Allah:

وَلَا تَسْبُو الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُو اللَّهَ عَدُوا  
يُغَيِّرُ اللَّهُمَّ كَذَلِكَ زَيَّنَ الْكُفَّارُ أَمْلَاهُمْ ثُمَّ إِلَى رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ  
فَيُنَتَّهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

“Janganlah kamu memaki sembahannya-sembahannya yang mereka sembah selain Allah, kerana nanti mereka akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan mereka kalah tempat mereka kembali lalu Dia memberitahukan mereka apa yang dahulu mereka kerjakan”.

(Sura Al-An'am: 108)

## **Islam Mengajurkan Sikap Toleransi dan Dialog yang Baik**

Islam adalah agama yang menggalakkan sifat toleransi dan hidup secara aman antara manusia. Islam menekankan konsep pengajakan ke arah kebaikan mestilah dilakukan secara berhikmah serta kepimpinan melalui tauladan. Setiap perbincangan mestilah dilakukan secara yang terbaik sehingga tidak menyinggung dan menjauhkan mereka daripada kita. Firman Allah:

﴿ وَلَا بُجَّدِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا يَأْتِيَهُ أَحَسْنُ إِلَّا  
الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ ﴾

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab kecuali dengan cara yang terbaik, kecuali golongan yang zalim di antara mereka”.

(Surah Al-Ankabut: 46)

Firman Allah lagi:

﴿ أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْمُحَسَّنَةِ وَجَنِّدْ لَهُمْ  
بِالْتِقَى هِيَ أَحَسْنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ  
أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ﴾

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan cara hikmah dan peringatan yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan menggunakan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu lebih tahu siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan Dia lebih mengetahui akan golongan yang mendapat petunjuk”.

(Surah Al-Nahl: 125)

Islam bukanlah agama “*terror*” yang mengajar penganutnya membenci serta memerangi orang bukan Islam seperti yang digambarkan oleh Barat. Islam

adalah agama yang mengutamakan keharmonian. Ajaran Islam tidak melarang penganutnya berbuat baik kepada orang bukan Islam yang tidak memusuhi mereka dan tidak meperlakukan mereka secara kejam. Firman Allah:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَا يُخْرِجُوكُمْ  
مِّن دِيْرِكُمْ أَن تَبْرُوْهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ  
إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ  
مِّن دِيْرِكُمْ وَظَاهِرُ وَأَعْلَمُ بِإِخْرَاجِكُمْ أَن تَوْلُوْهُمْ وَمَن يَتَوَلُّهُمْ فَأُولَئِكَ  
هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya:

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil terhadap golongan yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak menghalau kamu dari rumah-rumah kamu, sesungguhnya Allah suka kepada golongan yang berlaku adil. Allah hanya melarang kamu dari menjadikan golongan yang memerangi kamu kerana agama dan menghalau kamu dari rumah-rumah kamu sebagai sekutu kamu. Barang siapa yang menjadikan mereka sebagai sekutu, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”.

(Surah Al-Mumtahanah: 8-9)

Dalam menyelesaikan segala permasalahan timbul, terutamanya apabila persoalan itu melibatkan banyak pihak, jalan terbaik yang disarankan Islam ialah melalui permesyaratian. Ini kerana ajaran Islam tidak melarang umatnya menggunakan kemampuan akal fikiran yang dikurniakan Allah sebagai jalan penyelesaian kepada masalah-masalah bukan prinsip. Firman Allah:

وَشَاوِرُوهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ

Maksudnya:

“Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam memutuskan urusan

*kamu. Maka apabila kamu telah tetapkan azam (untuk melakukan sesuatu perkara yang diputuskan itu), hendaklah kamu bertawakal kepada Allah”.*

*(Surah Ali 'Imran: 159)*

Ajaran Islam menganjurkan kita mencari titik persamaan dengan pengikut-pengikut agama lain demi menjaga keharmonian hidup. Ini bermakna, sekalipun kita berbeza aqidah kepercayaan serta pandangan hidup dengan mereka, tetapi ajaran Islam masih lagi menggalakkan kita mencari titik-titik persamaan yang mungkin wujud dengan pengikut sesuatu agama itu, contohnya dalam soal penyembahan terhadap Tuhan Yang Satu. Firman Allah:

**قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَابِ تَعَاوَنُوا إِلَى كَلْمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ  
أَلَا نَعْبُدُ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا**

Maksudnya:

*Katakanlah wahai Muhammad, wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu juapun.*

*(Surah Ali 'Imran: 64)*

### **Islam Menekankan Konsep Kesederhanaan**

Islam menggalakkan sikap kesederhanaan, menolak ekstremisme, terrorisme dan segala bentuk kekerasan yang merosakkan keamanan dan kesejahteraan masyarakat umum. Rasulullah s.a.w. menegaskan bahawa sebaik-baik perkara ialah yang sederhana. Sederhana yang seharusnya kita fahami ialah satu keadaan yang berada di antara dua bentuk atau keekstreman (dua sikap melampau). Contohnya umat Islam mesti bersikap berani. Berani dalam mempertahankan maruah diri serta kebenaran. Sifat berani berada di antara dua sifat ekstrem iaitu sifat pengecut dan sifat emosional yang membuta-tuli. Dengan perkataan lain, sifat sederhana yang dihendaki Islam ialah sifat mulia yang berteraskan keadilan. Firman Allah:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطَا لِتَكُونُوا شَهَادَةً عَلَى النَّاسِ  
وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Maksudnya:

*“Dan demikianlah Kami menjadikan kamu (umat Islam) umat pertengahan (yang adil dan pilihan), agar kamu menjadi saksi atas perbuatan manusia, dan agar Rasul (Muhammad) s.a.w. menjadi saksi atas perbuatan kamu”.*

(Surah Al-Baqarah: 143)

### **Islam Menganjurkan Persaudaraan**

Islam adalah agama sejagat yang menganjurkan persaudaraan antara sesama manusia. Islam juga menganjurkan sikap pemaaf dan bertoleransi antara sesama manusia, serta membalas kejahanan orang lain dengan kebaikan. Firman Allah:

أَدْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ السَّيِّئَةَ نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَصِفُونَ

Maksudnya:

*“Tolaklah sesuatu kejahanan itu dengan sesuatu yang lebih baik. Kami lebih mengetahui apa yang mereka sifatkan”.*

(Surah Al-Mukminun: 96)

Islam juga menganjurkan umatnya supaya bersifat lemah lembut, berbudi bahasa serta meninggalkan sifat kasar. Budi bahasa yang baik akan mendekatkan orang lain kepada kita, sementara sifat kasar akan hanya mengundang permusuhan. Firman Allah yang bermaksud:

فَقُولَا لَهُمْ قُوْلًا لِتَنَالَ عَلَهُمْ وَيَذَّكَّرُوا وَيَخْشَوْا

Maksudnya:

*“Pergilah kamu berdua (wahai Msa dan Harun) kepada Firaun dan katakanlah kepadanya dengan kata-kata yang lembut. Moga-moga ia akan beringat atau takut”.*

(Surah Taha: 44)

Islam melarang umatnya bertindak mengikut emosi dan hawa nafsu. Sikap melampaui batas (keganasan), tidak kira dalam keadaan apa sekalipun (hatta dalam perang) sama sekali tidak dibenarkan oleh Islam. Firman Allah, bermaksud:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يَقْتَلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا

Maksudnya:

“Dan perangilah mereka yang memerangi kamu dan jangan kamu melampaui batas...

(Surah Al-Baqarah: 190)

Diriwayatkan dalam sebuah Hadis bahawa apabila Rasulullah menghantar tentera untuk sesuatu operasi ketenteraan maka Rasulullah akan berwasiat dengan maksudnya:

“Janganlah kamu membunuh orang tua yang telah uzur dan jangan kamu membunuh kanak-kanak kecil dan wanita dan janganlah melampaui batas, kumpulkan harta perang, buatlah kebaikan, berlaku ihsanlah sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berbuat ihsan”.

(Riwayat Abu Daud)

Islam melarang umatnya daripada berperangai kasar, kerana kekasaran akan hanya menjauhkan orang lain daripada kita. Firman Allah:

وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِظًّا لَأَنْفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ  
فَأَعْفُ عَنْهُمْ وَأَسْتَغْفِرُ لَهُمْ وَشَاوِرُهُمْ فِي الْأُمُرِ

Maksudnya:

“Jika kamu berlaku kasar dan keras hati, nescaya mereka akan lari daripada kamu. Maka maafkanlah mereka dan pohonkan keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka”.

(Surah Ali `Imran: 159)

## **Rumusan**

Islam adalah agama yang positif dan bersifat terbuka. Selain itu Islam juga adalah agama yang mengutamakan perdamaian dan kemaafan. Allah mengingatkan kita umat Islam sekiranya mereka (musuh Islam) cenderung untuk berdamai, maka berdamailah dan bertawakkallah kepada Allah. Kekuatan Islam dan kekuatan umat Islam masa lampau adalah berpunca daripada sifat keterbukaan Islam. Keterbukaan Islam bukan sahaja daripada aspek persaudaraan sejagatnya yang menganggap semua umat Islam sebagai bersaudara, malah Islam juga bersedia menerima serta menganggap orang-orang bukan Islam yang tidak memusuhi umat Islam serta sanggup hidup bersama secara harmoni sebagai satu umat. Inilah prinsip yang diamalkan Rasulullah s.a.w. di negara Islam Madinah. Demikian juga yang berlaku di sepanjang sejarah kegemilangan umat Islam di Andalus, Mesir dan Baghdad. Orang-orang Yahudi dan Kristian yang menjadi warga daulah Islaamiyah dilindungi dan diberikan hak yang sama seperti mana pengikut Islam. Nyawa, hartabenda dan maruah mereka dilindungi. Demikianlah ajaran Islam mengajar kita supaya berlaku adil kepada semua umat manusia dan hidup bersama dalam rukun aman dan damai sebagai hamba Allah. Islam juga mengajar kita menjauhi sifat pendendam serta menganjurkan kita bersifat pemaaf kerana Allah adalah Maha Pengampun dan sifat pemaaf adalah sifat ahli syurga.

# **Pelan Pembangunan Program Islam Hadhari UiTM**

Oleh  
Jawatankuasa Induk Islam Hadhari  
CITU, UiTM

## **1. Pengenalan**

Islam adalah satu cara hidup komprehensif yang bersifat Hadhari. Dalam perjalanan sejarahnya yang panjang, Islam telah berjaya membentuk identiti budaya dan sosial yang istimewa kepada banyak bangsa di dunia, termasuklah bangsa Melayu. Ajaran Islam yang syumul telah menjadi pendorong kepada penganutnya untuk memacu tamadun kemanusiaan dengan mendirikan kerajaan-kerajaan yang besar dan hebat. Kerajaan-kerajaan awal Islam seperti Daulah Bani Abbas yang berpusat di Baghdad dan kerajaan Bani Umayyah di Andalus telah berjaya membina kemakmuran ekonomi, keamanan dan kebebasan kepada seluruh rakyat, tanpa mengira bangsa, agama mahupun warna kulit. Di bawah naungan pemerintahan Islam juga terhasilnya karya-karya agung dalam bidang saintifik, kemanusiaan dan keagamaan serta semua aspek lain kehidupan manusia.

Sarjana-sarjana Islam telah memberikan sumbangan yang mengagumkan kepada berbagai bidang ilmu pengetahuan dan seni. Contohnya Ibn Hazm telah mengasaskan ilmu perbandingan agama sebagai satu cadang ilmu kemasyarakatan, Ibn Khaldun telah mengasaskan disiplin ilmu sosiologi dan pengajian perbandingan tamadun, al-Idrisi memberi sumbangan kepada bidang kartografi serta menghasilkan beberapa glob terawal. Demikian juga saintis-saintis Islam telah meletakkan asas-asas sains moden dengan menghasilkan berbagai teori sains. Nama-nama agung seperti al-Biruni dalam bidang oftalmologi, al-Khwarizmi dalam bidang matematik algebra, Ibn Sina dan al-Razi dalam bidang perubatan, Ibn Khayyam dalam bidang matematik-astronomi, al-

Zahrawi dalam bidang surgeri dan ribuan lagi sarjana agung yang dihasilkan tamadun Islam tinggal kekal dalam lipatan sejarah ketamadunun sebagai individu yang berjasa besar kepada manusia sejagat. Karya-karya agung mereka diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa Eropah dan mempengaruhi pemikiran golongan intelektual Eropah untuk selama beberapa abad.

Kecemerlangan, kegemilangan dan keterbilangan kota Baghdad dan Cordova yang merupakan dua buah pusat perkembangan kebudayaan manusia terulung dari abad ke-9 hingga ke-12M tiada saingannya di serata dunia, baik di Timur, maupun di Barat. Dengan kata lain, ajaran Islam telah berjaya menghasilkan satu bentuk tamadun terunggul dalam sejarah peradaban manusia. Justru, tamadun Islamlah satu-satunya tamadun paling seimbang yang memberikan tumpuan saksama kepada pembangunan kerohanian dan kejasmanian manusia.

Islam telah menjadi suatu kekuatan yang membawa tamadun kepada dunia. Penyebaran Islam ke Alam Melayu telah mengangkat serta melonjakkan martabat umat Melayu sebagai satu bangsa besar yang turut mewarnai tamadun dunia. Kemunculan Kerajaan Melayu Melaka, Pasai, Acheh, Pattani dan Berunei sebagai kerajaan-kerajaan agung di rantau sebelah sini adalah antara contoh bagaimana Islam telah membantu memartabatkan bangsa Melayu. Sejak itu Islam telah menjadi sebat dengan jiwa Melayu dan terus dipertahankan sebagai entiti terpenting jatidiri Melayu.

Hasrat kerajaan untuk menyemarak dan memperkuuhkan kedudukan bangsa Melayu berteraskan Islam Hadhari adalah suatu langkah murni dan bijak. Hadhari bukannya suatu konsep atau dasar baru, tetapi merupakan kesinambungan daripada kecemerlangan tamadun Islam masa lampau. Dasar Islam Hadhari adalah usaha murni ke arah mendaulatkan Islam sebagai peradaban yang menjadi landasan pembangunan negara. Dasar ini adalah pendekatan Islam yang universal dan menampilkkan Islam sebagai rahmat kepada seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Dengan Islam Hadhari, negara ini akan dibangunkan menjadi

negara Islam pertama yang mencapai status negara maju mengikut acuannya sendiri. Negara ini sedang memasuki fasa pembangunan yang baru. Dasar pembangunan yang menuju ke arah pembinaan tamadun Islam kontemporari. Inilah intipati Islam Hadhari sepetimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, Menteri di jabatan Perdana Menteri ketika diajukan soalan tentang perkara berkenaan. Beliau menjelaskan:

*"Islam Hadhari adalah konsep Islam yang menekankan aspek pembangunan, misalnya pendidikan Islam, pengurusan pentadbiran yang baik, unsur ketamadunan yang baik, pembangunan yang baik, bukan sahaja fizikal tetapi merangkumi kerohanian, pembangunan yang berkaitan dengan agama, pendidikan dan juga ekonomi Islam..."*

Alhamdulillah, masyarakat Malaysia kini mulai memahami apakah yang dimaksudkan dengan Islam Hadhari. Ini merupakan kejayaan awal usaha yang dilaksanakan para intelektual, sarjana, dan agensi-agensi kerajaan. Konsep Islam Hadhari menekankan kedua-dua aspek luaran dan dalaman manusia. Manusia perlukan kemajuan tetapi biarlah kemajuan yang cuba dicapai itu menurut landasan sebenar Islam. Usaha menerang serta menerapkan konsep Islam Hadhari ini perlu dilakukan secara berterusan supaya masyarakat Islam khususnya generasi muda benar-benar faham dan dapat menghayatinya. Atas kesedaran ini maka UiTM melalui Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) merasa terpanggil untuk turut berperanan aktif bagi menjayakan lagi pengamalan dan perlaksanaan konsep ini.

## **2. Rasional dilaksanakan di UiTM**

UiTM adalah sebuah institusi pendidikan tinggi unik yang ditubuhkan bertujuan membela masyarakat bumiputra. Hari ini UiTM telah berjaya besar kepada pembangunan masyarakat bumiputra kerana telah berjaya mengubah status ramai pelajar bumiputra yang datang daripada pelbagai latar belakang kepada individu yang mempunyai masa depan yang cerah. Sumbangan UiTM ini membawa kepada kestabilan dan kesejahteraan negara kerana melahirkan Melayu dan bumiputra yang berjaya. Apabila masyarakat bumiputra berjaya, tidak akan ada kumpulan yang merasa

terpinggir dan ini akan mewujudkan kestabilan negara. Pengalaman negara melalui peristiwa hitam 13 Mei 1969 memberi kesedaran kepada orang Melayu bahawa agihan peluang ekonomi yang saksama juga adalah penting untuk kestabilan negara. Justru itu kerajaan telah mengambil pendekatan yang bijaksana dengan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru yang memastikan pengagihan kek ekonomi negara berlaku secara saksama.

Pada hari ini masyarakat Melayu sudah banyak berubah, tetapi masih juga jauh ketinggalan berbanding kaum-kaum lain, sama ada dalam bidang pendidikan maupun ekonomi. Malah menurut Pendana Menteri, dalam bidang keagamaan pun orang Melayu masih jauh daripada sempurna. Dibandingkan dengan warga keturunan India pun orang Melayu masih ketinggalan. Peluang dan kemudahan yang disediakan kerajaan lebih banyak dimanfaatkan orang lain, terutamanya warga keturunan Cina. Ramai orang Melayu, termasuk yang berkedudukan diperalat oleh kaum lain. Orang Melayu masih juga ketinggalan walaupun kemudahan ada di sekeliling mereka kerana orang lain lebih pandai menggunakan kesempatan yang ada. Matlamat yang hendak dicapai oleh bangsa Melayu belum lagi tercapai, kerana itu bangsa Melayu perlu merangka strategi dan pendekatan baru. Kekuatan Melayu tidak seharusnya terbatas dengan kekuatan politik semata-mata. Justru kekuatan politik Melayu tidak mungkin dapat bertahan tanpa berakar kukuh dengan penguasaan ilmu, penguasaan kemahiran, sains dan teknologi serta penguasaan ekonomi. Oleh itu, agenda Melayu perlu diteruskan dalam kerangka, matlamat dan pendekatan yang berbeza.

Melayu adalah bangsa berhemah dan berpotensi untuk memimpin dunia. Dalam keadaan di sesetengah negara Islam umat Islam mengambil pendekatan radikal dalam menghadapi pertembungan budaya dengan tamadun barat yang akibatnya ialah kekacauan dan pertumpahan darah, Malaysia mengambil pendekatan yang sederhana dan bijaksana, di mana dorongan yang kuat untuk bertindak atas nama agama ini disalurkan ke arah kebaikan, kemajuan dan pembangunan. Pendekatan inilah yang dikenali sebagai Islam Hadhari, yakni pendekatan ke arah tamadun Islam

yang progresif. Ia adalah satu pendekatan yang serasi dengan kemodenan tetapi berakar umbi kukuh dalam nilai mulia dan ajaran Islam. Pendekatan ini mengetengahkan 10 dasar asas iaitu kepercayaan dan warak kepada Allah (untuk umat Islam), kerajaan yang adil dan dipercayai, rakyat yang bebas dan merdeka, keghairahan untuk menguasai ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi yang seimbang dan menyeluruh, mutu kehidupan yang baik untuk rakyat, perlindungan hak kumpulan minoriti dan wanita, integriti moral dan budaya, pemuliharaan sumber asli dan alam sekitar serta kemampuan pertahanan yang kuat. Usaha murni ini bertujuan menjadikan negara ini sebuah tempat yang lebih baik untuk generasi akan datang.

Sebagai sebuah institusi pendidikan bumiputra yang menjunjung cita-cita murni kerajaan, UiTM perlu bertindak pro-aktif dalam menyahut saranan Perdana Menteri untuk melahirkan masyarakat Islam yang progresif berlandaskan prinsip Islam Hadhari tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab utama UiTM untuk melahirkan generasi muda yang memiliki saksiah berkualiti, berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia serta berketrampilan. Dengan kata lain, graduan yang dihasilkan UiTM bukan sahaja seharusnya bijak, tetapi juga memiliki kepribadian yang baik. Salah satu kualiti penting yang seharusnya dimiliki oleh setiap graduan UiTM ialah tahap disiplin yang tinggi yang merupakan pra-syarat untuk melahirkan individu yang berketrampilan tinggi dan mampu memimpin masyarakat ke arah kebaikan.

Sehubungan itu, dapatlah dirumuskan betapa pentingnya prinsip Islam Hadhari dilaksanakan di UiTM berasaskan fakta berikut:

- o UiTM sebagai sebuah universiti Bumiputra (Melayu) terbesar di Malaysia.
- o Majoriti siswa serta staf (akademik dan non akademik) terdiri daripada orang Melayu (Muslim).
- o UiTM merupakan sebuah universiti harapan kerajaan bagi menjana umat Melayu perkasa, ditambah lagi pada tahun 2006 nanti UiTM berhasrat mencapai "*World Class University*".

- o Mampu menjana ketuanan Melayu yang berasaskan prinsip-prinsip Islam yang terdapat di dalam 10 prinsip Islam Hadhari.

Rasional ini menjelaskan betapa pemasyhuran dan pengamalan Islam sebagai *a way of life* menjadi satu kemestian di kalangan warga UiTM, sama ada di kalangan siswa mahupun staf keseluruhannya. Selari dengan Islam sebagai agama rasmi yang termaktub dalam Perlembagaan negara di samping Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

### 3. Objektif

- Menyahut seruan Perdana Menteri bagi memberi kefahaman dan penghayatan Islam Hadhari kepada semua warga UiTM.
- Melahirkan masyarakat UiTM yang dapat melaksanakan 10 prinsip Islam Hadhari.
- Membangunkan kursus-kursus pendidikan Islam dan kurikulum di peringkat pelajar dan staf UiTM.

## 4. Pelan Tindakan Program

### 4.1 Dasar Pengisian

Pengisian kepada siswa dan staf semestinya berpandukan kepada 10 prinsip falsafah kecemerlangan Islam yang terdapat di dalam Islam Hadhari iaitu:

- Keimanan dan Ketakwaan kepada Ilahi
- Kerajaan adil dan beramanah
- Rakyat berjiwa merdeka
- Penguasaan ilmu pengetahuan
- Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
- Kehidupan berkualiti
- Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita
- Keutuhan budaya dan moral
- Pemeliharaan alam semula jadi
- Kekuatan pertahanan

Pengisian ini didasarkan kepada Prinsip *Maqasid al-Syariah* iaitu:

- Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan agama
- Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan akal
- Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan nyawa
- Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan harta
- Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan keturunan.

## **4.2 Modus Operandi**

### **Kepada Mahasiswa**

- o Mewajibkan semua siswa UiTM mengambil kursus Islam Hadhari.
- o Bengkel atau seminar mengenai Islam Hadhari.
- o Bengkel/ seminar berkenaan saksiah dan kepimpinan pelajar selari dengan visi dan misi universiti dan dasar negara.
- o Siri wacana Intelektual Hadhari.
- o Menyediakan program alternatif yang inovatif menjurus ke arah pembentukan mahasiswa yang mempunyai jatidiri Melayu Muslim.
- o Menganjurkan program-program seni budaya yang memupuk nilai-nilai murni kemanusiaan sejagat.
- o Memupuk semangat usahawan dengan mencontohi usahawan Muslim berjaya.

### **Kepada Staf**

- o Taklimat / sesi percambahan fikiran mengenai Islam Hadhari.
- o Wacana Ilmu/Intellectual Discourse bersiri yang menyentuh sepuluh (10) prinsip Islam Hadhari.
- o Wacana Ilmu bersiri mengenai lima (5) maqasiq al-Syariah
- o Mengadakan kursus-kursus Islam Hadhari di peringkat sijil contohnya kursus pemantapan saksiah diri, kursus pengurusan masjid, kursus pra dan pasca perkahwinan, kursus

pemantapan ibadat solat dan lain-lain untuk staf dan masyarakat awam dengan kerjasama badan-badan Islam seperti JAIS, JAKIM, YADIM dan lain-lain.

- o Seminar dan pameran bergerak ke seluruh pelusuk negara yang menonjolkan aspek kecemerlangan Islam Hadhari.

#### **4.3 Jaringan Hubungan Kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam**

- Mengadakan siri kerjasama yang bersifat MOU dan MOA dengan organisasi-organisasi Islam Negeri dan Persekutuan dalam bidang pendidikan, dakwah dan pembangunan ekonomi ummah.
- Pameran bergerak yang menonjolkan kejayaan umat Islam Malaysia dalam bidang pendidikan dan keusahawanan.

#### **5. Ahli Jawatankuasa**

AJK Induk (Terdiri daripada penaung, penasihat, dll dari kalangan warga UiTM).

AJK Cawangan/ fakulti/ bahagian/ unit/pengarah dan CITU cawangan.

#### **6. Peserta**

Mahasiswa, staf dan masyarakat setempat

#### **7. Tokoh Bicara**

Tokoh bicara dari dalam UiTM dan agensi-agensi luar seperti JAKIM, YADIM dan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan.

## **8. Penutup**

Sejak keruntuhan empayar Uthmaniyyah, seluruh umat Islam bagaikan kehilangan arah, jatidiri dan tempat berlindung. Negara mereka dipecah-pecah mengikut selera kuasa imperialis Barat serta ekonomi negara Islam disedut dengan selahap-lahapnya. Walaupun pada hari ini kebanyakan negara Islam telah berjaya merebut kembali kemerdekaan tanahair mereka, namun pada hakikatnya kebanyakan negara Islam masih lagi terbelenggu dengan elemen penjajahan Barat, terutamanya dari segi nilai budaya dan ekonomi mereka. Banyak umat Islam yang masih terbelenggu dengan kemiskinan dan buta huruf miskipun negara mereka kaya dengan hasil dan sumber alam. Di tengah-tengah masyarakat dunia menikmati kemakmuran hidup, sebilangan besar umat Islam masih dibelenggu dengan penindasan dan ketidakadilan. Umat Islam masih tidak mendapat pembelaan yang sepatutnya. Oleh itu, langkah Perdana Menteri Malaysia menjadikan Islam Hadhari sebagai prinsip asas pembangunan negara adalah satu tindakan murni ke arah meletakkan Malaysia sebagai model negara Islam terbaik pada abad ini. Bagi menentukan hasrat murni ini dapat dijayakan dengan berkesan, maka semua pihak di semua peringkat sewajibnya memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi. Islam Hadhari perlu direalisasikan dengan sebaik mungkin agar impian kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang maju, dihormati dan dicontohi negara Islam lain menjadi kenyataan.

Dan khusus bagi UiTM, demi merealisasikan hasrat murni ini, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) bersedia memainkan peranan utama sebagai penggerak program Islam Hadhari ke arah memartabatkan UiTM sebagai universiti terunggul yang menjana ketamadunan selari dan selaras dengan nilai-nilai murni kemanusiaan sejagat serta dasar negara berhubung kegiatan keagamaan.



# M

Alamat utama pembentukan masyarakat

Hadhari ialah untuk membangunkan warga Malaysia menurut acuan kita sendiri, yang berdasarkan masyarakat cemerlang, gemilang dan terbilang melalui Sepuluh Prinsip Utama yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, di antaranya ialah:

- Keimanan dan ketaqwaan kepada Ilahi
- Kerajaan yang adil dan beramanah
- Rakyat yang berjiwa merdeka
- Penguasaan ilmu pengetahuan
- Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
- Kehidupan berkualiti
- Pembelaan hak kumpulan minority dan wanita
- Keutuhan budaya dan moral
- Pemeliharaan alam semulajadi
- Kekuatan pertahanan.

ISBN 983-3386-00-8

9 789833 386000



Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam  
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
Tel: 03-5544 2650 / 2670 Fax: 03-5544 2668 E-mail: musaa838@salam.uitm.edu.my  
<http://www.uitm.edu.my/citu/>